

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil.15

Isnin

1 Disember 2014

K A N D U N G A N

| | |
|---|--------------|
| MENGANGKAT SUMPAAH | (Halaman 1) |
| PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA: | |
| Mengalukan Pelantikan Ahli-ahli Baru | (Halaman 1) |
| Mengangkat Sumpah di Luar Dewan | (Halaman 3) |
| Memperkenalkan Akta-akta | (Halaman 3) |
| Perutusan Daripada Dewan Rakyat | (Halaman 4) |
| URUSAN MESYUARAT | (Halaman 3) |
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 3) |
| RANG UNDANG-UNDANG: | |
| Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014 | (Halaman 24) |
| Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014 | (Halaman 39) |
| Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014 | (Halaman 63) |
| Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2014 | (Halaman 67) |
| Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2014 | (Halaman 68) |
| Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014 | (Halaman 71) |
| USUL-USUL: | |
| Merentikan Kuat Kuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat di Bawah P.M 82(1) | (Halaman 41) |
| Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 71) |

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 1 Disember 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Tuan Koh Chin Han
- Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Tuan Koh Chin Han dan Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng yang baru sahaja sebentar tadi mengangkat sumpah di Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat berdua kerana baru sahaja mengangkat sumpah sebentar tadi dan setelah disaksikan oleh kesemua Ahli Yang Berhormat. Secara kebetulan, hari ini adalah hari pertama kita mengadakan sesi dan kesempatan diambil untuk memberi peluang kepada Yang Berhormat terus mengambil bahagian dalam sesi yang akan kita adakan pada hari ini sampai tanggal 18 Disember yang akan datang.

Seperti mana lafaz Yang Berhormat nyatakan sebentar tadi ikrar angkat sumpah dan taat setia, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat termasuk saya juga. Setiap Ahli Yang Berhormat sama ada di peringkat Parlimen ataupun Dewan Negara, semuanya mengangkat sumpah di atas kenyataan yang sama iaitu jujur dan juga akan memelihara, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara.

Ketaatsetiaan semua Ahli Yang Berhormat adalah penting kerana inilah tempatnya ke atas semua Ahli Yang Berhormat yang saya anggap bagi Senator-senator ataupun Ahli Dewan Negara amat bernasib baik kerana Yang Berhormat semua mewakili seluruh rakyat Malaysia.

Bila saya sebut rakyat Malaysia, Malaysia ialah satu negara masyarakat majmuk, berbilang kaum, bangsa, keturunan dan sebagainya. Ternyata dalam perlembagaan kita, peruntukan-peruntukan semua ada.

■1010

Saya hendak mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, khususnya yang baru angkat sumpah tadi. Dua perkara dokumen perlu Yang Berhormat lancar, mengetahuinya dan memahaminya iaitu peraturan mesyuarat. Peraturan Dewan mesti dihormati. Yang Berhormat adalah Ahli-ahli Yang Berhormat, maknanya ada hormat. Untuk orang berhormat, kita mesti juga tahu menghormati diri kita sendiri dulu. Oleh yang demikian, Yang Berhormat jaga-jaga sikit perkataan-perkataan yang dikeluarkan. Di samping itu, saya tidak menahan siapa pun untuk mengeluarkan idea-idea, pandangan yang bernas, konstruktif yang baik untuk rakyat kita seluruh negara. Bila sebut rakyat Malaysia, berbilang kaum, berbilang agama, keturunan, kita mesti sensitif kepada keadaan semasa untuk mengawal, untuk menentukan negara kita aman damai.

Yang Berhormat, baru-baru ini kita semua sedia maklum bahawa perkara-perkara sensitif telah ada didengar. Ini menunjukkan bahawa ada segelintir masyarakat kita telah mula lupakan apa yang telah terjalin, yang dikatakan *social contract* dan pemahaman oleh pemimpin dulu, kita mesti sentiasa bersikap sensitif kepada masyarakat Malaysia kita. Yang Berhormat semua, saya tidak mahu cakap panjang kerana lepas ini kita akan terus bersidang. Saya berharap Yang Berhormat, termasuk juga yang ada beberapa orang yang baru angkat sumpah yang kali pertama sesi ini, saya juga ingin menyarankan kepada Yang Berhormat itu supaya berhati-hati.

Di samping itu saya hendak menyatakan bila Dewan bersidang, *be serious*, dengan izin. Jangan ambil ringan dan keluar-masuk, keluar-masuk. Tentukan, kita ada hanya 12 hari sahaja. Jangan ambil ada hal itu, ada hal ini, keluar-masuk, keluar-masuk. Maknanya, Yang Berhormat tidak mengikuti perjalanan Dewan. Macam mana hendak berdebat, macam mana hendak berbahas? Saya hendakkan *be serious* dan saya setakat ini syukur *alhamdulillah* tidak ada masalah di Dewan Negara.

Akan tetapi perkara-perkara ini saya mesti serius menentukan kedudukan Dewan Negara tetap dihormati. Bukan soal peribadi saya, persoalannya Dewan yang mulia ini dan kerusi yang saya pegang mestilah dihormati. Contohnya, bila bercakap, mesti seorang saja yang *at all time*, dengan izin, boleh bercakap dan mesti diarahkan kepada saya. Jangan, saya tidak mahu melihat 5 hingga 6 orang sekali bangkit. Ini perkara penyakit di Dewan Rakyat jangan dibawa ke Dewan Negara.

Saya hendak nyatakan di sini secara terus terang bahawa perkara ini saya lihat memang tidak baik. Kita hendak jaga nama negara kita bahawa negara kita sekarang ini dipandang oleh seluruh dunia. Sekian sahajalah Yang Berhormat, kata-kata aluan saya dan seterusnya kita teruskan Majlis kita. Silakan.

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli yang mengangkat sumpah di luar Dewan mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang di nyatakan seperti berikut:

Pada 14 Julai 2014:

1. Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat

Pada 25 Ogos 2014:

1. Yang Berhormat Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam
2. Yang Berhormat Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal

Pada 10 September 2014:

1. Yang Berhormat Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin

Pada 3 November 2014:

1. Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai
2. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd Samad
3. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah

Pada 20 November 2014:

1. Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh

Kepada mereka ini telah pun mengangkat sumpah sebelum sidang Dewan ini. Silakan.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan 2014;
2. Akta Yayasan Guru Tun Hussien Onn 2014;
3. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013;
4. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2014;

5. Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Pindaan) 2014 dan;
6. Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2014

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membaca Perutusan]

“27 November 2014

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujuinya:

1. Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014; dan
2. Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014;
3. Rang Undang-undang Perbekalan 2015;
4. Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) No. 2 2014;
5. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2014;
6. Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014;
7. Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014;
8. Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2014;
9. Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2014;
10. Rang Undang-undang Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) 2014;
11. Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2014;
12. Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2014;
13. Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2014; dan
14. Rang Undang-undang Juruukur Bahan (Pindaan) 2014

Yang Ikhlas,

t.t

Yang di-Pertua Dewan Rakyat.”

Tuan Yang di-Pertua: Minta seorang Yang Berhormat Menteri menyokong.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Bagi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, kalau boleh saya minta Yang Berhormat semua yang bertanya terus kepada soalan, jangan panjang-panjang. Yang kedua, pihak yang menjawab pun, jawab pada soalan yang telah dikemukakan, bagi peluang kepada soalan tambahan. Itu saya hendak bangkit kerana ini akan memberi ruang untuk kita boleh menjawab sebanyak mungkin soalan-soalan yang banyak yang ada tiap-tiap hari. Sekian, sekarang saya mula kepada pertanyaan pertama Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong.

1. **Dato' Boon Som a/l Inong** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memulakan siasatan berhubung pendedahan Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), baru-baru ini bahawa jawatankuasa itu mengesyaki berlakunya amalan rasuah dalam pemberian tender berjumlah RM2 bilion kepada syarikat-syarikat yang membekalkan pengawal-pengawal keselamatan untuk sekolah-sekolah di seluruh negara; dan
- (b) bilangan pegawai kolar putih dan orang ternama dan kenamaan yang disiasat oleh Suruhanjaya Rasuah Malaysia (SPRM) serta dijatuhkan hukuman kerana terbabit dalam kegiatan menerima rasuah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memandang serius kelemahan dan ketirisan yang dibentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Adalah tugas dan tanggungjawab SPRM untuk menyiasat kes-kes berunsur rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang diketengahkan dalam LKAN ataupun Laporan Ketua Audit Negara di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta SPRM 2009. Namun demikian, bukan semua isu yang dibangkitkan dalam LKAN merupakan kesalahan yang berunsur rasuah. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah lebih kepada salah laku yang melibatkan urusan pentadbiran pengawal-pengawal sekolah.

Urusan tindakan tatatertib berkaitan kawalan keselamatan sekolah telah dilaksanakan berdasarkan kepada teguran Audit. Tindakan tatatertib tidak berkaitan dengan urusan pemberian tender, namun lebih merujuk kepada aspek pelaksanaan pembayaran yang dibuat kepada syarikat keselamatan yang tidak menepati kualiti kerja atau prosedur ataupun spesifikasi kerja.

■1020

Sehingga 31 Oktober 2014, sebanyak tujuh kes tatatertib telah dilaksanakan terhadap Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bergred DG48 hingga DG54. Yang keduanya, SPRM menjalankan siasatan tanpa mengira sama ada orang kenamaan atau orang biasa. Ini kerana impak buruk daripada rasuah sama ada kecil atau besar boleh memudaratkan kesejahteraan masyarakat, ekonomi dan keselamatan negara. Semenjak dari tahun 2009 sehingga kini, ramai individu telah disabitkan termasuk kes-kes individu yang menarik perhatian umum seperti anggota pentadbiran, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, GLC, swasta dan juga ahli-ahli politik. Senarai nama individu yang terlibat boleh dilihat dalam laporan tahunan SPRM ataupun portal SPRM. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Dato' Boon Som a/l Inong. Ya, silakan.

Dato' Boon Som a/l Inong: Soalan tambahan saya, selalunya ramai memperkatakan bahawa SPRM banyak tertumpu kepada pegawai bawahan, pegawai di atas tidak ambil tindakan. Saya nak tanya, berapakah pecahan pegawai kerajaan atau swasta, orang awam, politik, ahli majlis yang telah disiasat dan ditangkap sebelum ini dan ke tahap manakah keazaman politik ataupun, dengan izin, *political will* kerajaan untuk memerangi rasuah. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana laporan SPRM baru-baru ini, Yang Berhormat boleh rujuk buku tersebut, di mana sebahagian ringkasnya saya ingin sebutkan di sini sepanjang tahun 2009 sehingga Oktober 2010, SPRM telah membuka Kertas Siasatan (KS) terhadap 3522 orang penjawat awam, 1222 orang swasta, 1515 orang awam, 100 orang politik dan 1 orang ahli majlis. Kalau kita berdasarkan angka ini menunjukkan bahawa SPRM cukup serius dalam mengambil tindakan kepada semua mereka yang terlibat dengan rasuah tetapi persoalannya tentang Laporan Audit.

Semua Laporan Audit itu seperti yang telah saya sebutkan, ianya akan melibatkan beberapa kategori tindakan sama ada tindakan tatatertib yang kita ambil terus melalui JPA dan juga jabatan yang berkenaan ataupun lain-lain perkara yang ada hubung kait dengan rasuah, pihak SPRM akan mengambil tindakan sendiri. Serius ataupun tidak Yang Berhormat, angka ini menunjukkan bahawa kita cukup serius dan maklumat daripada orang ramai dengan cara tulus ikhlas adalah diperlukan untuk membolehkan SPRM mengambil tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat To' Puan Zaitun binti Mat Amin.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri itu tadi, saya ingin bertanya berapakah jumlah ketirisan perbelanjaan kerajaan bagi tahun 2013 yang telah dikesan oleh SPRM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ketirisan ini, yang pertama sekali kalau hendak angka yang sebenarnya, saya terpaksa minta notis tapi secara umumnya sebab rakyat sedang memerhati kita dalam jawapan ini, kita nak maklumkan bahawa semua sekali tindakan yang telah dilaporkan oleh Ketua Audit Negara, kita ambil tindakan berdasarkan kepada kesalahan-kesalahan masing-masing. Kalau kesalahannya melibatkan tatatertib, maka tindakan tatatertib akan diambil. Contohnya macam tindakan tatatertib yang kita ambil ini merupakan kelalaian. Setengah

yang bergred 48 hingga 54 ini dia lalai, dia *sign* benda yang mungkin kerani suruh *sign* lalu dia pun *sign*. Itu pun kita ambil tindakan.

Jadi, ia bukan melibatkan ketirisan, ia melibatkan tingkah laku. Kemudian yang lain-lain itu, yang ada melibatkan unsur-unsur rasuah, SPRM akan ambil tindakan seperti angka yang telah disebutkan dan sekiranya ia melibatkan perkara-perkara yang melibatkan jabatan, kita ambil tindakan melalui jabatan. Jadi tidak ada satu ruang pun yang kita membiarkan benda itu berlalu tanpa tindakan. Jadi, tentang jumlahnya saya minta notis tetapi pada keseluruhannya, tidak ada ruang ataupun angin yang, maaf. Tidak ada ruang sebesar jarum pun yang kita tidak ambil tindakan kepada semua sekali cadangan daripada Laporan Audit.

Keduanya, tindakan kita ambil berdasarkan aktiviti-aktiviti rasuah yang berlaku daripada semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, saya fikir Laporan SPRM 2013 telah dibentangkan di Dewan Rakyat dan mungkin juga wajar dibentangkan di Dewan Negara. Saya minta pihak SPRM berbuat demikian.

2. Datuk Chin Su Phin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah usaha dan langkah kementerian dalam merekrut lebih ramai rakyat tempatan Sabah menyertai PDRM terutamanya untuk tugas menjaga perairan ESSZONE Sabah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam bahagia dan selamat pagi. Negara Malaysia dengan kepadatan penduduk 29 juta orang pada tahun 2013 merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum ataupun *multiracial*. Tugas untuk mempertahankan keselamatan negara merupakan tanggungjawab kolektif seluruh rakyat tanpa mengira kaum ataupun keturunan. Pihak Polis Diraja Malaysia amat mengalu-alukan penyertaan kaum lain yang mempunyai kelayakan yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk menyertai pasukan polis terutamanya di peringkat jawatan konstabel dan ke bawah.

Statistik terkini iaitu hingga bulan Oktober, rakyat Sabah yang berkhidmat dalam pasukan Polis Diraja Malaysia mengikut kategori seperti berikut:

- (i) pegawai kanan polis seramai 826 orang iaitu hampir 10%;
- (ii) pegawai rendah polis seramai 9064 orang iaitu 11% lebih; dan
- (iii) kakitangan awam polis seramai 1079 orang.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua:Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan daripada Datuk Chin Su Phin.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, bagi meningkatkan moral dan semangat anggota keselamatan yang bertugas di perairan ESSZONE, adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan elaun khas kepada anggota PDRM yang

bertugas di perairan ini. Ini bukan sahaja dapat memberikan nilai tambah kepada keselamatan perairan ini malah dapatlah menarik minat rakyat tempatan untuk menganggotai PDRM. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat membuat cadangan yang amat menggembirakan bahkan menggalakkan pihak anggota Polis Diraja Malaysia tapi dalam kerajaan membuat keputusan yang sedemikian rupa, Tuan Yang di-Pertua, perlu juga melihat semua suasana bahawa yang berkhidmat di Sabah ataupun khususnya di Lahad Datu adalah melibatkan bukan sahaja PDRM ataupun Polis Diraja Malaysia tetapi juga terlibat maritim, *navy* dan banyak lagi anggota-anggota lain yang ada berkhidmat di sana.

Jadi dalam keadaan sedemikian, sebelum kerajaan membuat keputusan, kerajaan juga perlu membuat kajian yang terperinci, implikasi kewangan dan melibatkan jabatan-jabatan yang tertentu menyumbang perkhidmatan di Sabah sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Dato' Adam bin Abdul Hamid.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak bertanyakan tahap keselamatan sebenar di perairan ESSZONE ini. Menteri kata selamat.

Menteri Pelancongan kata tidak selamat. Ini kita sudah lihat. Dalam pada itu, kita juga dapat makluman bahawa IS cuba bertapak di kawasan ini ataupun di negara sebelah daripada kita. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan tahap keselamatan sebenar kawasan ini untuk makluman Dewan ini dan juga rakyat keseluruhannya. Terima kasih.

■1030

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya walaupun terkeluar sedikit daripada persoalan asal tetapi saya mengalu-alukan persoalan ini untuk dijawab.

Bagi saya dan merangkumi tentera dan maritim yang betul-betul menerajui iaitu polis maritim dan tentera yang menjaga keselamatan di perairan Sabah, kita berani menegaskan bahawa kita jamin keselamatan di Sabah sekarang. Akan tetapi persepsi yang mengatakan bahawa sama ada Menteri ataupun siapa sahaja yang mengatakan tidak selamat adalah berlandaskan persepsi-persepsi yang berlainan. Dari sudut keselamatan dan penilaian dan pendirian kerajaan, bahawa Sabah dan terutamanya di Lahad Datu amat selamat.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kita juga mengambil langkah yang terkini untuk membekalkan anggota-anggota kita sama ada polis, tentera ataupun maritim dengan alat-alat yang canggih yang saya cukup yakin kerajaan tengah menilai permohonan-permohonan semua badan ini supaya Sabah itu jauh lagi lebih selamat, terjaga dan terjamin keselamatannya. Itu yang pertama.

Kedua, persoalan ISIS dan ISIL. Saya mengamati soalan ini bahawa memang ada umpamanya pihak di Filipina mengatakan mereka menyokong perjuangan IS dan ISIL di Iraq dan Syria ini dengan mengatakan bahawa mereka akan mengikuti jejak dan langkah itu. Dalam keadaan sedemikianlah maka Tuan Yang di-Pertua, kita membentangkan Kertas Putih baru-baru ini di Dewan Rakyat untuk menentukan dan memaklumkan kepada masyarakat bahawa kita tidak mengambil ringan walaupun

dalam keadaan Sabah yang kita katakan terjamin keselamatannya ini, kita tidak mengambil ringan dan enteng perkara ini.

Kita merangka dan memberi maklum kepada masyarakat keseluruhan dengan Kertas Putih itu dan merancang untuk menggubal satu undang-undang yang bakal kita bawa ke Parlimen ini nanti untuk disokong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita gunakan undang-undang yang khusus untuk menangani masalah-masalah *terrorism* ataupun keganasan ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

3. Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, langkah-langkah menangani kos kenaikan harga barang dan perkhidmatan yang dijangka naik dengan kadar minimum 1.8 peratus dalam tempoh jangka masa pendek selepas pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai April 2015.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan dua soalan lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai pada hari ini juga iaitu soalan nombor 13 pada 1 Disember 2014 dan Yang Berhormat Dato' Goonasakaren a/l Raman pada 9 Disember 2014 kerana ia menyentuh isu dan perkara yang sama iaitu langkah-langkah persediaan kementerian untuk menghadapi manipulasi harga semasa pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan atau GST. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sedia maklum akan jangkaan kenaikan harga barang dan perkhidmatan selepas penganan cukai barang dan perkhidmatan iaitu GST pada April 2015. Sehubungan dengan itu, kementerian telah dan sedang mengambil tindakan untuk menangani situasi ini. Langkah-langkah adalah meliputi aspek perundangan, penguatkuasaan, pengurusan maklumat harga dan program *advocacy* dan *call centre* iaitu aduan seperti berikut.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang berkuat kuasa telah dipinda bagi memantapkan penguatkuasaan dan pindaan pada 1 September 2014, peraturan-peraturan kawalan harga dan anti pencatutan, mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah iaitu cukai barang dan perkhidmatan sedang dalam fasa akhir penggubalan untuk melengkapkan akta ini.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, Unit Anti Pencatutan telah diwujudkan di Bahagian Penguatkuasaan kementerian bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan dalam menangani isu-isu pencatutan oleh peniaga yang mengambil kesempatan ke atas GST. Pemeriksaan dan pemantauan yang intensif ke atas semua peringkat perniagaan akan bermula di seluruh negara menjelang akhir tahun ini sebagai langkah persediaan awal untuk mengawasi tindakan kenaikan harga oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Ketiganya, satu sistem pengurusan data telah diwujudkan di kementerian bagi memantau pergerakan harga sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan GST. Pangkalan data ini akan membantu

kerajaan mengenal pasti *trend* harga barangan dan pasaran dan juga sebagai rujukan asas dalam penentuan kadar keuntungan yang munasabah. Fasa pertama kutipan data telah pun bermula pada 25 Ogos 2014 dengan penglibatan 1,300 orang pegawai pemantau harga.

Keempat, program *advocacy* telah dan sedang dijalankan berterusan dengan kerjasama Jabatan Kastam, Kementerian Kewangan dan agensi-agensi lain.

Kelima, perkhidmatan dan sistem pengurusan aduan pusat juga iaitu pengurusan aduan pengguna yang sedia ada di kementerian akan ditambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara mengenai kekuatan tenaga pegawai dan penguat kuasa, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Pusat telah meluluskan sebanyak 472 perjawatan baru kepada kementerian pada bulan Julai 2014 sebagai tambahan kepada 1,800 pegawai penguat kuasa yang sedia ada untuk memperkukuhkan penguatkuasaan, dan seluruh anggota penguat kuasa ini telah dan ditempatkan di 73 buah pejabat kementerian di seluruh negara.

Dari segi ada soalan pengambilan pegawai lantikan baru, kriteria adalah mengikut keperluan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Selain daripada itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah melantik 1,300 orang pegawai pemantau harga untuk membantu dan 200,000 orang ahli skuad pengguna dan 579 orang penghulu dan penggawa.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sedang dalam cadangan untuk menubuhkan Mahkamah Khas bagi mendengar dan mengadili kes-kes bersabit dengan kesalahan mencatat berkaitan dengan GST dan kementerian sedang berurusan dengan Ketua Pendaftar Mahkamah untuk mengambil tindakan ke atas penubuhan Mahkamah Khas tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya menjawab soalan yang ketiga. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mengeluarkan buku panduan harga yang detil iaitu terperinci yang menunjukkan perbezaan harga barangan dan perkhidmatan sebelum dan selepas pelaksanaan GST agar orang kampung terutamanya, faham mengenai sistem percukaian GST ini? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian akan mengeluarkan senarai harga-harga barang yang terlibat dan sekarang ini dalam persediaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, ada barang-barang, walaupun GST ini akan bermula pada April 2015, jadi ada bekalan barang yang berkadar sifar GST seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini di Dewan Rakyat iaitu contohnya barang makanan seperti beras, tepung gandum, sagu serta kacang, gula, minyak masak. Itu daripada segi barang makanan termasuk juga barang produk pertanian seperti padi, sayuran segar, ulam-ulaman, termasuk juga binatang ternakan dan juga daging iaitu lembu, kambing, kerbau dan lain-lain. Makanan laut semua jenis termasuk ikan kering dan juga ikan bilis, utiliti bekalan air paip dan perubatan, ubat, gas dan sebagainya. Jadi kita akan sediakan semua senarai ini sebelum dan juga setelah GST ini dilaksanakan. Terima kasih.

■1040

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Hajah Khairiah.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi berkait dengan penguatkuasaan ke atas harga-harga barang apabila GST diperkenalkan, saya memohon pandangan ataupun langkah yang mungkin boleh diambil oleh pihak kementerian berkait dengan kerjasama pihak kerajaan negeri terutamanya di bawah pihak kerajaan negeri kita mempunyai banyak PBT dalam usaha untuk membantu pihak kerajaan dalam mengawal harga-harga barang terutamanya apabila GST diperkenalkan. Apakah bentuk kerjasama dari sudut penguatkuasaan yang boleh dilaksanakan antara Pusat dan pihak kerajaan negeri? Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Khairiah. Memang benar seperti Yang Berhormat sebut. Kita memang memerlukan kerjasama dengan pihak kerajaan negeri. Sebab itu baru-baru ini kita telah meminda akta di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk meminta kerjasama dengan pihak PBT kerana pihak berkuasa tempatan mempunyai pegawai-pegawai penguat kuasa yang begitu ramai yang terdapat di seluruh PBT di dalam negara dan tugas mereka adalah untuk membantu pegawai-pegawai penguat kuasa kementerian setelah GST ini dilaksanakan untuk membuat pemantauan dari segi tindakan-tindakan ataupun tindakan yang diambil oleh pihak peniaga.

Jadi sebab itu kerjasama dengan pihak kerajaan negeri, Tuan Yang di-Pertua begitu diperlukan dan sebab itu akta ini telah pun digubal bagi membolehkan kita gunakan pegawai-pegawai penguat kuasa PBT di seluruh negara. Terima kasih.

4. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah tegas dan berkesan kerajaan dalam memastikan pelbagai dasar, undang-undang dan peraturan yang dibuat oleh kerajaan dikuatkuasakan dengan tegas dan berkesan supaya tidak berlaku pelanggaran dan keingkaran yang berleluasa dan berulang seperti keingkaran membayar hutang PTPTN, pembukaan dan penggunaan secara haram tanah tempatan oleh pendatang-pendatang asing yang seakan-akan menggambarkan ketidakseriusan kerajaan dalam melaksanakan dasar, undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, daripada aspek pendakwaan tindakan pendakwaan hanya boleh diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab jika keingkaran ataupun pelanggaran mana-mana undang-undang terjumlah kepada suatu kesalahan. Berhubung dengan keingkaran membayar semula pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), tindakan guaman boleh diambil terhadap sebarang pelanggaran atau keingkaran membayar semula pembayaran tersebut.

Menurut seksyen 22A, Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 [Akta 566], tindakan senarai hitam boleh diambil jika penerima pembiayaan masih ingkar membuat pembayaran balik pembiayaan atau tidak memberikan maklum balas terhadap notis tuntutan yang telah dikeluarkan. Tindakan senarai hitam akan diambil dengan menghalang penerima pembayaran untuk keluar negara dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia. Selain itu, penerima pembiayaan juga tidak dibenarkan memohon atau memperbaharui pasport.

Seterusnya pencerobohan tanah secara haram. Pencerobohan tanah secara haram pula ialah suatu kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan dalam seksyen 425, Kanun Tanah Negara turut terpakai sekiranya ia melibatkan tanah kerajaan sama ada tanah Kerajaan Persekutuan, tanah kerajaan negeri atau mana-mana tanah pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun, tanah rizab dan juga tanah perlombongan.

Jika pencerobohan ini turut melibatkan perbuatan mengambil hasil hutan, perbuatan tersebut merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*]. Sehubungan dengan itu, sama ada sebarang pelanggaran atau keingkaran terjumlah kepada pelanggaran mana-mana undang-undang yang berkaitan atau tidak adalah bergantung kepada perbuatan yang dilakukan. Sekiranya pelanggaran atau keingkaran melibatkan suatu kesalahan jenayah, maka tindakan pendakwaan boleh diambil. Sekiranya pelanggaran atau keingkaran itu melibatkan suatu *tort* iaitu suatu salah laku yang boleh dikenakan tindakan sivil, maka tindakan guaman boleh diambil. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Dato' Dr. Firdaus.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan tetapi saya minta maaf untuk mengatakan bahawa jawapan yang diberikan hanyalah terhadap contoh sedangkan soalan saya ialah perkara-perkara yang lebih prinsipal daripada sekadar contoh. PTPTN dan penerokaan tanah secara haram itu ialah contoh daripada ketidaktegasan kita dalam melaksanakan pelbagai dasar ini. Di tangan saya ini, Tuan Yang di-Pertua ada sebuah buku dikeluarkan oleh INTAN kira-kira 20 tahun yang lalu, '*Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*', dan ini adalah sebahagian dari dasar-dasar dihuraikan di dalam buku ini. Saya tidak tahu sama ada selepas ini INTAN masih lagi meneruskan buku ini atau tidak, tetapi saya percaya ajaran daripada buku ini tidak dimasyarakatkan dengan meluas. Bercakap mengenai soal pemasyarakatan Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat soalan tambahan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya, betul ini tambahan panjang sedikit saya minta.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang-panjang sangat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ini *last* sesi saya di Dewan Negara. Cuma begini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tersirat dalam soalan ini ialah rasa tidak puas hati dan persepsi orang ramai terhadap langkah-langkah kita dalam melaksanakan pelbagai dasar. Apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi hanyalah mengatakan boleh, boleh, boleh. Akan tetapi saya hendak tahu ada atau tidak, boleh betul boleh? Boleh diambil ini dan boleh diambil itu. Umpamanya soal pemasyarakatan jelas tidak dilakukan dengan saksama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maksud Yang Berhormat penguatkuasaan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Pemasyarakatan dan penguatkuasaan. Dua perkara yang berbeza Tuan Yang di-Pertua. Okey, kita tadi tidak puas hati dengan soal penguatkuasaan dan begitu juga apa yang menyebabkan dasar kebangsaan yang tidak dirangkum ialah soal pemasyarakatan dasar

termasuk dasar-dasar kebangsaan seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru dan juga dalam buku ini ada sebuah bab tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak payahlah baca buku itu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya tidak hendak baca.

Tuan Yang di-Pertua: ...Soalan tambahan sahaja.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...Akan tetapi saya hendak memberikan contoh. Dalam buku ini ada satu bab tentang perspektif Wawasan 2020. Sewaktu Wawasan 2020 dibentangkan kepada masyarakat, saya ingat betul-betul ISIS dengan kerjasama yang sangat erat pada sahabat saya, Rustam A. Sani dan juga sahabat kepada Yang Berhormat Syed Husin Ali sana. Berkeliling kerana- ada orang tidur waktu itu, dia masih prokerajaan sebenarnya, Allahyarham Rustam A. Sani. Ini *point last, point* penghabisan Tuan Yang di-Pertua. Sewaktu dasar Wawasan 2020 dimasyarakatkan, saya rasa semua kakitangan kerajaan menghayatinya dengan mendalam. Itu tidak dilakukan sekarang. Saya tidak tahu apa dan sejauh mana usul-usul pemasyarakatan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ringkas Yang Berhormat, soalan tambahan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, okey. Itulah saya minta Yang Berhormat Menteri, kita harus membezakan satu dasar dan kedua pelaksanaan. Kedua-duanya kurang memuaskan. Dasar kurang dimasyarakatkan, pelaksanaan kurang tegas dilakukan. Minta maaf kerana terlalu panjang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua oleh sebab soalan tadi umum, jadi saya jawab secara umum. Akan tetapi kalau ada soalan khusus saya akan jawab secara khusus. Jadi Yang Berhormat bertanya tentang PTPTN, jadi saya jawab secara umum tetapi kalau Yang Berhormat hendak contoh jadi saya bagi contohlah. Contohnya ialah menyenaraihitamkan. Menyenaraihitamkan ini telah menimbulkan ketakutan kepada peminjam-peminjam dan sekarang ini kita lihat sudah ada pertambahan pembayaran. Saya tidak dapat maklumat yang tepat tetapi apabila saya berbual dengan pengerusi, saya tanya dengannya berapakah pembayaran harian sekarang, dia kata lebih kurang dalam *average* RM3 juta macam itu.

Makna kata sudah ada peningkatan daripada jumlah yang lemah pada masa yang lepas dan jumlah yang agak *moderate* sedikit tetapi belum sampai ke peringkat penuh. Ini kerana kalau kata hendak kira sehari RM3 juta sebulan baru- RM30 juta didarab dengan RM30 juta ialah RM90 juta, maka setahun tidak sampai RM1 bilion dan masih di peringkat *moderate* sebab hutangnya berpuluh bilion. Jadi, dia mesti usahakan terus dan orang-orang yang berhutang mesti diperingatkan terus terutamanya dalam khutbah-khutbah Jumaat, bahawa siapa yang tidak bayar hutang dia tempatnya di neraka. Okey, nombor satu.

■1050

Kemudian nombor duanya ialah dari segi pelaksanaan kepada undang-undang yang dibuat. Kita telah maklum, kalau Yang Berhormat tanya khusus tadi saya hendak jawab sebab apa saya terlibat

secara khusus tentang pelaksanaan hukum kepada masalah tanah runtuh dan juga pencerobohan haram di Cameron Highlands. Ini mungkin satu pendekatan yang boleh dikembangkan ke tempat-tempat lain di seluruh Malaysia.

Kita ambil pendekatan secara holistik, secara menyeluruh untuk menangani masalah tanah runtuh dan juga penerokaan haram. Kalau penerokaan haram tidak ada, tidak ada tanah runtuh. Jadi, kita ambil tindakan di mana tidak ada undang-undang baru yang diperkenalkan. Cuma, pelaksanaan penguatkuasaan itu dipertingkatkan. Saya percaya *insya-Allah* kita akan mencapai kejayaan sebab saya di antara orang yang terlibat secara langsung yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Besar Pahang dan saya sebagai Menteri yang terlibat dalam pelaksanaan.

Saya percaya dalam masa tiga bulan kita akan menampakkan kesan. Modal ini mungkin boleh diperkembangkan ke Lojing sebab Lojing ialah yang paling dekat kerana Lojing juga merupakan satu penjarahan tanah yang luar biasa sebab tanah diberi milik kepada orang tertentu dan kita lihat dia telah sub kepada orang lain dan orang lain itu pula telah menjarah tanah itu tidak mengikut peraturan pembinaan tanah mengikut cerun. Kalau hendak kira Lojing itu penjarahan tanahnya lagi teruk sebab ada juga tanah kubur-kubur Orang Asli yang dibongkar untuk tujuan penanaman sayur.

Demikian juga di Janda Baik. Janda Baik juga adalah di antara tempat dan juga Bukit Tinggi yang telah diteroka dengan secara haram tetapi tindakan tidak diambil. Tindakannya agak lemah. Jadi, semua ini akan digerakkan melalui jawatankuasa *insya-Allah* yang telah ditubuhkan kalau sekiranya kita mendapat panduan selanjutnya daripada pihak kerajaan. Akan tetapi, biarlah kita selesaikan Cameron Highlands tetapi tempat-tempat lain kita telah minta supaya semua pihak beri perhatian kepada penguatkuasaan kerana undang-undang telah ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut sedikit. Saya tertarik kelmarin bila dalam Perhimpunan Agung UMNO disebut tentang peremajaan. Orang politik ini, Menteri-Menteri, Tuan Yang di-Pertua kami berapa orang? Kami banyak itu sahajalah. Kalau hendak remaja pun tidak sampai 100 orang pun. Akan tetapi yang paling besar ialah pelaksananya. Seramai 1.5 juta ialah pegawai kerajaan, pegawai polis yang berada lama di stesen-stesen polis, pegawai-pegawai penguat kuasa Jabatan Hutan yang saya tengok dahulu saya memerhati dunia hidup penguat kuasa itu.

Dahulu di peringkat mudanya dia hebat, masuk hutan untuk melaksanakan undang-undang. Sekarang, melihat keadaannya telah berubah. Perutnya sudah makin membesar, pergerakannya makin perlahan. Dibagi *scrambler* pun dia tidak mampu untuk melaksanakan. Saya rasa peremajaan juga mesti dilihat daripada aspek pelaksana iaitu anggota-anggota kerajaan. Umur tidak boleh tukar, sesetengah orang tidak perlu tukar umur tetapi dia boleh remaja. Macam Ustaz Johari Mat, dia boleh remaja. Saya memang sentiasa remaja sebagai contoh. Jadi, peremajaan itu mesti didasarkan kepada orang itu. Tuan Yang di-Pertua sentiasa remaja dan dia mampu untuk membuat kerja-kerja yang kadang-kadang sukar dibuat oleh orang-orang muda.

Peremajaan itu ialah sebagaimana Allah SWT telah sebut dalam Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Hendaklah kamu mengingat-mengingati*". Akhirnya dia jadi remaja. Jadi, dalam

melaksanakan tanggungjawab ini kita hendaklah memastikan supaya anggota pelaksana itu sentiasa menjalankan tanggungjawab di peringkat sebagaimana yang telah ditentukan oleh undang-undang. Dia tidak boleh diperlahankan kerana pegawai itu sudah lewat umur dan sudah gemuk. Dia mesti dilaksanakan.

Kalau tidak boleh dilaksanakan melalui pegawai-pegawai tetap kita perlu ambil pegawai-pegawai kontrak, graduan-graduan yang tidak bekerja yang begitu ramai untuk melaksanakan undang-undang ini kerana JPA pun telah keluarkan sekular bahawa kita boleh mengambil pegawai-pegawai sementara untuk kes-kes darurat. Contohnya banjir, orang pergi curi tanah dan sebagainya. Jadi, undang-undang itu ada. Sekarang ini ialah proses untuk meremajakan, untuk menguatkan undang-undang ini. Jadi, Yang Berhormat yang terakhir di Dewan ini.

Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa oleh kerana tanggungjawab ini telah pun diberi kepada orang-orang yang mampu untuk meremajakan semangat mereka, maka saya percaya ianya dapat dilaksanakan dengan baik di masa akan datang.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira soalan yang dibangkitkan tadi jelas. Sebenarnya kerajaan memperkenalkan pelbagai dasar-dasar yang baik kepada rakyat dan juga peraturannya. Cuma, persoalannya apakah mungkin di sana wujudnya satu sistem naziran umpamanya untuk memastikan pelaksanaan dasar-dasar dan peraturan-peraturan itu betul-betul mencapai sasaran dan juga objektifnya. Kalau tidak berlaku lah seperti mana yang disebutkan tadi.

Isu-isu yang berbangkit ini bukan isu dasar tetapi isu penguatkuasaan. Apakah di sana, di peringkat kerajaan ada terfikir untuk mewujudkan satu sistem naziran secara holistik yang melihat setiap dasar kita secara keseluruhannya?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, naziran ini juga sudah ada dalam undang-undang dan sudah ada agensi pelaksanaannya. Contohnya Jabatan Audit itu ialah sebahagian daripada naziran. Penguatkuasaannya ialah SPRM sebagai contoh. Kemudian PAC itu sendirinya ialah ketua naziran negara ini di mana ia akan menyemak balik apa yang telah dibuat oleh Laporan Audit. Akan tetapi saya percaya Yang Berhormat hendak satu laporan khusus berhubung dengan sesuatu kes.

Saya bagi contoh, saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua supaya orang lihat benda ini dengan serius. Malah, saya pun sedang berusaha sekarang ini dengan JPA untuk memanggil semua sekali anggota-anggota penguat kuasa Jabatan Hutan bagaimana mereka harus buat sesuatu supaya mereka dapat mengambil balik hutan yang telah dijarah dengan menanam semula dan juga memastikan supaya pelaksanaannya berkesan. Dahulu pegawai tidak ramai tetapi tidak ramai pula orang jarah tanah tetapi sekarang pegawai ramai tetapi ramai pula tanah yang dijarah.

Yang Berhormat pergi *highway* pergi ke Kuantan sudah pasti akan melihat Bukit Tinggi yang ditanam halia. Itu ialah tanah haram. Yang Berhormat masuk ke Janda Baik. Kalau Yang Berhormat masuk ke Janda Baik selepas Institut Ilmu, kita lihat kononnya ada hutan. Tidak ada hutan, 10,000 ekar sudah pun diteroka dan penerokaan ini bukan dibuat oleh orang-orang luar daripada negara jiran, tauke-tauke besar tetapi dibuat oleh orang asing yang menggunakan buruh asing, terutamanya orang-orang

Bangladesh membuka tanah dan menggunakan orang asing yang dia mudah dapatkan buruh dan mereka membuka tanah. Mereka buka kerana mereka lihat penguatkuasaan agak rendah.

Jadi, soal sama ada naziran atau pun tidak mungkin saya ini boleh dimasukkan di peringkat naziran, di pihak JPA untuk memastikan supaya pelaksanaannya dibuat dengan baik dan sewajarnya. Akan tetapi sekali lagi saya hendak sebutkan di sini bahawa orang yang sama yang menjadi *ranger* hutan itu dahulu umurnya muda. Sekarang umurnya lewat. Saya lihat pergerakan masuk ke hutan itu agak kurang, tidak seperti dahulu. Hutan makin kurang tetapi lagi kurang masuk maka lagi banyak penjarahan.

Orang yang mencuri hutan ini sebenarnya ialah bukan kaki berani, mereka adalah kaki penakut kerana mereka mencuri belah malam dan juga semasa orang tidak nampak. Dia tidak curi masa orang nampak tetapi kalau kita berani dia akan takut. Akan tetapi kalau kita takut dia akan berani. Semua ini ialah kaki-kaki pengecut yang mencuri tetapi oleh kerana kita tidak ambil tindakan dia menjadi berani. Akan tetapi kalau kita berani dia takut. Sekarang ini di Cameron Highlands saya rasa pendatang asing dan juga kawasan sayur itu sudah tidak ada orang. Kita pergi ke beberapa tempat orang sudah melarikan diri. Tauke pun melarikan diri kerana tindakan tegas yang kita ambil untuk melaksanakan undang-undang.

Insya-Allah seperti Yang Berhormat sebut tadi penaziran itu sebenarnya penting dan ianya akan dipertingkatkan. Benda itu ada tetapi mungkin tidak berapa kukuh di peringkat yang lemah. Mungkin pemikiran meremajakan dari segi semangat itu dapat diterapkan di kalangan anggota-anggota kerajaan dan kita tahu bahawa mereka walaupun sudah tidak berapa bergerak cergas tetapi gaji tinggi.

■1100

Jadi, kita hendak kena maklum bahawa siapa yang pegang gaji tinggi dan menerima pendapatan daripada kerajaan, tidak melaksanakan tugasnya mengikut gaji yang diberi, maka hukumnya haram. Terima kasih.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada semua rakan baru yang dilantik sebagai Senator.

5. Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berapa ramaikah penyebar fitnah siber telah dihukum dan berapa banyak kes telah ditangkap.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Panjang sedikit Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, setiap kes yang mempunyai unsur fitnah yang disiarkan dalam laman sosial atau laman siber, pihak PDRM akan menyiasat di bawah seksyen 500, Kanun Keseksaan iaitu kesalahan fitnah.

Pada tahun 2013, pihak polis telah menjalankan siasatan di bawah seksyen 500, Kanun Keseksaan yang melibatkan laman sosial atau laman siber iaitu sebanyak tiga kes. Satu kes telah dituduh melibatkan ahli politik dan suspek telah dilepaskan daripada tuduhan pada 17 November 2014. Dua kes lagi melibatkan suspek yang tidak dikenali masih lagi dalam siasatan.

Dalam tahun 2014, pihak polis membuka sejumlah 14 kes siasatan berkaitan dengan kesalahan penyebaran fitnah dalam laman sosial atau laman siber. Daripada jumlah tersebut, lima kertas siasatan

telah tidak diteruskan oleh Timbalan Pendakwa Raya, lima kes masih dalam siasatan, tiga kes telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk keputusan dan dua kes telah didakwa di mahkamah. Bagi kes yang dituduh di mahkamah, satu kes masih dalam perbicaraan dengan memberi jaminan, dia kena lepas dan dijamin dengan RM4,000 dan satu kes telah dijatuhkan hukum denda RM10,500 pada 20 November 2014.

Dalam menjalankan siasatan berkaitan fitnah yang dibuat melalui laman sosial atau laman web, laman siber, ia bergantung kepada maklumat yang diperlukan dalam membantu sesuatu siasatan. Kadang kala siasatan berkenaan mengambil masa seminggu, ada juga bertahun mengikut adanya maklumat-maklumat yang tertentu. Jika maklumat yang hendak diperoleh mengguna pakai *server* di luar negara, maka tiada sebarang jaminan untuk pihak polis memperoleh maklumat berkenaan dan kadang kala langsung maklumat berkenaan tidak diberikan kepada pihak polis. Siasatan pihak polis akan menjadi sukar sekiranya tidak mengenal pasti pemilik akaun atau *domain posting* berkenaan. Terima kasih.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan kepada fitnah-fitnah khususnya dalam pilihan raya yang lepas, yang mana pihak Ketua Pembangkang telah menuduh pihak kerajaan mengambil ribuan pengundi Bangladesh menaiki kapal terbang dari luar negara. Kedua, mereka juga telah memfitnah kerajaan menutup lampu-lampu ketika pengiraan undi sedang dilakukan. Ini telah mencemar sistem demokrasi di negara kita dan telah meletakkan negara kita tidak baik di mata demokrasi dunia. Ini fitnah yang amat besar yang patut ditangani dan dihukum kepada mereka yang terlibat, Ketua Pembangkang dan juga penyokong-penyokongnya. Soalan saya ulang balik, apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya undang-undang kita Tuan Yang di-Pertua, digubal pada tahun 50-an. Pindaan kepada undang-undang Kanun Keseksaan hanya dibuat secara berkala dan hanya dibuat secara mengikut keperluan negara. Jadi sudut ini kalau diisytiharkan ataupun dikenal pasti ataupun diistilahkan sebagai fitnah, maka mungkin pihak *Attorney General* ataupun pihak Peguam Negara masih memikirkan apakah tuduhan yang boleh dituduh kepada mereka yang menyebut soalan ekstrem politik ini.

Jadi, saya tidak menggunakan istilah fitnah dalam soal ini kerana saya sendiri belum dapat menerima hakikat bahawa ini adalah satu tuduhan fitnah. Jadi dalam keadaan sedemikian, saya tidak mendapat jawapan oleh sebab ini adalah diutarakan khusus kepada satu kes yang tertentu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, saya hendak tahu apa bentuk penyebaran fitnah siber ini yang telah berlaku dalam masyarakat kita? Kedua, adakah orang yang difitnah tadi perlu membuat laporan terus kepada pihak berkuasa supaya disiasat ataupun boleh juga pihak ketiga yang melakukannya? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit kekeliruan dalam soalan apa dikatakan istilah fitnah. Sebenarnya dalam masalah kesalahan siber ini, ia ada banyak kategori sendiri. Kategori yang pertama dalam sudut

perkauman. Jadi ini juga soalan perkauman, ia bukan fitnah. Ada satu lagi adalah soal keagamaan. Kalau seseorang itu melakukan kesalahan dari sudut agama umpamanya. Ada satu kes, dia tengah makan buka puasa menggunakan bak kut teh babi umpamanya, begitu. Jadi ini dikatakan dalam sudut keagamaan.

Akan tetapi kalau kepada babi, kepala anjing ataupun kepala lembu, kerbau dihantar kepada satu kuil ataupun kepada masjid, ini bukan siber, ia perkara fizikal. Kes yang berlainan, bukan menerusi soalan siber. Jadi yang satu lagi Institusi Diraja. Kalau Institusi Diraja dia kena, Sultan, Yang di-Pertuan Agong, dia kena itu, satu sudut kesalahan. Dalam lagi pentadbiran keadilan iaitu yang ada sedikit mirip kepada apa yang disebut Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam tadi berhubung dengan institusi kerajaan. Jadi ada lain-lain, ia bermacam-macam.

Jadi satu soalan yang dibawa tadi adalah sama ada perlu laporan. Kebiasaannya kita perlukan laporan. Dengan laporan ini, baru polis mengambil tindakan untuk menyiasat dan siasatan itu akan membahagikan sama ada ia terbahagi kepada perkauman, agama, Institusi Diraja, pentadbiran keadilan dan lain-lain ataupun fitnah *per se* sebagaimana yang saya sebut awal tadi iaitu berhubung dengan kes di bawah seksyen 500 di bawah Kanun Keseksaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyediakan pelajar-pelajar prauniversiti untuk menguasai bahasa Inggeris sebelum mereka diterima masuk ke dalam IPT agar mereka boleh bersaing dengan pelajar-pelajar swasta yang telah menikmati pendidikan mereka dalam bahasa Inggeris.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin atas soalan yang berkaitan dengan penguasaan bahasa Inggeris pelajar prauniversiti. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) telah dan akan mengambil tindakan yang berterusan bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar prauniversiti.

Pelajar prauniversiti akan diberikan pendidikan yang berterusan bagi meningkatkan penguasaan dan kemahiran berbahasa Inggeris melalui pelbagai strategi. Di antaranya melalui yang pertama, kelas pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris yang diadakan sebanyak lapan waktu seminggu dalam jadual waktu prasekolah Tingkatan 6, dan matrikulasi.

Kedua, mata pelajaran Sains dan Matematik Tingkatan 6, dan matrikulasi menggunakan perantaraan bahasa Inggeris di dalam pengajaran dan pembelajaran. Sumber rujukan mata pelajaran tersebut kebanyakannya adalah di dalam bahasa Inggeris. Ketiga, kursus-kursus kemahiran bahasa Inggeris yang bersesuaian untuk mereka.

■1110

Keempat, aktiviti ko-kurikulum di dalam bahasa Inggeris, seperti melaksanakan minggu, bulan Bahasa Inggeris, *English language camp*, dengan izin, serta beberapa program lain yang dilaksanakan oleh persatuan-persatuan pelajar dari semasa ke semasa.

Yang terakhir, meningkatkan kesedaran akan kepentingan menguasai Bahasa Inggeris dalam bidang pendidikan melalui pelaksanaan program yang berterusan. Selain daripada itu, murid-murid Tingkatan 6 diperuntukkan dengan 16 waktu bagi pengajaran dan pembelajaran MUET di sekolah dan murid-murid diwajibkan untuk mengambil peperiksaan MUET sebagai *entry policy*, dengan izin, untuk masuk ke universiti.

Bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran MUET di peringkat prasekolah, kementerian akan menubuhkan Jawatankuasa Sukatan Pelajaran Ujian MUET yang baru bagi menilai semula komponen yang sedang dilaksanakan pada masa ini. Ini bertujuan supaya kualiti dan standard MUET berada pada tahap yang setara dengan *Common European Framework of Reference for Languages*, dengan izin. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang d-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan daripada Yang Berhormat Dr. Ariffin.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan yang diberikan beberapa tadi. Akan tetapi apa yang menarik perhatian saya ialah dalam kajian saya yang telah saya menyalurkan, saya telah mendapati bahawa ramai daripada pelajar-pelajar Melayu, mereka menghadapi kelemahan dan kekurangan dalam bahasa Inggeris, berbanding dengan pelajar-pelajar yang bukan Melayu. Maka, saya hendak bertanya apakah langkah-langkah yang diambil dan berkesan untuk meningkatkan penguasaan pelajar-pelajar Melayu terhadap bahasa Inggeris kerana mereka akhirnya akan bekerja di dalam PTD atau masuk ke dalam GLC, atau mereka di peringkat antarabangsa? Ini satu perkara yang penting kalau kita hendak memajukan orang Melayu, setaraf dengan pelajar-pelajar yang bukan Melayu. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih di atas soalan yang berkaitan dengan apakah yang diambil untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris di antara pelajar-pelajar Melayu. Jadi di sini saya rasa saya sangat berminat untuk mendapat dapatan-dapatan kajian yang dikendalikan oleh Yang Berhormat Dr. supaya kita boleh rujuk kepada kajian dan selepas itu Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengadakan program berdasarkan kajian yang sudah dikesan. Apa yang sangat penting adalah di mana kita hendak mengambil tindakan untuk mengadakan program atau langkah-langkah berdasarkan data. *We want to do data driven program* untuk pelajar-pelajar Melayu dan pelajar-pelajar lain juga. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang d-Pertua: Yang Berhormat, agaknya saya menarik tadi jawapan dan juga pertanyaan itu. Saya harap Yang Berhormat Dr. Ariffin beri kerjasama. Ini menunjukkan untuk kebaikan masyarakat. Kita tak kira, bagus. Seterusnya, soalan tambahan yang kedua, silakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua. Berkait jawapan dan soalan tadi dan juga saya ingin merujuk kepada ucapan Bajet 2015 Perdana Menteri yang menyatakan bahawasanya mulai tahun depan kemasukan tahap minimum Band MUET bagi kemasukan universiti tahun depan akan ditingkatkan. Kalau tahun ini, syarat minimum kemasukan MUET adalah Band 1, akan tetapi kemasukan tahun depan adalah contohnya bagi Pengajian

Sains Sosial Band 2 *and then* ada juga yang Band 3. Dan ada juga untuk Pengajian Undang-undang dan Perubatan, Band 4. Itu adalah syarat minima kemasukan, syarat untuk MUET dan juga untuk syarat bergraduan juga ada.

Rentetan daripada syarat yang baru dikenakan ini, saya ingin bertanya adakah syarat yang baru dikenakan ini kemungkinan boleh menjejaskan peluang-peluang kemasukan pelajar-pelajar kita terutamanya daripada luar bandar, yang rata-ratanya agak lemah berbahasa Inggeris? Ini juga boleh menjejaskan peluang-peluang untuk bergraduan, kemungkinan ramai yang mungkin gagal untuk bergraduan bila ada syarat bergraduan sehingga Band 5 dan sebagainya. Jadi adakah sebelum melaksanakan cadangan ini, telah ada kajian-kajian yang dibuat terhadap impak kepada pelajar-pelajar kita terutamanya di luar-luar bandar. Sekian, terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan pengumuman yang dibuat, yang diusulkan atau diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang berkaitan dengan kemasukan universiti dengan *entry point* dengan menggunakan MUET. Jadi di sini saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa ini bermakna adalah usaha untuk mempertingkatkan penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris mesti ditambah lagi. Tadi saya sudah baca dan sudah beritahu bahawa ada banyak strategi yang sudah diusahakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu pelajar prasekolah.

Selain daripada itu, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, ada juga inisiatif yang diambil, bukan hanya untuk pelajar di pra-universiti, tetapi untuk pelajar di sekolah rendah dan sekolah menengah juga. Kita mengadakan program MBMMBI, memartabatkan Bahasa Malaysia, memperkukuhkan Bahasa Inggeris. Selain daripada itu, kita pun mengadakan program LINUS untuk pelajar di sekolah rendah. Pada tahun 2016, kewajipan untuk pelajar lulus Bahasa Inggeris untuk SPM.

Ini bermakna bahawa banyak inisiatif sudah diambil dan apa yang sangat penting di sini bagi saya, saya rasa adalah semasa Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan beberapa inisiatif, begitu banyak inisiatif atau program untuk membantu para pelajar, pelajar-pelajar sepatutnya mesti juga ambil tanggungjawab peribadi. *They have to take the personal responsibility*, dengan izin, untuk menguasai bahasa Inggeris. Sekiranya katalah pelajar hanya bergantung kepada program yang disediakan oleh sekolah, di sekolah rendah, sekolah menengah, STPM, Tingkatan 6 dan universiti, saya anggap ini memang tidak mencukupi.

Jadi apa mereka sepatutnya buat adalah untuk membantu diri sendiri kerana bagi saya, dalam satu bahasa Inggeris, *proverb* kita kata, "*You can drag a horse to the water, but if the horse does not want to drink the water, you cant force it to drink*". Saya rasa adalah sangat-sangat penting bahawa ada pelajar sendiri mesti ambil tanggungjawab peribadi untuk menguasai Bahasa Inggeris selain daripada melibatkan diri dalam program-program yang dianjurkan atau dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekian, terima kasih.

7. Dato' Dr. Hou Kok Chung minta Menteri Pendidikan menyatakan, arah tuju dan pendirian yang jelas berhubung penyertaan universiti negara dalam program penarafan anjuran beberapa badan misalnya *Times Higher Education World University Rankings* dan *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings*, *Shanghai Jiao Tong Academic Rankings of World Universities*, dan sebagainya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung atas soalan yang berkaitan dengan ranking di universiti. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *ranking* universiti telah mengubah urus tadbir institusi pengajian tinggi tempatan dan sedikit sebanyak mengubah landskap pengajian tinggi negara. Institusi pengajian tinggi dilihat meningkatkan pembangunan negara melalui pembentukan minda masa depan dan memastikan ia relevan dengan keperluan negara.

Tiga sistem ranking yang biasa dirujuk adalah *Academic Ranking of World Universities*, *SQ World Ranking University* dan *Times Higher Education World University Rankings*, dengan izin. IPT di Malaysia menumpukan kepada dua badan penarafan antarabangsa iaitu QS dan ARWU. Sehubungan dengan itu, kementerian menasaskan supaya dua IPT tempatan untuk berada dalam kalangan 100 terbaik bagi penarafan QS dan 2 IPT tempatan untuk berada dalam kalangan 200 terbaik bagi penarafan QS.

■1120

Selain daripada itu, kementerian juga menasaskan satu IPT tempatan untuk berada dalam kalangan 300 terbaik bagi penarafan ARWU. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Dato' Dr. Hou.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan tadi. Ia nampak jelas kementerian sudah ada pendirian dan hala tuju untuk isu ini. Akan tetapi malangnya setiap kali kita ada pengumuman daripada badan penarafan, memang rakyat biasanya tidak faham atau selalu memberi kritikan yang begitu teruk sama ada kepada universiti ataupun juga kepada kerajaan.

Saya ingin cadangkan supaya kita ada seorang jurucakap untuk kerajaan supaya dapat menerangkan. Oleh sebab apa yang kita nampak ialah walaupun Yang Berhormat Menteri telah menerangkan ada dua badan penarafan yang telah dipakai. Akan tetapi yang biasanya yang paling popular ialah QS ataupun *Times Higher Ranking* dan juga Shanghai Jiao Tong.

Soalan tambahan saya ialah sama ada kerajaan ataupun kementerian mempunyai rancangan dalam masa atau katakan lima tahun. Supaya universiti awam, terutama sekali universiti penyelidikan untuk mengambil bahagian dalam tiga badan penarafan seperti *Times Higher Ranking*, QS atau Shanghai Jiao Tong. Oleh sebab sebagai contoh, Shanghai Jiao Tong memang merupakan satu badan penarafan yang hanya mementingkan penyelidikan sahaja. Jadi, apa pandangan saya ialah universiti awam, terutama sekali untuk universiti penyelidikan patutlah mengambil bahagian dalam badan penarafan seperti ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Yang Berhormat, biar jawab dahulu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sorry.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat yang berkaitan dengan dua perkara, iaitu satu cadangan di mana saya menerima dengan secara positif. Memang saya rasa maklumat yang berkaitan dengan cara atau kriteria untuk menetapkan atau memberi penarafan

kepada universiti kurang. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Hou adalah satu cadangan yang baik.

Kedua, ada berkaitan dengan adakah Kementerian Pendidikan mengadakan rancangan untuk menggunakan penarafan yang lain. Jadi, di sini saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pengajian Tinggi yang akan dilancarkan pada tahun 2015 hingga 2025, memang untuk mempertingkatkan lagi universiti dengan mendapat penarafan adalah dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pengajian Tinggi. Sekiranya kita rujuk kepada lonjakan yang kedua yang berkaitan dengan kecemerlangan bakat pengajian tinggi dan lonjakan kedua berkaitan dengan ekosistem inovasi dan lonjakan yang kelapan, transformasi penyampaian pendidikan tinggi, memang ada disebut yang berkaitan dengan apa yang sudah ditanya oleh Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak begini Tuan Yang di-Pertua, dalam kehairahan kita hendak mencapai status dalam mengikut *ranking* antarabangsa ini, adakah kementerian menyedari peri-perlunya kita juga menilai produk daripada universiti itu? Kita gila hendak status nombor ini, nombor itu, *the best 100* tetapi produk kita bagaimana? Jadi, saya harap dalam kehairahan untuk mendapatkan status yang terbaik di kalangan universiti di antarabangsa itu, yang tidak kurang pentingnya difikirkan dan dicari satu kaedah untuk menilai ialah produk-produk daripada universiti, baik dalam bahasa atau perkara-perkara yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan yang berkaitan dengan produk. Memang Kementerian Pendidikan Malaysia melalui universiti sudah menunjukkan bahawa kita sudah mencapai produk yang membanggakan. Saya hendak sebut yang berkaitan dengan *research output for Malaysia, Singapore, South Korea and Thailand*, dengan izin, pada tahun 1996 hingga 2013...

Tuan Yang di-Pertua: Biar jawab dahulu Yang Berhormat.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: ...Di sini nampaknya, *Malaysia has overtaken Thailand and Singapore in terms of number of publications*, dengan izin. Jadi, ini merupakan satu produk di mana kita boleh rasa bangga. Selain daripada itu, kalau kita rajin baca surat khabar, tiap-tiap kali kita boleh membaca dari surat khabar bahawa universiti-universiti termasuk politeknik dan kolej komuniti juga banyak sudah menang dalam pertandingan antarabangsa di mana mereka dapat *Gold Award* dengan begitu membanggakan. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat Menteri, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya fikir Yang Berhormat boleh bangkitkan dalam ucapan perbahasan bajet nanti. Saya percaya banyak Yang Berhormat ada- saya fikir dalam soal ini jawab begitu...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat. Cukup, cukup. Kita jangan- Yang Berhormat akan diberi peluang untuk berbahas dengan memasukkan topik itu dalam perbahasan bajet nanti untuk menjimatkan masa. Minta maaf Yang Berhormat.

8. Datuk Dr. Lucas Umbul minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah kadar kemalangan di tempat kerja di Malaysia bagi setiap 1,000 pekerja; dan
- (b) sejauh manakah matlamat OSH-MP 15 untuk mencapai penurunan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan sebanyak 30% (2.60 per 1,000 pekerja) menjelang 2015 dapat dicapai.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas di atas soalan. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada dua Yang Berhormat Senator baru dan dilantik dan Senator lain yang telah sambung perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Dewan ini, kerajaan mensasarkan 33% pekerja mahir pada tahun 2015 dan 50% pekerja mahir pada tahun 2020. Usaha untuk melahirkan pekerja mahir bukan suatu yang mudah untuk diperkatakan. Oleh sebab itulah andai kata berlaku kemalangan yang melibatkan pekerja ini, kerugian bukan sahaja dialami oleh pekerja, oleh keluarga mereka, anak-anak, bahkan juga oleh masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah membangunkan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2011–2015 ataupun lebih dikenali dengan OSH-MP 15, dalam usaha kerajaan menangani isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pelan induk ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 2 Mei 2009 sempena sambutan Hari Pekerja. Pelan yang telah dibangunkan dengan kerjasama rakan sosial keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah bertujuan bagi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan komitmen keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan *stakeholders*, dengan izin, untuk mengurangkan kes-kes kemalangan. Industri, penyakit berjangkit, keracunan di tempat kerja di semua sektor pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kadar kemalangan pekerjaan negara bagi Malaysia adalah 3.68 per 1,000 pekerja pada tahun 2010 dan 3.4 per 1,000 pekerja bagi tahun 2011. Kadar kemalangan pekerjaan negara didapati terus menurun pada tahun berikutnya, pada tahun 2012 iaitu 3.31 per 1,000 pekerja dan menurun lagi kepada 3.28 per 1,000 pekerja pada tahun 2013. *Target* kerajaan pada tahun 2015 ialah 2.56 per 1,000 pekerja. Sudah tentulah Tuan Yang di-Pertua, kalau kita inginkan kalau boleh *zero accident* ataupun kemalangan pada pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat komited dalam memastikan penurunan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan sebanyak 30% dan penurunan kadar kemalangan maut di tempat kerja sebanyak 20% menjelang 2014. Sejajar dengan matlamat Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan OSH-MP 15.

■1130

Berdasarkan analisis kemalangan pekerjaan di Malaysia, didapati kadar kemalangan pekerjaan pada tahun 2013 adalah berkurangan sebanyak 11% kepada 3.28 orang per 1,000 orang pekerja berbanding tahun 2010. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan akan terus berusaha bagi menurunkan kadar kemalangan pekerjaan sehingga pelaksanaan OSH-MP15 selesai pada tahun 2015 melalui pelbagai program keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kadar kemalangan maut di tempat kerja pula nilai yang dilakukan pada tahun 2013 adalah berkurangan sebanyak 28% kepada 4.62 orang per 100,000 orang pekerja berbanding dengan tahun 2010. Pencapaian ini telah melebihi matlamat Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Tahun 2011 dan 2015 dan kita berharap agar kadar ini terus berkurangan pada tahun-tahun akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana masa tidak mengizinkan setakat itu sahajalah soalan lisan kita pada pagi ini. Saya ingin mengambil perhatian semua Yang Berhormat supaya persidangan kita akan memperuntukkan enam hari untuk membahaskan bajet. Saya minta kerjasama daripada semua Ahli Yang Berhormat kemukakan nama lebih awal untuk menentukan— saya bagi peluang untuk membuat satu kajian membutuhkan masa dan bagi nama secepat mungkin.

Untuk menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada Yang Berhormat tidak puas hati jawapan yang diberi semasa soal jawab lisan, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat boleh kemukakan semula semasa membahaskan bajet nanti. Ini kerana bila soal lisan dijawab nanti, ini kita khas untuk jawapan yang tertentu dan kalau sekiranya perlu ada penjelasan, *detail* lebih dalam, sila kemukakan semasa perbahasan bajet nanti. Sekian saya hendak maklumkan itu saja.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.32 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu akta untuk Rang Undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014. Pindaan adalah untuk meminda peruntukan-peruntukan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 1995 [Akta 533]. Pindaan ini bertujuan untuk memperkukuhkan tadbir urus Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia selaras dengan keputusan kerajaan untuk memberikan autonomi dalam tadbir urus kewangan dan sumber manusia yang akan menjadikan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia sebuah badan berkanun yang diasingkan saraan dan dibebaskan sepenuhnya.

Perubahan berkenaan akan mampu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam mentadbir dan mengurus kutipan cukai langsung negara. Pindaan dibuat bagi memasukkan beberapa peruntukan baru dan meminda beberapa peruntukan sedia ada dalam akta sejak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Diperbadankan dalam tahun 1996. Pindaan perlu dilakukan bagi melaksanakan keputusan kerajaan untuk memberikan autonomi di samping memastikan keberkesanan penyeliaan dan pengawalan yang akan dilaksanakan bagi membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia kekal sebagai suatu entiti yang kukuh, mantap dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014 memperuntukkan pindaan seperti berikut:

Fasal 1 bertujuan untuk memperuntukkan tajuk ringkas bagi akta.

Fasal 2 bertujuan meminda subseksyen 6(1) berhubung keanggotaan Lembaga Pengarah. Pindaan bertujuan untuk memasukkan ketua pegawai eksekutif sebagai salah seorang anggota lembaga pengarah di samping menambah bilangan anggota yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri di bawah perenggan 6(1)(e) kepada tidak lebih daripada tiga orang. Ini membolehkan pelantikan seramai sembilan orang anggota lembaga pada sesuatu masa.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 24 yang menetapkan ketua pegawai eksekutif menyedia dan membentangkan di hadapan lembaga anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi lembaga tidak lewat dari sebulan sebelum bermulanya setiap tahun kewangan.

Fasal 7 bertujuan memasukkan peruntukan baru seksyen 28A bagi memberi kuasa kepada lembaga menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965. Bagi melaksanakan apa-apa projek skim atau perusahaan dalam melaksanakan fungsinya. Bagaimanapun ia tertakluk kepada kelulusan oleh Yang Berhormat Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Hasil Dalam Negeri telah menjadi Badan Berkanun Persekutuan pada 1 Mac 1996 dan dikenali sebagai LHDNM. Hasrat kerajaan ketika itu untuk menjadikan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) supaya ia menjadi sebuah agensi yang lebih cekap dan efisien dalam sistem penyampaian dan pentadbiran kutipan cukai langsung bagi pihak kerajaan. Namun demikian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia masih belum memperoleh autonomi pengurusan kewangan dan sumber manusia sepenuhnya sehingga menyebabkan beberapa kekangan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk mencapai objektif dan hasrat penubuhannya.

Pada masa kini Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia menghadapi beberapa kekangan dalam tadbir urus kewangan dan tadbir urus sumber manusia. Seluruh keperluan belanjawan mengurus dan pembangunan adalah diperuntukkan menerusi proses belanjawan biasa Kerajaan Persekutuan sebagaimana kementerian dan jabatan kerajaan lain. Melalui Bajet 2006, kerajaan telah mengumumkan supaya badan berkanun seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Urusan Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Bank Simpanan Nasional (BSN), dan Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) diberi fleksibiliti dalam menguruskan sumber kewangan dan menentukan skim perkhidmatan mereka sendiri.

Dengan pemberian fleksibiliti ini, didapati sistem penyampaian perkhidmatan agensi berkenaan telah meningkat dan menjadi lebih cekap dan efisien. Sehubungan itu cadangan pindaan pada hari ini bertujuan supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia seiring dengan enam badan berkanun tersebut yang telah pun diberikan fleksibiliti oleh kerajaan dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian kepada pembayar cukai.

Saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ada sesiapa yang hendak membahaskan rang undang-undang ini? Silakan Yang Berhormat.

11.38 pg.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas bahawa rang undang-undang ini adalah untuk memberi kuasa kepada LHDN dalam melaburkan wang kutipan cukai yang dikutip daripada pembayar-pembayar cukai. Seperti mana sebentar tadi disebut oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ia disamakan dengan badan-badan lain seperti KWSP, SOCSO, LTAT dan sebagainya. Hal ini adalah suatu hal yang perlu kepada penelitian. Malang sekali kita hanya diberikan rang undang-undang ini pada pagi ini sahaja, tidak sempat untuk kita melihat secara terperinci. Walau bagaimanapun hal yang berkaitan dengan pelaburan ini adalah satu hal yang sangat penting dan serius.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum sebagai contoh KWSP mempunyai panel pelaburan yang juga merupakan suatu lembaga yang mengurus dan mentadbir wang caruman oleh para pekerja.

■1140

Banyak saranan dan juga teguran diberikan terhadap panel pelaburan KWSP yang mana ianya hanya menjawab kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan walaupun KWSP tersebut mempunyai anggota-anggota lembaga pengarahnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, apakah panel pelaburan yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini akan menjawab kepada Parlimen? Ini kerana, jumlah wang yang dikutip melalui cukai adalah satu jumlah yang besar. Dalam kata lain, sejumlah wang yang besar ini akan dilaburkan ke mana? Untuk apa? Sudah tentulah jawapannya nanti adalah untuk kebaikan dan untuk manfaat kepada rakyat. Itu kita tidak boleh dinafikan.

Namun, dalam hal ini, ia merupakan satu pelaburan yang melibatkan jumlah yang besar sebab kita tahu bahawa LHDN adalah merupakan lembaga yang mengutip cukai yang jumlahnya agak besar, lebih daripada RM110 bilion dikutip daripada pembayar-pembayar cukai. Kalau misalnya wang sebesar itu, sebesar mana pula yang akan dilaburkan oleh panel pelaburan ini?

Tuan Yang di-Pertua, mestilah ada panduan atau garis yang jelas sepanjang mengenai pelaburan yang akan dibuat oleh pihak panel pelaburan yang mana ia akan mendatangkan manfaat kepada pembayar-pembayar cukai khususnya dan rakyat amnya. Pada pandangan saya, pihak yang berkenaan hendaklah berhati-hati dalam soal ini kerana ianya melibatkan jumlah dana yang besar dan ianya melibatkan juga wang yang dikutip dari cukai oleh rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Doris Sophia ak Brodi]: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya silakan Yang Berhormat.

11.43 pagi

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk berkongsi sama dalam perbincangan meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kepada pindaan ini sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah semata-mata untuk memperbaiki apa yang telah sedia ada kepada akta ini.

Dalam perkara ini, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada seksyen 27A(2) dan 27A(1). Di sini kita melihat, "*Panel pelabur hendaklah tertakluk kepada apa-apa arahan mengenai dasar am yang dikeluarkan oleh Lembaga*".

Saya melihat di sini, kita apabila- tugas pelaburan ini merupakan tugas yang besar dan dia menghadapi risiko kepada wang yang dikutip daripada hasil terkumpul. Maka, selain daripada pelaburan kita ingin mendapat keuntungan yang baik daripada hasil tadi, saya ingin menegaskan di sini perlu ada mereka yang dilantik tadi mempunyai kepakaran di dalam bidang syariah supaya pelaburan-pelaburan tadi sejajar dengan tuntutan syariah. Ini kerana saya yakin dan percaya kerana setiap pelaburan akan menjadi pulangan kepada pelabur.

Jadi ada yang melabur itu ingin supaya wangnya dilabur, diurus mengikut syarak. Negara kita telah ada sistem-sistem kewangan yang telah ditentukan. Di dalam negara kita ini memang ramai pakar di dalam syariah untuk memandu dan memberi pandangan dan juga panduan supaya setiap gerak langkah di dalam membuat pelaburan itu sejajar dengan tuntutan syarak.

Saya harap perkara ini diberi perhatian serius kepada anggota yang akan dilantik nanti supaya tanggungjawab itu dapat dilaksanakan dengan baik kerana di kalangan pelabur itu ramai yang ingin supaya pelaburan mereka adalah halal.

Kedua saya ingin bertanya di sini, sudah pasti dalam pelaburan yang akan dibuat, sudah pasti kajian-kajian akan dilaksanakan dan dilakukan supaya pelaburan itu mendapat hasil yang baik dan menguntungkan. Andai kata pelaburan yang akan dilakukan nanti tidak berhasil, rugi, apa tanggungjawab anggota-anggota panel yang telah dilantik tadi? Adakah mereka dipertanggungjawabkan ke atas pelaburan yang telah dilaksanakan atau mereka ada klausa-klausa peraturan di mana mereka tidak boleh didakwa?

Begitu juga saya ingin melihat di sini, setakat ini pelaburan yang telah dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, sejauh mana keberhasilan atau keuntungan atau kebaikan yang telah dapat dilaksanakan di dalam usaha-usaha yang telah dirancang atau yang telah dilakukan di dalam pelaksanaan sejak sekian lama dilaksanakan di bawah sebagai entiti tersendiri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Doris Sophia ak Brodi]: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa lagi yang ingin membahaskan? Silakan Yang Berhormat Dr. Asyraf.

11.48 pg.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin turut berbahas di dalam rang undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 ini. Saya melihat akta ini, pindaan ini adalah lebih merujuk kepada soal memastikan urus tadbir yang baik atau dengan izin, *good governance* itu dapat kita peringkatkan terutamanya apabila kita menyentuh soal pelaburan.

Saya setuju dengan pandangan rakan-rakan saya tadi bahawa soal penubuhan panel pelaburan ini adalah amat mustahak untuk memastikan soal bukan sahaja keuntungan itu dapat diperolehi dengan baik tetapi yang paling penting sekali ialah soal risiko itu juga dapat dikawal selia dengan cara yang paling berhemah supaya kita tidak mendedahkan dana rakyat ini kepada suatu perkara yang tidak baik untuk negara dan untuk rakyat secara keseluruhannya.

Saya kira dalam seksyen baru yang diperkenalkan, 27A, apabila saya memerhatikannya, saya kira pandangan Yang Berhormat tadi yang menyatakan bahawa perlunya ada suatu proses pelaporan kepada Parlimen itu sebenarnya itu sudah tentulah adalah perkara yang tidak boleh kita nafikan.

■1150

Akan tetapi dalam konteks panel pelaburan untuk kita masukkan wakil daripada Parlimen ataupun melibatkan Parlimen adalah suatu yang tidak berapa efisien ataupun efektif. Saya kira dalam

seksyen baru 27A itu sendiri pun yang disebutkan anggota panel pelaburan yang terdiri daripada wakil Menteri, wakil Bank Negara, Gabenor Bank Negara atau wakilnya, wakil daripada Kementerian Kewangan dan juga pihak-pihak yang mempunyai pengalaman dalam kewangan dan urus tadbir kewangan, perniagaan dan sebagainya adalah sudah memadai untuk pandangan saya. Cuma, saya bersetuju dengan pandangan rakan saya tadi, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat adalah wajar juga untuk dimasukkan panel yang mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan Islam ataupun syariah.

Ini berkaitan dengan hujah saya yang kedua. Berkaitan dengan penggantian seksyen 28 yang kalau kita lihat dalam seksyen 28(2) selepas disebutkan dalam (1) tadi panel pelaburan hendaklah tertakluk kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 27A(2) melaburkan wang kumpulan wang mengikut cara-cara berikut. Yang (b) itu, subseksyen (b) dengan melabur dalam saham yang ditawarkan mengikut suatu tawaran awam permulaan yang telah diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 atau saham yang disenaraikan dalam Bursa Saham yang diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 atau dalam debentur termasuk stok debentur, bon dan lain-lain, boleh dibaca secara keseluruhannya.

Akan tetapi saya kira adalah penting juga untuk kita menetapkan bahawa perlunya pelaburan itu juga dalam konteks pelaburan yang bersifat patuh syariah. Ini kerana seperti kita tahu Malaysia ialah sebuah negara yang mempelopori agenda kewangan Islam dan hari ini dilihat sebagai negara yang mendahului negara-negara lain dalam konteks sistem kewangan Islam. Walau bagaimanapun, dalam konteks portfolio kewangan Islam hari ini masih lagi tidak bersifat mendominasi ataupun tidak berbanding dengan sistem kewangan konvensional.

Umpamanya dalam konteks perbankan Islam, kita daripada segi penguasaan pasaran, kalau tidak silap saya masih dalam sekitar 22%, 23% berbanding dengan pasaran konvensional. Walaupun di dalam *financial masterplan*, dengan izin, ataupun suatu haluan ataupun garis besar yang telah ditetapkan oleh pihak Bank Negara dan Kementerian Kewangan untuk melihat bahawa portfolio kewangan Islam ini berkembang ke tahap 40% menjelang tahun 2020, yang tidak lama lagi pun.

Saya kira salah satu faktor yang akan menentukan bahawa portfolio ini akan berkembang ialah dengan memastikan pelaburan-pelaburan yang dilaburkan melalui dana-dana, sama ada dana-dana dari Lembaga Hasil Dalam Negeri ataupun dana-dana lain yang dijana melalui badan-badan berkanun. Saya kira ini ialah dana yang dengan mudah untuk kita salurkan kepada sektor kewangan Islam yang mempunyai tahap keberuntungan ataupun kadar keuntungan yang sama kompetitifnya dengan konvensional.

Sebagai contohnya dalam konteks sukuk. Tidak disebutkan dalam rang undang-undang ini perkataan sukuk, disebutkan bon walaupun hakikatnya pasaran sukuk di Malaysia hari ini jauh meninggalkan pasaran bon. Hendak menunjukkan semenjak sepuluh tahun kebelakangan ini, pasaran kewangan Islam menggunakan instrumen sukuk itu sendiri pun telah berjaya mengatasi pasaran bon. Akan tetapi seolah-olah tidak diiktiraf dalam rang undang-undang ini apabila disebut perkataan bon

walaupun hakikatnya, daripada segi prinsipnya dan juga daripada falsafahnya, bon dan sukuk ini ialah dua perkara berbeza.

Apatah lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia beberapa kali menyebutkan dan mengisytiharkan laporan-laporan antarabangsa menunjukkan bahawa Malaysia ialah negara tertinggi daripada segi negara pengeluar sukuk di dunia. Hampir 60% pasaran sukuk dunia ini adalah dari Malaysia. Itu di peringkat antarabangsa. Di peringkat dalam negara...

Dato' Dr. Johari Bin Mat: *[Bangun]*

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Malaysia masih lagi maknanya sukuk itu sudah menjadi pasaran utama berbanding dengan bon.

Dato' Dr. Johari Bin Mat: Boleh?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Silakan.

Dato' Dr. Johari Bin Mat: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Johari Bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan istilah sukuk tadi dan juga bon. Jadi apabila Yang Berhormat sebut dalam akta ini tidak disebut sukuk tetapi disebut bon. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya dimasukkan selain daripada bon itu, sukuk dalam pindaan ini kerana ia masih dalam pindaan yang kita rasa belum terlambat? Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Saya rasa itulah sebenarnya saya hendak sebutkan di penghujung hujahan saya ini saya hendak cadangkan supaya dimasukkan perkataan sukuk itu untuk sebagai suatu penegasan bahawa Malaysia mengiktiraf instrumen kewangan Islam kerana kita juga adalah pelopor dan juga pendahulu ataupun peneraju sistem kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Jadi perkataan yang unik yang tidak boleh kita terjemahkan dalam konteks instrumen-instrumen konvensional seperti bon, debentur dan sebagainya. Itu perlu ada satu perkataan khusus selain daripada- kalau boleh saya hendak cadangkan dimasukkan juga klausa mengatakan bahawa diberi ruang supaya pelaburan yang melibatkan aspek patuh syariah itu diberikan perhatian juga. Ini kerana saya kira di luar sana ramai rakyat sebenarnya tahap kesedaran mereka berkenaan dengan instrumen kewangan Islam ini semakin meningkat, tahap kesedaran rakyat berkenaan dengan patuh syariah ini juga semakin meningkat.

Oleh sebab itulah kalau kita lihat di luar sana, semakin banyak suara kebimbangan dan keresahan apabila mengetahui isu-isu yang melibatkan pelaburan yang menggunakan dana rakyat ini seperti melalui KWSP, melalui badan-badan berkanun yang lain, yang kebanyakannya menjana dana mereka daripada duit rakyat seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang mana menjadi tunjang kepada pengumpulan dana-dana bumiputera yang majoritinya orang Islam.

Oleh sebab itulah kalau kita lihat setiap tahun, setiap kali ASB hendak dibentangkan daripada segi perolehannya, berapa dividen yang hendak diberikan, pada waktu itulah musim-musim orang akan bercakap soal sama ada ASB ini halal ataupun haram tetapi selepas dia sudah menerima dividen dia senyap balikkah. Cumanya ia akan timbul pula bila dividen itu hendak diumumkan.

Maknanya sedikit sebanyak kita kena menyantuni keresahan rakyat di luar sana yang mahukan pelaburan yang berasaskan patuh syariah. Kita harus memberikan *option*, dengan izin, ataupun pilihan kepada rakyat sebagaimana- ini prinsip yang kita laksanakan dalam konteks Malaysia. Malaysia tidak menggunakan pendekatan yang agresif ataupun bersifat revolusi dalam memperkenalkan sesuatu perkara tetapi kita memang terkenal di mata dunia sebagai negara Islam yang *moderate*, yang sederhana apabila kita hendak memperkenalkan sesuatu dasar yang sebenarnya, hakikatnya adalah untuk memenuhi tuntutan agama tetapi apabila kita memahami kedudukan negara ini bahawa negara ini bukan hanya didiami oleh orang Islam semata-mata tetapi kita mempunyai kepelbagaian kaum, kepelbagaian agama.

Jadi pendekatan yang digunakan oleh kerajaan selama ini sentiasa bersifat evolusi, memberikan kefahaman kepada rakyat dan akhirnya, sebenarnya apabila walaupun kita bercakap soal instrumen-instrumen ataupun sistem yang terkait dengan agama Islam umpamanya, tetapi akhirnya diminati dan disokong dan didukung oleh orang bukan Islam sendiri. Sebagai contoh, instrumen kewangan Islam hari ini- waktu saya di bawah Bank Negara, ISRA dalam analisa ataupun dapatan-dapatan ataupun dengan izin, *findings* kita apabila kita menilai siapakah, peratusan pengguna-pengguna ataupun pelabur-pelabur dalam sistem perbankan Islam.

■1200

Kalau tahun 2009/2010, kalau mengikut perangkaan yang kami dapati, 55% daripada pengguna-pengguna sistem kewangan Islam ini, baik daripada pendepositnya mahupun yang meminta pembiayaan daripada sistem perbankan Islam adalah daripada bukan Islam. Maknanya sistem kewangan Islam itu bukan hanya untuk orang Islam semata-mata, ia adalah untuk semua kelompok masyarakat, kerana orang bukan Islam pun dia melihat, bahawa sistem kewangan Islam yang— produk-produk kewangan Islam yang dikeluarkan ataupun diperkenalkan ini, memenuhi tuntutan mereka dari segi kompetitifnya ataupun dari segi daya saing dari segi *pricingnya*, dengan izin, ataupun dalam konteks *ethical banking* ataupun bank berasaskan etika.

Ini kerana kita tahu bahawa sistem kewangan Islam tidak akan melabur dalam industri-industri yang dianggap tidak bermoral, tidak berakhlak ataupun tidak beretika, seperti dalam bidang alkohol atau apa juga bidang yang sebenarnya kalau mereka yang prihatin terhadap bukan sahaja soal halal haram bagi orang Islam, tetapi mereka yang prihatin terhadap industri yang boleh membobrokan akhlak dan juga etika masyarakat. Ini juga menjadi pilihan kepada kelompok pengguna sedemikian rupa.

Jadi saya kira apabila saya hendak sebutkan di sini, apabila rakyat ataupun masyarakat semakin tinggi nilai ataupun kesedaran mereka terhadap, pertama di kalangan orang Islam terhadap kepatuhan syariah, yang kedua kepada orang bukan Islam terhadap nilai-nilai etika dan akhlak dalam pelaburan.

Jadi dengan secara tidak langsung mahupun secara langsung perlunya apabila kita bercakap soal pelaburan dana-dana yang menyentuh soal dana-dana rakyat ini, disalurkan kepada sektor yang menyantuni keperluan dan kehendak rakyat yang semakin meningkat. Antara lainnya ialah dana-dana ataupun pelaburan yang dianggap sebagai patuh syariah, yang saya kira kalau dimasukkan dalam rang undang-undang ini pun tidak menjadi suatu penghalang. Akan tetapi saya hendak tegaskan perkataan

sukuk tadi adalah amat mustahak untuk kita masukkan dalam subseksyen 28(b)(ii) yang mana dalam debentur, termasuk stok debentur, bon dan saya kira kalau boleh dimasukkan juga sukuk kerana kalau kita hendak menganggap bahawa bon itu adalah sukuk adalah suatu perkara yang amat tidak tepat dan amat tidak memenuhi apa yang difahami dalam kerangka sukuk seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Itu sahajalah hujah saya ataupun perbahasan saya dalam konteks akta ini yang saya ingin sebutkan, dua perkara tadi, yang pertama urus tadbir baik dan yang kedua dalam konteks pelaburan patuh syariah yang saya minta untuk diadakan penambahbaikan ataupun boleh dimasukkan perkataan sukuk tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf. Seterusnya saya ingin mempersilakan Datuk Chin Su Pin. Silakan Yang Berhormat.

12.03 tgh.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan sedikit tentang Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014. Seperti mana yang kita tahu bahawa tujuan kita mewujudkan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini dengan mewujudkannya sebagai satu perbadanan atau badan berkanun adalah kerana untuk kita memastikan bahawa kerja-kerja mengutip cukai ini akan bertambah efisien.

Seperti mana yang kita tahu, bahawa dasar percukaian ini bukanlah satu dasar yang *rigid*, maka ia sering berlaku perubahan dari semasa ke semasa. Dengan adanya perubahan ini dan dengan ada badan berkanun seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, maka setiap dasar yang berubah ini dapat diimplementasikan dengan begitu cepat dan mudah. Saya juga percaya bahawa dengan adanya badan berkanun ini, kita dapat merekrut kakitangan-kakitangan yang lebih efisien dan *expertise* yang kita hendak untuk mengutip cukai dan juga mengendalikan program-program latihan.

Cuma saya ingin bertanya kepada pihak kementerian bahawa kita mewujudkan badan berkanun ini, adakah kita selepas ini mendapatkan KPI bagaimana badan ini dapat mengurangkan *black* ekonomi kita. Bagaimana badan berkanun ini memainkan peranan untuk mengurangkan pelarian cukai. Ini kerana kalau kita ada badan yang autonomi tetapi buat benda yang sama sebelum kita menjadi badan autonomi, maka tidak guna kita mewujudkan perbadanan.

Saya juga ingin bertanyakan tentang *corporate tax*. Saya harap setelah kita efisien dan juga mendapat pulangan ataupun kutipan yang banyak, kita lihat supaya negara Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang mesra pelabur. Ini kerana kita bersaing dengan negara-negara jiran khususnya Indonesia yang sedang membangun, India yang sedang membangun, yang sedang membangkit semula Thailand dan Singapura, adakah *corporate tax* ini menarik minat pelabur-pelabur untuk meletakkan ataupun melabur di negara kita ini. Begitu juga, bukan sahaja *corporate tax* tetapi *individual tax*, adakah harapan kita bahawa pada tahun 2020, negara kita maju, negara yang berpendapatan tinggi dan cukai korporat dan cukai individu yang rendah.

Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa lagi? Silakan Tan Sri.

12.07 tgh.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh beberapa perkara tentang Rang Undang-undang LHDN yang telah dikemukakan. Pertama berkaitan dengan penglibatan kerajaan negeri, yang kedua penggunaan pendekatan syariah dan juga bagaimana boleh mengimbangkan pendapatan antara rakyat Malaysia.

Saya menyokong rang undang-undang ini. Pertama berkaitan dengan penglibatan kerajaan negeri. Saya melihat banyak undang-undang yang kita laksanakan di negara kita memang baik. Bagaimanapun penglibatan kerajaan-kerajaan negeri tidak diberikan penglibatan yang tinggi. Oleh sebab itu banyak negeri masih menghadapi masalah daripada segi pembangunan ekonomi. Oleh sebab itulah dalam mesyuarat-mesyuarat parti misalnya dalam Perhimpunan Agung UMNO, banyak lagi diperkatakan hal-hal ketidakseimbangan ini. Oleh sebab itu saya ingin menyarankan kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh LHDN, mereka juga perlu melihat dalam melabur supaya taburan pembangunan itu menyeluruh, bukan sahaja tertumpu di bandar raya. Ini kerana rakyat di kampung-kampung inginkan pembangunan yang saksama.

Kalau kita lihat dari segi pengagihan pendapatan, mereka yang berpendapatan rendah, jurang dengan yang berpendapatan tinggi semakin melebar. Oleh sebab itu semua institusi-institusi kerajaan seperti LHDN perlu mengambil kira faktor ini di samping faktor keuntungan supaya rakyat jelata dapat merasai semua perkembangan atau pertumbuhan ekonomi yang sedang digerakkan oleh kerajaan. Misalnya tidak lama lagi kerajaan akan mengenakan cukai baru GST menggantikan cukai lama yang pasti akan menambah lagi pendapatan rakyat. Kita ingin melihat agar pendapatan dari Lembaga Hasil Dalam Negeri ini akan diguna dengan lebih baik untuk dirasai oleh penduduk-penduduk di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar, agar menjelang 2020 tidak ada lagi suara-suara yang mempertikai.

■1210

Walaupun kita berpendapatan tinggi tetapi yang tinggi itu hanya sebahagian kecil, bukan sebahagian besar. Oleh kerana itulah saya berharap ada wakil negeri dalam Ahli Lembaga Pengarah. Ini bolehlah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Menteri Kewangan pilih. Kita ada Majlis Menteri Besar, jadi pilihlah seorang wakil yang boleh menyuarakan pandangan kerajaan negeri.

Satu lagi yang saya sebut tadi berkaitan dengan patuh syariah. Saya sokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi agar sukuk dimasukkan dalam pelaburan LHDN.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah perancangan kita untuk menjadikan Malaysia pusat institusi kewangan dunia pada masa-masa akan datang kerana walaupun sukuk bermula di Malaysia, hari ini kita menerajui. Akan tetapi kalau kita melihat perkembangan sukuk di Dubai, Dubai hari ini telah pun menerima USD24.5 bilion dalam skim mereka dan kedudukannya yang ketiga terbesar di dunia. Mereka pun telah menyatakan dengan jelas menerusi Nasdaq di Dubai bahawa ia ke arah untuk menjadi nombor satu di dunia. Kalau kita tidak merancang secara terperinci, saya percaya dalam masa

yang terdekatnya impian Dubai untuk menjadi *International Centre of the Islamic Economy* akan menjadi kenyataan.

Sebagai sebuah negara Islam yang cepat membangun, Malaysia, saya berharap LHDN juga dalam melabur kena melihat agar skim sukuk ini diberikan keutamaan agar Dubai tidak memotong kitalah supaya sistem kewangan Islam pusatnya sepatutnya di Malaysia.

Kita sudah ketinggalan juga dalam beberapa perkara lagi seperti halal. Ini nanti kita akan sentuh dalam Belanjawan *debate*. Oleh sebab itulah saya lagi sekali ingin menekankan agar di samping kita melabur, kita juga ingin melihat Ahli Lembaga Pengarah sentiasa melihat dunia keseluruhannya. Apakah pencapaian-pencapaian kita ini akan dipotong oleh negara-negara lain atau kita boleh pertahankan dan di mana bidang-bidang yang kita memang menjadi juara sepatutnyalah kita menjuarainya. Oleh sebab itu saya ingin sekali lagi menyatakan sokongan saya agar ada wakil yang pakar dalam bidang syariah, duduk sekali dalam Lembaga Pengarah LHDN yang sedang disusun semula ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa lagi yang hendak membahaskan rang undang-undang ini? Okey, kalau tak ada, kita minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat.

12.13 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Bin Mat, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam di atas pandangan-pandangan yang baik mengenai Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014.

Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud ada menyebut tentang hal pelaburan, panel pelaburan, diikuti oleh Dato' Dr. Johari Bin Mat, pelabur ikut syariah, pelaburan yang berhadapan dengan risiko, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, dana-dana rakyat ini perlu dipastikan pulangnya salur ke sektor kewangan Islam bahawa sukuk lebih tinggi pulangan daripada bon.

Sukuk itu ialah bon Islam dan memang benar 60% daripada sukuk dunia ini dipasarkan melalui Malaysia dan kita merupakan pengeluar sukuk yang terbesar di dunia pada saat dan ketika ini dan juga mengenai pengiktirafan sistem kewangan Islam. Saya mengambil maklum tentang cadangan-cadangan bab pelaburan yang dinyatakan juga oleh Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin mengenai beberapa perkara.

Saya ingin memaklumkan bahawa kita telah memberikan satu kertas di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa rang undang-undang ini telah dipinda. Fasal 3 telah dipotong, fasal 5 potong, fasal 6 dipotong dan fasal 8 dipotong. Oleh sebab itu, hal-hal yang berkaitan dengan pelaburan sudah tidak berbangkit kerana kita telah menggugurkan segala hal yang berkaitan dengan pelaburan, panel pelaburan. Ia sudah tak ada dah, tak ada dalam rang undang-undang yang kita bentangkan ini. Kita potong segala hal mengenai pelaburan.

Walau bagaimanapun, saya mengambil maklum kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator mengenai pelaburan untuk tujuan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), untuk

Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) dan badan-badan berkanun yang lain. Namun, dalam bab Lembaga Hasil Dalam Negeri ini kita tidak akan melaburkan wang yang dikutip daripada cukai langsung yang kita kutip.

Saya ingin memaklumkan bahawa jumlah cukai langsung yang kita kutip mengikut tahun misalnya, tahun 2009 adalah RM88.38 bilion, tahun 2010 meningkat kepada RM86.5 bilion, tahun 2011 meningkat lagi kepada RM109.6 bilion kutipan Lembaga Hasil daripada cukai langsung daripada rakyat. Tahun 2012 adalah RM124.8 bilion, tahun 2013 RM128.9 bilion dan anggaran pada tahun 2014 ini RM133 bilion.

Segala wang itu, setiap sen kita tidak akan laburkan dan semua wang itu kita masukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan untuk kita buat bajet tahunan. Sudah tak ada lagi bab-bab pelaburan yang mengelirukan ini. Akan tetapi sebenarnya hasrat pertama apabila kita masukkan fasal-fasal mengenai pelaburan itu ialah hanya untuk melaburkan baki daripada wang yang ada diberikan setiap tahun kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Baki wang itu sahaja yang kita hendak laburkan. Bukan yang berbilion ringgit itu yang hendak ada jawatankuasa pelaburan, panel pelaburan.

Oleh sebab ia telah menjadi kontroversi yang berpanjangan ketika perkara ini ingin dibentangkan, maka kita menarik fasal-fasal tentang pelaburan. Tak ada dah, tak ada kaitan dah yang mengenai pelaburan ini, sudah tidak ada. Dahulu, yang kita hendak laburkan pun baki sahaja. Baki daripada wang operasi Lembaga Hasil sebab apabila Lembaga Hasil Dalam Negeri menerima wang daripada Kementerian Kewangan untuk perbelanjaan bayar gaji staf dan juga untuk pembangunan buat bangunan dan sebagainya, wang itu kita masukkan dalam *fix deposit* selama ini. Jadi, kemudian baru kita keluarkan bayar gaji kalau ada *laps* dia punya tempoh itu dan RM100 juta, RM200 juta sahaja bukan berbilion-bilion ringgit itu.

Pada mula-mula apabila kita ingin membentangkan yang ada pelaburan, yang itu sahaja yang kita ingin laburkan, RM100 juta ke RM200 juta itu, bukan yang bilion-bilion itu. Bilion-bilion ringgit ini, RM133 bilion tahun ini semua masuk dalam Kumpulan Wang Disatukan di bawah Kementerian Kewangan. Setiap sen masuk, selepas itu Kementerian Kewangan bagi balik dalam bajet tahunan. Bajet tahunan siapa, bajet tahunan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kita tak ada niat untuk melaburkan yang RM133 bilion itu, tetapi oleh sebab dipandang pelbagai sudut yang negatif oleh mereka yang di luar sana, maka kita tarik baliklah. Yang ini pun kita tarik balik Ahli-ahli Yang Berhormat, fasal 3, fasal 5, fasal 6, fasal 8, kita tarik balik. Semua bab yang tentang pelaburan itu, semua kita tarik balik.

Kemudian Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam menyebut tentang wakil negeri dalam *Board of the Directors* Lembaga Hasil Dalam Negeri, Ahli Lembaga.

■1220

Sekarang ini Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan Siregar bin Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia. Ahlinya Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman – Akauntan Negara Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Siti Halimah binti Ismail – Setiausaha Bahagian Analisa Cukai Perbendaharaan Malaysia, Cik Junaidah binti Haji Abdul

Rahman – Pesuruhjaya Penyemak dan Pembaharuan Undang-Undang Jabatan Peguam Negara, Yang Berbahagia Datuk Haji Shuib bin Md. Yusop – Konsultan Swasta dan Encik Fadzli bin Abdul Wahit – Konsultan Swasta.

Akan tetapi selepas ini, mengikut rang undang-undang ini kita tambah lagi CEO Tan Sri Dr. Mohd Shukor selama ini tidak menjadi ahli *Board of Directors* Lembaga Hasil Dalam Negeri. Lepas ini beliau boleh masuk. Itu di antara tujuan pindaan rang undang-undang ini sebagaimana teks saya telah dibaca di awal tadi.

Satu lagi kenapa kita hendak pinda? Kerana kita ingin mewujudkan anak-anak syarikat Lembaga Hasil Dalam Negeri. Anak-anak syarikat itu pun ada syarat. Syaratnya pertama, dapat kelulusan Kementerian Kewangan. Yang kedua syaratnya, ia hendaklah hanya berkaitan dengan tugas Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kita ada mempunyai apa yang dipanggil sebagai pusat latihan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Pusat Latihan itu mungkin di bawah anak syarikatlah selepas ini, di bawah anak syarikat Lembaga Hasil Dalam Negeri supaya pegawai-pegawai hanya menumpu mengutip cukai, bukan membuat *training* kepada pihak-pihak yang berkaitan. Jadi untuk membuat latihan dan sebagainya kita bagi anak syarikat milik penuh Lembaga Hasil Dalam Negeri, itu sebagai contoh.

Satu lagi ialah dari segi perisian komputer, perkakasan komputer ini, itu mungkin ada lagi satu anak syarikat yang kita hendak tubuhkan untuk Lembaga Hasil sebab teknologi sentiasa berubah. Oleh kerana itu kita bagilah kepada anak syarikat milik penuh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mengendalikan segala urusan pembelian, peningkatan perisian perkakasan komputer, IT dan sebagainya. Itu yang kedua, anak syarikat yang kedua. Anak syarikat yang ketiga itu mungkin untuk pembersihan dan pengurusan bangunan-bangunan Lembaga Hasil di seluruh negara. Kita tidak perlu suruh pegawai yang menguruskan. Kita bagi kepada anak syarikat milik penuh Lembaga Hasil untuk menguruskan pembersihan, segala *maintenance* bangunan-bangunan.

Itu sahaja pun anak syarikat yang ditubuhkan untuk Lembaga Hasil yang akan dibenarkan oleh Kementerian Kewangan ini. Ia bukan buat anak syarikat hendak meniaga. Itu bukan kerja Lembaga Hasil Dalam Negeri. Hendak meniaga, hendak buat apa juga perkara-perkara ini bukan kerja Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kerja Lembaga Hasil Dalam Negeri cuma mengutip cukai langsung daripada rakyat. Itu saja kerja dan kita akan pastikan mereka kerja itu saja. Mereka bukan kerja untuk buat pelaburan, mereka bukan kerja untuk buka anak syarikat yang tiada kaitan dengan fungsi dan saya harap difahami. Kemudian aktiviti pelaburan yang kini dibenarkan adalah simpanan tetap. Ada baki itu kita masuk simpanan tetap sahajalah sebab kita sudah gugurkan yang bab-bab pelaburan.

Kemudian anggota lembaga daripada tujuh kepada sembilan orang itu salah satu lagi daripada cadangan yang kita bawa dalam pindaan ini. Cadangan pakar kewangan Islam, ini satu cadangan yang baik oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Wakil kerajaan negeri kah, apa semua itu, itu juga satu lagi cadangan yang baik. Kemudian disebut oleh Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin mengenai akta ini, bagaimana dia boleh memastikan tindakan *shadow economy*, *the black economy* ini dapat dikurangkan.

Di antara perkara yang kita akan laksanakan pada tahun hadapan ialah GST, 1 April. Itu juga tujuannya untuk mengurangkan *shadow economy*, *the black economy*, orang yang lari cukai, yang tidak

bayar cukai ini. Kita sudah ada MoU antara Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kerana fakta-fakta dan data-data syarikat sekarang ini sudah hampir 170,000 syarikat yang mendaftar di bawah GST. Jika dulu cuma 63,000 syarikat di bawah SST.

Bererti kenapa tiba-tiba ada banyak syarikat yang mendaftar di bawah ini, GST. Sebab mereka inginkan apa yang dipanggil sebagai *input tax credit* ataupun *input tax* yang boleh *diclaim* daripada kastam. Kalau mereka tidak daftar bererti mereka tidak boleh dapat *input tax credit* itu. Segala kos perniagaan mereka akan naik 6% jika dibandingkan dengan pesaing mereka. Oleh kerana itu mereka mendaftar dan pada yang mendaftar itu saya yakin sebelum ini mereka tidak pernah bayar cukai tapi oleh kerana mereka telah mendaftar dengan GST maka kita boleh mengumpulkan mereka dan dapat mengurangkan *the black economy* ini. Sebelum GST 30% daripada KDNK *black economy*, selepas GST 10% ke 15% sahaja *the black economy*. Bererti dengan perkataan kita boleh mengurangkan 15% ke 20% daripada orang yang lari cukai dan tidak bayar dan satu perkara yang cukup baik.

Selain daripada itu disebut penggunaan cukai syarikat. Kita memang hendak mengurangkan mulai tahun 2016, 25% kepada 24% cukai syarikat. Cukai koperasi juga turun 1 mata peratus. Cukai SME iaitu PKS, Perusahaan Kecil dan Sederhana juga diturunkan daripada 20% kepada 19% mulai tahun 2016 dan kadar cukai individu dan ini banyak 1% sehingga 3% mata diturunkan. Ini semua adalah kebaikan-kebaikan GST yang boleh mengurangkan cukai rakyat selain daripada mengurangkan *the shadow economy* dan macam-macam lagi kebaikan-kebaikan. Saya rasa itulah sebenarnya. Saya mohon maaf kalau ada kekeliruan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, sila.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Yang Berhormat, saya ada satu tadi yang disebut LHDN tidak ditubuhkan untuk meniaga, lebih kurang macam itu ya tetapi kalau tengok seksyen baru 28A, perkara 7, Akta itu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28, seksyen yang berikut, kuasa untuk menubuhkan syarikat, 28A, Lembaga boleh dengan kelulusan Menteri menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dan sebagainya. Apakah maksud tambahan ini?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Itulah, saya sudah maklumkan tadi. Dia tujuannya adalah untuk menubuhkan anak syarikat yang boleh membantu tugas Lembaga Hasil Dalam Negeri dan saya sudah bagi contoh tiga perkara tadi. Itu yang utama, syarikat untuk latihan, syarikat untuk IT, syarikat untuk pembersihan dan juga *maintenance*. Setakat ini yang kita bincang itu sahaja yang bakal ditubuhkan. Namun begitu, selepas ini Lembaga Hasil Dalam Negeri akan diberikan fi, bukan lagi bajet tahunan. Apabila kita lulus ini sekejap lagi, mereka akan dapat fi yang tertentu, 1% ke 2% daripada hasil kutipan. Katalah hasil kutipan itu RM133 bilion, maka 1% hingga 2% daripada RM133 bilion itu akan diberikan kembali kepada KWSP.

Untuk apa? Untuk dua tujuan utama, pertama bayar gaji. Dia ada 11,000 anggota, 11,000 orang staf hendak bayar gaji. Kemudian hendak bayar bonus. Tidak kiralah berapa bulan yang difikirkan sesuai. Yang ketiga ialah untuk projek pembangunan Lembaga Hasil Dalam Negeri, untuk bangunan

baru, cawangan-cawangan mereka ataupun mereka inginkan membaik pulih bangunan sedia ada ataupun membeli bangunan yang sekarang mereka sewa misalnya.

Itu tujuan fi itu diberikan dan kita belum menetapkan berapa banyakkah fi daripada peratusan, berapa banyak peratusannya 1% ke 2%. Mungkin 1.2%, 1.3%, 1.4%, belum lagi ditetapkan berapa. Kalau ada lebih daripada fi barulah mereka boleh menubuhkan, sekarang ini meletakkan dalam *fix deposit* sebab kita tidak ada masukkan panel pelaburan lah. Kemudian kemungkinan wang itu mereka boleh gunakan dalam urusan-urusan syarikat yang saya sebutkan tadi. Syarikat-syarikat yang lain itu saya tidak nampak walaupun memang dalam akta ini kelihatan, rang undang-undang ini kelihatan apa-apa projek, skim atau perusahaan tetapi kita jangan lupa disebut juga dalam barisan yang kedua akhir, dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah akta ini. Apakah fungsi Lembaga Hasil?

Fungsi utama Lembaga Hasil ialah mengutip cukai langsung daripada rakyat untuk diberikan kembali kepada kerajaan. Itu fungsi utamanya. Kalau syarikat yang mereka hendak tubuhkan itu bukan untuk melaksanakan fungsi utamanya, maka Kementerian Kewangan tidak akan meluluskan. Terima kasih.

■1230

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, dia dah habis. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[**Fasal-fasal 1, 2, 4 dan 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
(PINDAAN) 2014****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****12.33 tgh.**

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk menerangkan penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pembangunan koperasi di Malaysia telah bermula pada tahun 1922 dan dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK). JPK berperanan dalam pembangunan dan kawal selia gerakan koperasi dalam negara atau usaha untuk memantapkan lagi gerakan koperasi. Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada 22 Mei 2004 telah memutuskan supaya JPK diperbadankan. Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 2 Mac 2005, semasa menimbangkan memorandum daripada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, No.139/2449/2005 telah bersetuju secara prinsip dengan penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia iaitu suruhanjaya bagi menggantikan tugas-tugas JPK.

Akhirnya secara rasmi, suruhanjaya telah diperbadankan pada 1 Januari 2008. Penubuhan suruhanjaya dapat membantu pembangunan sektor koperasi dengan lebih pesat kerana mempunyai kuasa dan peranan yang lebih luas, fleksibel dan mampu membuat keputusan dengan lebih cepat di samping menguruskan sendiri dana pelaburan, perancangan strategik dan pengurusan kewangan. Suruhanjaya sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah dipertanggungjawabkan untuk mengukuh sektor koperasi dalam aspek *regulatory* dan pembangunan bagi membolehkannya memberi sumbangan yang berkesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Sebagai punca kuasa, Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [*Akta 665*] telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008. Akta ini menerangkan penubuhan suruhanjaya dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah memperoleh kelulusan Jemaah Menteri pada 4 Jun 2014, agar akta ini dipinda bagi memberi sinergi baru kepada suruhanjaya untuk menjadi pemacu gerakan koperasi di Malaysia. Rang undang-undang ini adalah untuk memperkukuhkan struktur Lembaga Pengarah Suruhanjaya dan memberi fleksibiliti dalam penamaan pegawai sebagai *ex-officio* daripada pihak kerajaan.

Oleh yang demikian, dicadangkan agar selain Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang mendapat persetujuan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan turut boleh dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya. Manakala, *ex-officio* daripada Bank Negara, Penolong

Gabenor turut dibenarkan dilantik selain daripada Gabenor dan Timbalan Gabenor Bank Negara. Ini amat penting bagi memastikan *ex-officio* yang dilantik dapat memberikan tumpuan mereka sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan mempertingkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian.

Selain daripada itu, dicadangkan juga agar satu peruntukan baru yang membenarkan pegawai suruhanjaya untuk memulakan dan menghadiri prosiding sivil diperkenalkan di bawah rang undang-undang tersebut. Cadangan penambahan peruntukan ini akan memberi penjimatan kepada kerajaan kerana suruhanjaya telah tidak perlu untuk melantik peguam swasta bagi mewakili suruhanjaya dalam mana-mana prosiding sivil. Ia juga akan dapat menggembelng sumber manusia sedia ada di suruhanjaya bagi melaksanakan tugas tersebut.

Kementerian juga telah mendapatkan persetujuan Jemaah Menteri pada 1 Oktober 2014 agar pindaan ke atas pindaan subseksyen 11(3)(e) di mana telah dipersetujui agar mana-mana wakil Kementerian Kewangan selain daripada Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian tersebut turut boleh dilantik. Pelantikan pegawai kanan bagi Kementerian Kewangan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya perlu mendapat persetujuan Yang Berhormat Menteri Kewangan terlebih dahulu.

Sehubungan itu, kementerian ini mencadangkan agar tiga peruntukan asal dipinda dan satu peruntukan baru diperkenalkan dalam rang undang-undang seperti berikut:

- (i) pindaan ke atas perenggan 11(3)(c) dimasukkan 'Penolong Gabenor' di dalam perenggan sedia ada iaitu 'Gabenor' atau seorang 'Timbalan Gabenor' atau 'Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia' sebagaimana yang dinamakan oleh Gabenor;
- (ii) pindaan ke atas perenggan 11(3)(d) dimasukkan 'Timbalan Ketua Setiausaha' dalam frasa sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri di dalam perenggan sedia ada iaitu 'Ketua Setiausaha' atau seorang 'Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian' yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri;
- (iii) Pindaan ke atas perenggan 11(3)(e) dimasukkan mana-mana wakil sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri Kewangan di dalam perenggan sedia ada iaitu 'Ketua Setiausaha' atau seorang 'Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan' atau mana-mana wakil sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri Kewangan; dan
- (iv) Peruntukan baru seksyen 62A, perwakilan dalam prosiding sivil diperkenalkan agar pegawai Suruhanjaya boleh terlibat di dalam mana-mana prosiding sivil berkaitan Suruhanjaya.

■1240

Cadangan peruntukan baru tersebut ialah walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain:

- (a) dalam mana-mana prosiding sivil atau terhadap suruhanjaya; atau

- (b) dalam mana-mana prosiding sivil yang lain yang suruhanjaya dikehendaki dan dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili atau untuk didengar atau selainnya berhak diwakili atau untuk didengar mana-mana pegawai suruhanjaya yang diberi kuasa oleh pegawai eksekutif bagi maksud boleh bagi pihak suruhanjaya memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak suruhanjaya.

Menerusi cadangan pindaan dan peruntukan baru ini, keberkesanan peranan lembaga pengarah suruhanjaya akan dapat dipertingkatkan. Manakala pindaan berkaitan prosiding akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada khidmat guaman swasta dan ia mengoptimalkan sumber sedia ada di suruhanjaya dan mengurangkan kos operasi.

Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 akan dipinda selepas rang undang-undang ini diluluskan di Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sebelum itu, saya ingin menjemput seorang Menteri untuk mengemukakan satu usul. Silakan.

USUL

MERENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 82(1)

12.41 tgh.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 47 dihentikan agar rang undang-undang yang disenaraikan daripada nombor 4 hingga nombor 7 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini didahulukan bacaan kali kedua dan ketiga selepas selesai diputuskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti mana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang dibuka untuk berbahas. Ada sesiapa hendak membahaskan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007. Silakan Yang Berhormat.

12.43 tgh.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, gerakan koperasi sudah lama wujud iaitu sejak tahun 2002. Akan tetapi perkembangan koperasi negara ini tidaklah begitu memuaskan dan kurang kesannya untuk menaikkan taraf terutama sekali di kalangan penduduk-penduduk desa dan petani-petani.

Ada negara misalnya seperti di Denmark di mana gerakan koperasi paling berkesan sekali kerana dalam sektor pengeluaran dan juga pemasaran ditentukan wilayah-wilayah tertentu di mana hanya koperasi yang bergerak dengan tidak mempunyai tandingan lain ataupun institusi-institusi yang boleh bertanding dengannya.

Akan tetapi di dalam negara ini, kita dapati bahawa koperasi kadang-kadang terpaksa bertanding dengan sektor swasta umpamanya sudah pernah berlaku persaingan di antara koperasi dan orang tengah dan sekarang ini kita bercakap tentang jihad menentang orang tengah dan ini memerlukan koperasi. Akan tetapi dalam suasana yang ada sekarang ini memang susah untuk mendapatkan perkembangan koperasi yang berkesan.

Sehubungan dengan ini, saya tertarik misalnya dengan pindaan seksyen 11(b) iaitu ketua setiausaha atau seorang Timbalan Ketua Setiausaha yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi. Jadi ini ada pegawai yang dipertanggungjawabkan. Saya hendak ketahui ialah apakah bidang kuasanya dan setakat manakah kuasa yang ada padanya? Adakah misalnya boleh beliau meminta atau mencadangkan supaya ada negeri atau daerah atau wilayah tertentu dalam negara ini di mana hanya koperasi bergerak dalam pengeluaran dan pemasaran? Begitu juga setakat manakah kuasa itu disebutkan di dalam rang undang-undang ini? Saya lihat di sini ialah tidak ada penentuan tentang kuasa yang ada padanya.

Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ketua setiausaha ini kita diberitahu dalam seksyen baru 62A iaitu (a) dan (b) bahawa suruhanjaya yang diberi kuasa oleh pengerusi eksekutif bagi maksud diwakili dalam apa-apa kes sivil. Ada dua hal yang berkaitan dengan ini. Satu ialah selain daripada ketua setiausaha yang disebutkan tadi dan selain daripada pengerusi eksekutif ini, pada masa yang lalu saya mengetahui bahawa wujud misalnya Ketua Pengarah Koperasi.

Sekiranya masih wujud lagi Ketua Pengarah Koperasi, bererti ada tiga pegawai yang terlibat dalam koperasi pada peringkat yang tertinggi sekali. Di sini adakah mungkin berlaku misalannya pertikaian terutama sekali dari segi kuasa dan tanggungjawab juga tugas di antara ketiga-tiga ini? Ataupun misalannya ketua pengarah tadi tidak wujud, adakah berkemungkinan pertikaian tugas di antara ketua setiausaha dan pengerusi eksekutif? Jadi kalau dapat dijelaskan perkara ini terutama sekali bidang kuasa setiap pegawai yang tersebut itu.

Perkara yang ketiga ialah berkaitan dengan Pengerusi Eksekutif yang disebutkan di sini. Dikatakan bahawa pengerusi eksekutif ini boleh mengambil apa-apa prosiding dan boleh diwakili oleh seseorang yang ditentukannya. Perkara yang tidak jelas kepada saya di sini ialah tentang wakil tadi. Adakah wakil itu bererti peguam yang boleh menyertai dalam mahkamah untuk prosiding-prosiding tersebut?

Yang Berhormat Menteri tadi menyebut tentang peguam sahaja kalau tidak salah saya. Akan tetapi sekiranya koperasi mendakwa ataupun didakwa, tentulah perlu pegawai eksekutif atau wakilnya pergi ke mahkamah untuk memberikan *evidence*, untuk memberikan bukti. Apa yang menjadi persoalan saya di sini ialah setakat manakah pangkat atau peringkat pegawai yang boleh dijadikan wakil.

Dalam pindaan ini tidak disebut apa pangkatnya. Takkanlah kita hendak hantar misalnya sebarang orang. Jadi lebih jelas kalau misalannya bukan sahaja disebutkan pangkat dan taraf tadi tetapi dijelaskan juga bahawa wakil itu tidak melibatkan hanya peguam tetapi juga orang yang mewakili pegawai eksekutif sebagai defendan atau sebagai yang mendakwa.

■1250

Kuasa yang ada pada Pengerusi Eksekutif ini dalam melantik wakil bagi prosiding sivil menimbulkan soalan saya yang kedua tadi iaitu pertelingkahan atau pertikaian yang mungkin berlaku antara kedudukan Pengerusi Eksekutif ini dengan Ketua Setiausaha. Saya ingin tahu sama ada Pengerusi Eksekutif ini kuasanya hanya terbatas kepada soal undang-undang tadi atau adakah ia melebihi daripada itu? Kalau melebihi daripada itu, bagaimanakah kaitannya dengan kuasa dan tugas yang ada pada Timbalan Ketua?

Jadi bererti di sini Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya perlukan ialah untuk melihat satu pindaan yang lebih jelas menentukan tugas semua pegawai yang tertinggi tadi, bidang kuasa mereka, jelas tentang maksud yang diertikan sebagai wakil tadi sama ada peguam ataupun termasuk juga wakil yang dihantar untuk menjadi pihak ke mahkamah untuk menjawab dakwaan ataupun untuk mendakwa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa lagi yang hendak membahaskan rang undang-undang ini? Nampaknya pagi ini Yang Berhormat macam tidak cukup *charge* ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Hendak berbahas kah? Boleh, silakan.

12.52 tgh

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hanya beberapa perkara yang ringkas tetapi saya rasa penting yang hendak saya sentuh sedikit berkaitan dengan rang undang-undang ini.

Tadi Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali menyebut bahawa koperasi telah didirikan pada tahun 1992. Saya setuju sangat perkara- bukan bersetujulah. Keprihatinan beliau itu juga turut saya rasakan. Setelah berumur hampir 100 tahun, kita rasakan peranan koperasi di negara kita ini macam, "*Hidup segan mati tidak mahu*" sahaja.

Saya teringat dalam tahun 1960-an sewaktu Allahyarham Aziz Ishak menjadi Menteri Koperasi dan Pertanian, beliau mempunyai sikap yang tegas untuk memastikan supaya sektor koperasi ini dijadikan satu tenaga penggerak untuk membasmi kemiskinan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat pada masa itu. Akan tetapi, suasana politik parti yang memerintah pada waktu itu amat berlainan sehingga ura-ura beliau untuk membuka kilang baja urea, tidak salah saya dan dikoperasikan tidak disetujui kerana ada elemen-elemen yang anti-koperasi ini pada masa itu yang tidak bersetuju sehingga usaha-usaha oleh Allahyarham Haji Ishak itu tidak berjaya.

Akan tetapi sekarang saya rasa sudah berubah tetapi perubahan itu masih belum mencukupi dalam erti bahawa setelah berumur sekian lama, gerakan koperasi itu masih terlalu, macam saya kata tadi, "*Hidup segan mati tidak mahu*". Saya hendak tahu di mana silapnya perkara ini?

Satu perkara yang saya rasa agak mendukacitakan juga, ada satu koperasi tertentu, saya tidak hendak sebut nama, di negara ini yang mempunyai suatu zaman yang cemerlang- cakup terus-terang tidak apalah, Koperasi Buku Universiti Malaya. Khabarnya sekarang tengah dalam keadaan yang tenat, gulung tikar tidak tahu dan ada di antara pemegang-pemegang saham di dalam koperasi itu yang tidak tahu apa hendak buat dengan saham, tidak tahu nasib saham mereka itu.

Jadi adakah ini sudah mendapat perhatian daripada pihak kerajaan, pihak yang bertanggungjawab mengenai koperasi ini? Sebuah badan koperasi yang menyelenggarakan pelbagai bentuk perniagaan tiba-tiba gulung tikar. Gulung tikar dan pemilik-pemilik saham koperasi itu ada yang sampai kerani rendah, kerani biasa sampai rugi sampai berpuluh ribu ringgit. Jadi ini antara perkara-perkara yang saya rasa patut mendapat perhatian daripada pihak koperasi.

Ini ada kaitan dengan pengawasan. Pengawasan gerak koperasi di negara kita ini. Saya hanya memberikan satu contoh. Mungkin di samping contoh yang saya katakan di mana koperasi gulung tikar itu, berlaku juga di tempat lain. Sejauh manakah pemantauan terhadap nasib-nasib koperasi seperti ini dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab?

Selain daripada itu, satu perkara lagi yang saya ingin timbulkan Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menyedari peri pentingnya koperasi ini untuk membaiki kedudukan ekonomi rakyat yang tidak begitu teguh ekonominya, maka saya rasa budaya koperasi ini harus ditanamkan dengan meluas, dengan izin, dengan bersungguh-sungguh mulai di sekolah, di kelab-kelab belia dan tempat-tempat yang lain.

Saya ingin tahu sejauh manakah usaha memasyarakatkan konsep dan semangat koperasi ini dilakukan? Ini supaya istilah koperasi itu sendiri, syarikat kerjasama, semangat kerjasama itu benar-benar mendarah daging dalam budaya ekonomi kita.

Jadi itu dua, tiga perkara yang saya hendak timbulkan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, mengapa setelah sekian lama syarikat koperasi wujud di negara ini seperti keprihatinan Yang Berhormat Dr. Syed Husin tadi wujud kenapa masih sekarang keadaannya masih dalam keadaan "*Hidup segan mati tidak mahu*"?

Kemudian, saya ingin mendapat jaminan apa yang akan berlaku kepada pemilik-pemilik saham koperasi yang gulung tikar? Adakah pihak yang menyelenggarakan koperasi itu dipertanggungjawabkan atau bagaimana? Seperti yang saya katakan contoh yang saya berikan tadi hanya satu, tapi saya

percaya di tempat-tempat lain di mana tidak diketahui oleh kebanyakan orang, perkara itu tidak disuarakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa lagi yang hendak membahaskan? Sila Yang Berhormat.

12.57 tgh.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh fasal 2 yang bertujuan untuk meminda perenggan 11(3)(c) dan (d) [*Akta 665*] untuk menjadikan pelantikan anggota Lembaga lebih fleksibel dengan membenarkan Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi dinamakan untuk menjadi Pengarah Lembaga.

Saya menyokong fasal ini dalam memasukkan tenaga pakar yang terlibat secara langsung dalam pembangunan koperasi sebagai Ahli Lembaga Pengarah ini. Beliau, Timbalan Ketua Setiausaha MoF (Pembangunan Koperasi) jelas mempunyai matlamat serta informasi terkini berkaitan perkembangan koperasi di Malaysia ini. Sudah sewajarnya beliau terlibat juga mempunyai penglibatan wakil Penolong Bank Negara yang amat dialu-alukan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus tadi yang mengatakan koperasi dahulu amat berbeza dengan koperasi hari ini. Seiring dengan peredaran masa, perkembangan IT dan tuntutan pengurusan serta jumlah keahlian yang tinggi, mungkin saya ingin sarankan beberapa langkah yang saya fikir baik untuk memajukan koperasi di negara ini.

Hari ini koperasi perlu mengambil kira perancangan dan pelaksanaan projek dan program pembangunan koperasi secara lebih agresif, *inclusive* dan komprehensif. Ini termasuklah merancang peruntukan secukupnya dan menambah baik pakej insentif bagi memberi ruang dan peluang yang saksama untuk koperasi menceburi pelbagai bidang perniagaan. Soalan yang sering ditanya, bagaimana kita yang dilantik sebagai Lembaga Koperasi berusaha untuk meningkatkan perniagaan koperasi?

Apabila perniagaan koperasi meningkat, pendapatan koperasi akan meningkat. Pulangan dalam bentuk rebat dan dividen kepada anggota koperasi juga akan meningkat. Permintaan dalaman atas produk dan perkhidmatan juga akan meningkat dan negara akhirnya meningkat KDNK kita, ini sekali gus boleh memakmurkan Malaysia.

Bagaimanakah kita hendak meningkatkan koperasi...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari. Nanti Yang Berhormat sambung pada sebelah petang ya, Yang Berhormat.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum itu, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kita ada Majlis Makan Tengah hari bersama Tuan Yang di-Pertua kita dekat *Lounge Dewan Negara* selepas ini. Jadi semua diminta hadir. Sekian, terima kasih. Dewan kita ditangguhkan hingga jam 2.30 petang nanti.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

2.32 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung semula persidangan kita. Saya silakan Datin Rahimah untuk menyambung. Di samping itu saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, kalau boleh agaknya siapa-siapa yang hendak berucap atau berbahas di dalam ini sila bersedia. Selepas ini ada masa lagi, saya fikir elok juga kalau boleh ambil bahagian. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Datin Rahimah.

2.33 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung balik bagaimana kita hendak meningkatkan perniagaan koperasi ini? Pada pandangan saya antaranya ialah seperti berikut:

- (i) koperasi mesti ada aktiviti utama yang mampu menyumbang kepada peningkatan pendapatan koperasi;
- (ii) aktiviti utama itu hendaklah mempunyai pelanggan, pengguna yang ramai atau mempunyai permintaan yang baik terutama dari kalangan anggota;
- (iii) koperasi mesti ada perancangan perniagaan yang baik yang difahami oleh semua lembaga dan pengurusan koperasi;
- (iv) semua lembaga dan pengurusan koperasi memahami dan sedar objektif perniagaan koperasi;
- (v) paling utama modal dan pengurusan kewangan yang baik;
- (vi) peraturan atau garis panduan koperasi dan proses yang jelas dalam koperasi untuk setiap aktiviti; dan
- (vii) prinsip kerjasama antara koperasi perlu dipertingkatkan.

Jadi, rumusnya sudah sampai masanya koperasi mesti diurus secara profesional dan ada lembaga pemantau. Dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang, saya silakan Yang Berhormat Hajah Zaitun.

2.34 ptg.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberi peluang dan kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014 ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang terus komited untuk memaju dan membangunkan pergerakan koperasi negara ini yang bermula semenjak tahun 1922 lagi dengan penubuhan Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK). Seterusnya, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah diperbadankan pada 1 Januari 2008 melalui Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665].

Tuan Yang di-Pertua, koperasi memainkan peranan penting dalam membangunkan negara daripada segi ekonomi dan sosial. Koperasi bertanggungjawab memajukan ekonomi rakyat dari pelbagai lapisan masyarakat termasuklah nelayan, petani, peladang, guru, malah pegawai bertaraf tinggi. Koperasi juga telah berjaya menaikkan taraf hidup rakyat dan membasmi kemiskinan. Mutakhir, koperasi menjadi entiti besar yang melibatkan diri dalam pelbagai bidang perniagaan termasuk perbankan, perkhidmatan kewangan, pemborongan dan peruncitan serta perladangan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bilangan koperasi sedia ada serta kategorinya mengikut modal berbayar.

Kerajaan telah melaksanakan Dasar Koperasi Negara 2011-2020. Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi menggerakkan Dasar Koperasi Negara ini sebagai langkah transformasi bagi memajukan lagi pergerakan koperasi negara ini dan meningkatkan lagi sumbangan kegiatan koperasi kepada KDNK negara khususnya untuk mencapai sasaran 10% daripada KDNK menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan langkah kerajaan untuk meminda Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Pertamanya seksyen 11(3)(c) iaitu memasukkan Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia sebagai alternatif selain gabenor dan timbalan gabenor sedia ada dalam lembaga pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Kedua seksyen 11(3)(d) yang memasukkan Timbalan Ketua Suruhanjaya Kementerian sebagai alternatif kepada Ketua Setiausaha kementerian sedia ada.

Saya percaya dengan perubahan ini akan meningkatkan kecekapan urus tadbir SKMM sendiri. Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan memperkenalkan seksyen baru iaitu seksyen 62A bertujuan untuk memasukkan peruntukan bagi membolehkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia melantik wakil, diwakili atau mewakilkan kepada mana-mana pegawai SKMM yang diberi kuasa untuk pegawai eksekutif dalam mana-mana prosiding sivil. Saya mengalu-alukan langkah memasukkan peruntukan baru ini bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan peranan lembaga pengarah suruhanjaya dan mengurangkan kebergantungan kepada khidmat swasta. Bagaimanapun, saya ingin mencadangkan agar pegawai berkecualan undang-undang sahaja yang diberikan peranan penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, SKMM seharusnya memudahkan juga pinjaman kepada mana-mana koperasi terutamanya bagi koperasi yang baru ditubuhkan. Kelonggaran ini Tuan Yang di-Pertua bagi memudahkan pra syarat terutama kepada koperasi-koperasi yang baru bagi membantu koperasi-koperasi ini turut berjaya sebagaimana koperasi-koperasi yang telah lama berjalan.

Untuk makluman Ahli Dewan, sehingga kini selepas satu tahun barulah pinjaman kepada koperasi baru ini dapat dipertimbangkan. Kerana itu saya mengambil peluang di Dewan yang mulia ini supaya SKMM mempertimbangkan kepada koperasi baru untuk memberi pinjaman yang lebih longgar

kepada koperasi-koperasi yang baru ditubuhkan bagi membantu pertumbuhan koperasi-koperasi di negara kita.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap pindaan rang undang-undang ini akan meningkatkan kecekapan kakitangan SKMM yang akan sentiasa bertanggungjawab, dedikasi dan amanah dalam melaksanakan tugas. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Khairudin.

2.40 ptg.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu ataupun membuat cadangan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa saya hendak sentuh lain sedikit soal koperasi ini, di mana saya melihat sekarang ini koperasi yang ada ini sudah menjadi seperti ah long di mana ahli-ahlinya boleh membeli barang di kedai-kedai yang dilantik oleh koperasi-koperasi ini, kemudian ahli-ahli koperasi ini berpeluang untuk membeli barang dari kedai-kedai itu dengan potongan bulanan daripada gaji dan sebagainya.

Apa yang menjadi masalah, ada sesetengah daripada ahli-ahli koperasi ini mengambil kesempatan untuk beli barang tetapi tidak ambil barang, dia ambil duit. Jadi bila dia ambil duit, dia punya potongan itu, kedai pun sudah potong. Misalnya kalau beli televisyen RM1,000, dia hanya dapat RM800, kedai sudah dapat RM200. Selain daripada keuntungan atas peti televisyen, kedai dapat keuntungan kerana beri *cash* kepada dia RM800 dan dia kena potongan bulanan. Bererti dia bayar RM1,000 lebih dengan faedah yang dikenakan oleh koperasi. Akhirnya, kita melihat mereka ini sudah mengambil kesempatan untuk mengambil wang dari kedai-kedai yang memberi barang-barang untuk dibeli, tetapi dia ambil wang.

Pernah terjadi satu kes di mana apabila ahli koperasi ini meninggal, dia mempunyai helmet sahaja, topi keledar sebanyak 23 biji, tetapi motosikal tidak ada. Saya difahamkan daripada keluarganya, sebelum itu pihak majikan minta hendak melihat basikal yang dia beli tetapi dia tidak beli basikal. Jadi, dia terpaksa menggunakan beca untuk bawa basikal dari kedai itu untuk hantar kepada majikan beri majikan lihat dan hantar basikal itu dengan menyewa beca hantar balik ke kedai. Ini kerana kedai tidak beri dia kayuh basikal itu kerana takut jadi *second hand*. Jadi, ini berlaku.

Kalau kita terus tidak pantau koperasi-koperasi ini, saya rasa satu hari nanti akan terus jadi ah long. Jadi, kesempatan akan diambil oleh ahli-ahli koperasi untuk membeli barang-barang. Saya dapati bahawa dia mempunyai lima *video deck*, peti televisyen lima, topi keledar 23, basikal tiga sewaktu dia meninggal. Resit-resit ini dijumpai di dalam ini. Jadi bila duit dia bertambah, dia keluarkan. Ada RM50, dia boleh keluarkan RM30 untuk beli topi keledar, jadi dia keluarkan. Potongan tidak habis setiap bulan, potongan gaji itu.

Jadi saya minta kalau boleh kementerian pantau juga yang ini. Kalau boleh, tutup sahajalah koperasi yang berkenaan daripada dia terus beroperasi dan menjadi- ini kerana ahli-ahli koperasi dia tidak peduli, dia ada peluang, dia akan merebut peluang-peluang yang boleh menguntungkan dia. Dia tidak sedar yang orang lain lebih untung daripada dia. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari.

2.44 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah...* [Berucap dalam bahasa Arab] Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang dan keizinan untuk saya berkongsi sama di dalam membahaskan rang undang-undang meminda Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Menteri tadi bahawa koperasi ini sudah lama di negara kita. Walau bagaimanapun, ia perlu diberi penambahbaikan dan juga nafas baru ataupun meremajakan dalam bahasa yang disebut sekarang ini kepada koperasi kita. Nampaknya koperasi ini agak sudah 1922, sekarang ini kira lama jugalah, perlu diremajakan semula.

Kalau kita melihat kepada cadangan pindaan seksyen 11(3), perkara 2(b), (d) iaitu ketua setiausaha atau seorang timbalan ketua setiausaha kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri. Saya melihat ini merupakan satu anjakan kepada penambahbaikan dan juga memperkasakan koperasi. Saya yakin dan percaya bahawa pindaan ini adalah untuk meletakkan koperasi di tempat yang sewajarnya dan saya yakin ketua setiausaha atau timbalannya merupakan orang yang pakar dalam bidang tersebut.

Kita melihat inilah yang dimaksudkan supaya sesuatu tempat jawatan itu diberi kepada orang yang betul-betul dapat memahami selok-belok kewangan. Allah pun sebut, Rasulullah pun bersabda... iaitu Allah sangat suka, sangat sayang kepada seseorang apabila dia melakukan pekerjaan, dia buat dengan sungguh-sungguh, dengan tekun. Jadi antara orang yang sungguh-sungguh pandai dan tekun di sini di samping dapat melaksanakan amanah adalah sebagaimana yang disebutkan dalam (d) tadi.

Kedua, saya hendak sebut koperasi ini adalah mengajak supaya masyarakat kita bekerjasama di dalam perniagaan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini melatih masyarakat bekerjasama di dalam hal-hal yang baik. Ini juga dapat memupuk kekuatan masyarakat setempat dan ia juga dalam waktu yang sama dapat memberi pekerjaan kepada penduduk di situ. Saya rasa koperasi ini perlu diperhebat dan diperkembangkan sehingga kalau boleh ia boleh dikembangkan daripada satu daerah kepada satu kampung.

Setiap kampung kalau ada koperasi jadi kuat sebab koperasi itulah akan mengawal kerja-kerja dalam urusan kehidupan dan masyarakat boleh tertumpu ke situ. Kalau dijana dengan baik, sudah pasti

orang tengah tidak akan dapat mengambil kesempatan dan ini boleh mengelakkan orang tengah mengambil kesempatan kepada petani-petani kita, kepada nelayan-nelayan kita dan sebagainya.

Selain daripada itu, saya melihat juga orang yang bekerja di koperasi ini perlu diberi latihan secukupnya. Ada tadi saya dengar ada koperasi yang hebat pada satu waktu dahulu, tetapi akhir-akhirnya merudum. Ini kembali kepada pengurusan, selain daripada faktor-faktor lain. Jadi bagi saya, saya melihat perlu ada satu latihan pengurusan yang cekap dan teratur supaya koperasi itu dapat diselenggarakan dengan baik, di samping kita tahu bahawa pihak kerajaan menyediakan insentif dan juga bantuan pinjaman kepada koperasi. Jadi kita harap penduduk setempat atau di mana-mana, mereka akan mengambil peluang ini untuk menjayakan diri.

Pada waktu yang sama juga perlu memberi kawalan yang ketat. Saya tahu bahawa di setiap negeri ada badan yang mengawal koperasi tetapi perlu dilipatgandakan pengawalan, pemantauan supaya koperasi-koperasi yang telah, sedang dan akan didaftarkan nanti akan dapat berfungsi secara yang baik.

Oleh sebab itulah saya melihat perkara ini perlu diberi perhatian yang serius supaya kita dapat sama-sama melihat masyarakat setempat di kampung atau di mana-mana dapat membangunkan masyarakat di situ dan pada waktu yang sama, mereka dapat menjana pendapatan dan juga pekerjaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu perbincangan saya.

■1450

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim.

2.50 tgh.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillahi Rahmani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi saya ruang dan peluang untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi pada kali ini. Perbincangan saya agak singkat, cuma saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya rasa perlu diberi perhatian. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kementerian atas rang undang-undang ini kerana saya merasakan ianya amat berkesan dan prihatin terhadap masalah koperasi.

Sebagaimana yang kita tahu, koperasi ini adalah sebuah pertubuhan yang sangat baik, yang mana ditubuhkan untuk membantu ramai orang. Sebuah koperasi ini niatnya sangat murni dan baik kerana keuntungannya diagih-agihkan kepada ahli-ahlinya. Jadi tidak ada, orang kata keuntungan itu dimakan seorang, tidak ada. Konsepnya itu adalah amat baik.

Saya hanya ingin menyentuh fasal 2, yang mana ianya untuk meminda perenggan 11(3)(c) dan (d), iaitu menjadikan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah daripada kalangan penolong Gabenor Bank Negara dan juga Timbalan Ketua Setiausaha. Saya rasa ini amat baik kerana kita lihat pada masa ini, terdapat juga koperasi-koperasi yang agak gagal dari segi pelaksanaan dan tidak mengaut keuntungan, disebabkan pelaksanaan *management*, dengan izin, tidak betul. Dengan adanya orang-orang yang

berpengetahuan ini, kita mengharapkan agar koperasi itu dapat idea-idea yang baik dan bernas, yang dapat meningkatkan operasinya dan membolehkan keuntungan yang lebih baik.

Seterusnya, saya ingin bertanya kementerian, sehingga kini, ada berapa jumlah koperasi yang tidak aktif atau pun menerima kerugian? Saya mohon kementerian memberi statistik dari segi itu. Saya juga ingin mencadangkan agar koperasi ini diwujudkan KPI juga, sebab kita rasa ini satu insentif supaya koperasi ini dapat dilihat, sama ada ia lebih baik, ia dapat dilihat kenaikan koperasi itu dengan mengenakan KPI.

Saya juga ingin menyarankan kepada kementerian, kalau lah boleh sekiranya GLC-GLC yang ada di Malaysia ini, berilah peluang perniagaan kepada koperasi-koperasi. Sebagaimana yang kita tahu, koperasi ini keuntungannya diagih kepada ahli-ahli. Jadi ramai orang dapat merasai keuntungan itu daripada hanya sesebuah syarikat sahaja. Jadi saya ingin mencadangkan GLC beri peluang kepada koperasi untuk mendapat sumber-sumber perniagaan yang boleh ditawarkan, supaya diberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat di bawah koperasi.

Seterusnya, saya juga ingin mencadangkan atau pun bertanya kepada kementerian sama ada kementerian mempunyai niat untuk mewujudkan satu peraturan patuh syariah dari segi keuntungan koperasi agar keuntungan itu boleh kita katakan halal dari segi, apabila diagih kepada ahli-ahli. Saya rasa itu sahaja yang ingin saya sarankan, Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mengambil perhatian kepada semua, siapa yang hendak bercakap berkenaan koperasi ini, elok hantar nama sekarang kerana kita tidak ramai lagi yang hendak bercakap dalam hal ini. Kalau sekiranya ada di kalangan Ahli Yang Berhormat ingin mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini, sila kemukakan nama. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

2.53 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk membahaskan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2014. Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa koperasi adalah penyumbang ketiga terpenting dalam pembangunan ekonomi negara. Sektor koperasi mampu bergerak seiring dengan sektor awam dan swasta dalam mendukung semua agenda ekonomi kerajaan, terutamanya dalam memperkasakan ekonomi bumiputera. Malah, koperasi boleh menjadi jentera terbaik dan untuk menggembelng sumber yang ada hingga ke peringkat akar umbi untuk menggembelng jalanan perolehan sebanyak RM50 bilion seperti yang telah disasarkan dalam Dasar Koperasi Negara 2011-2020.

Justeru, peri pentingnya koperasi dalam pembangunan negara, jadi wajar sekali pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk memastikan koperasi-koperasi yang wujud di negara ini semakin berkembang selaras dengan misi negara maju tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada satu, dua perkara yang saya hendak ambil bahagian, di sini. Yang pertamanya mengenai dengan cadangan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu dalam seksyen 11(3)(c) iaitu yang menambah alternatif kepada Gabenor Bank Negara sebagai wakil dalam lembaga pengarah Suruhanjaya Koperasi kepada Timbalan Gabenor, Penolong Gabenor dan juga tambahan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Koperasi sebagai ganti hadir Ketua Setiausaha kementerian.

Kita berharap dengan pindaan ini dapat memberi kesan yang positif kepada pembangunan koperasi-koperasi di negara kita dan dikatakan dalam Dasar Koperasi Negara, antara tahun 2011-2020 menyasarkan peningkatan sumbangan gerakan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 5% pada tahun 2013. *Insya-Allah* dijangka 10% menjelang tahun 2020.

Saya ingin bertanya berkaitan dengan kemudahan-kemudahan geran kepada koperasi. Kita mohon kepada pihak yang berkenaan supaya dapat uar-uarkan geran-geran yang diwujudkan bagi membantu koperasi agar sampai ke pengetahuan anggota agar kemudahan geran itu dapat dimanfaatkan.

Seterusnya saya mohon agar diwujudkan mekanisme gabungan koperasi kerana dengan gabungan koperasi dapat memastikan koperasi menikmati pelbagai kemudahan seperti bekalan yang berkualiti, murah dan memastikan produk koperasi mudah dipasarkan. Oleh itu, saya berharap mana-mana koperasi, mereka tidak boleh ataupun dalam sekarang ini mereka perlu bergabung dengan beberapa koperasi untuk memasarkan produk-produk mereka.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ini dengan seksyen 62A, seksyen baru bertujuan untuk memasukkan peruntukan suruhanjaya bagi mewakilkan dan diwakili oleh mana-mana pegawai suruhanjaya yang diberikan kuasa dalam mana-mana prosiding sivil. Menyentuh pindaan ini, saya bersetuju dan menyokong kerana dengan cara ini dapat mengurangkan kos suruhanjaya. Cuma saya ingin tahu untuk memastikan bahawa mereka yang dilantik dan diberi kuasa mewakil suruhanjaya adalah mereka yang berkemampuan seperti mana rakan saya, Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim maklumkan sebentar tadi.

Satu lagi saya ingin dapat pengetahuan daripada yang berkenaan daripada pihak kerajaan. Saya hendak tahu berapa banyak koperasi yang sudah betul-betul berjaya, yang separuh berjaya, yang hidup segan mati tak mahu. Jadi saya minta berikan penjelasan yang sejelas-jelasnya dan apakah tindakan pihak kerajaan dalam menangani perkara ini? Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

2.58 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat seramai lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil

bahagian di dalam perbincangan mengenai dengan pindaan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua ialah Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali yang bertanya dan membawa mengenai dengan perkembangan koperasi kurang memuaskan terutama untuk bersaing dalam bidang pemasaran dan pengeluaran. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui SKM telah mengambil langkah-langkah untuk membantu koperasi agar dapat bersaing di dalam bidang pemasaran.

Tindakan yang diambil adalah dengan memberi bimbingan dan kita juga menyediakan infrastruktur dan perniagaan dengan menyediakan bantuan dan pinjaman serta program-program promosi produk keluaran koperasi melalui program *Groom Big, business matching, mentor-mentee*, serta program-program rantaian nilai.

■1500

Itu tindakan yang telah kita ambil. Yang Berhormat juga menyentuh mengenai bidang kuasa ketua setiausaha ataupun timbalan ketua setiausaha dalam pindaan akta ini. Untuk makluman, pelantikan ketua setiausaha ataupun timbalan ketua setiausaha di dalam lembaga pengarah akan membantu di dalam pelaksanaan dasar dan pentadbiran am hal ehwal dan juga urusan suruhanjaya. Di samping itu akan dapat membantu di dalam proses membuat keputusan dan menjalankan segala kuasa serta melakukan segala tindakan suruhanjaya.

Ketiganya, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai bidang kuasa KSU dan juga pengerusi eksekutif dan ketua pengarah. Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum 1 Januari 2008, Jabatan Pembangunan Koperasi telah diterajui oleh Ketua Pengarah. Walau bagaimanapun, di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, Jabatan Pembangunan Koperasi telah dimansuhkan dan diganti dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Sehubungan itu, jawatan ketua pengarah telah diganti kepada pengerusi eksekutif yang berfungsi sebagai pengerusi lembaga pengarah suruhanjaya termasuk urusan pentadbiran dan hal ehwal berkaitan dengan suruhanjaya. Kuasa ketua setiausaha ataupun wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebagai Lembaga Suruhanjaya adalah untuk memberi nasihat dan pandangan mengenai dasar-dasar pembangunan koperasi.

Yang Berhormat juga ada menyentuh setakat manakah pangkat atau pegawai yang boleh menjadi wakil peguam suruhanjaya. Untuk makluman, pegawai undang-undang yang dilantik oleh Suruhanjaya Koperasi yang berkelulusan undang-undang yang mana sekarang menjawat jawatan di dalam Suruhanjaya Koperasi. Di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi, SKM mempunyai kuasa untuk melantik pegawai tersebut untuk menjalankan kes-kes sivil bagi pihak suruhanjaya.

Yang Berhormat Dr. Firdaus, usaha-usaha yang diambil bagi meningkatkan pembangunan gerakan koperasi. Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi sentiasa berusaha untuk memantapkan peranan koperasi dan menyuburkan semangat beroperasi. Ke arah itu suruhanjaya sedang merancang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi seperti yang digariskan dalam Dasar Koperasi

Negara 2011–2020 yang memberi penekanan kepada penglibatan koperasi dalam pelbagai *entry point project* (EPP) mengikut enam bidang ekonomi iaitu:

- (i) perkhidmatan kewangan,
- (ii) pemborongan dan juga peruncitan,
- (iii) pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan,
- (iv) pertanian dan industri asas tani,
- (v) perladangan, dan;
- (vi) pembangunan hartanah.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus juga bangkit mengenai dengan usaha yang diambil bagi meningkatkan pembangunan gerakan koperasi. Dalam masa yang sama, program-program yang diadakan untuk memastikan koperasi terus maju adalah seperti berikut:

- (i) program pendedahan melalui seminar dan peluang-peluang perniagaan,
- (ii) *business matching*,
- (iii) aktiviti promosi,
- (iv) pendidikan dan latihan, dan;
- (v) program-program rantaian nilai dan juga jaringan perniagaan.

Yang Berhormat Dato' juga...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Minta laluan.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Ya.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh?

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih. Saya amat tertariklah jawapan Yang Berhormat Menteri mengatakan banyak bimbingan yang dibuat kepada koperasi-koperasi. Akan tetapi yang kita hendak tahu ialah setakat mana berjayanya program-program bimbingan ini? Yang Berhormat Dr. Firdaus kata misalnya, Koperasi Buku Universiti Malaya sekarang sudah tidak ada. Dulu kuat, sekarang tidak ada. Adakah bimbingan-bimbingan seumpama ini telah berjaya meningkat balik ataupun membawa koperasi-koperasi yang telah lemah menjadi baik? Setakat manakah berjayanya? Adakah Yang Berhormat Menteri dapat memberi *example*, dengan izin, yang kita telah berjaya? Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat. *Insyah-Allah* sebentar lagi kita akan bagi koperasi-koperasi yang berjaya. Cuma dari segi soalan Yang Berhormat Senator Dr. Firdaus yang kedua, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian terhadap koperasi yang gulung tikar? Yang Berhormat sebutkan juga tadi. Bagi koperasi yang gulung tikar, SKM akan mengambil tindakan untuk memulihkan koperasi tersebut. Suruhanjaya Koperasi juga akan menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen 64, Akta Koperasi 1993 dan penyiasatan di bawah seksyen 45, Akta SKM 2007 untuk mengenal pasti pesalah dan tindakan yang akan diambil.

Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus juga bangkit mengenai apakah tindakan yang diambil kepada koperasi buku, seperti Yang Berhormat Tan Sri sebut tadi. Untuk makluman, Pemeriksaan Audit Wajar (DDE) sedang dijalankan ke atas koperasi ini dari segi kekuatan kewangan, pengurusan aset, liabiliti, perolehan dan teknologi serta mengenal pasti dan memberi saranan ke atas pemulihan ataupun kelemahan-kelemahan koperasi ini hasil daripada pertemuan daripada audit yang kita jalankan. Jadi, *insya-Allah* kita akan beri kepada koperasi ini setelah usaha-usaha audit yang sewajarnya dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator juga membangkitkan apakah tindakan ke atas *shareholder* atau syer anggota di mana pendaftarannya telah dibatalkan ataupun gulung tikar. Bagi koperasi yang lemah ataupun yang telah...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta laluan sedikit.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Sila.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sebelum Yang Berhormat pindah kepada tajuk lain daripada jawapan itu, saya ingin minta penjelasan sedikit. Tindakan yang akan dilakukan oleh pihak berkenaan, pihak kerajaan atau Suruhanjaya Koperasi terhadap ahli-ahli atau pemegang-pemegang saham daripada syarikat-syarikat koperasi yang sudah gulung tikar ini. Seperti saya katakan tadi, ada seorang yang hanya bekerja sebagai kerani kanan, melabur sampai RM50 ribu, beribulah kalau tidak sampai RM50 ribu, berbelas ribu. Akan tetapi sekarang ini tidak tahu hujung pangkal ke mana duit dia itu. Apa jaminan atau apakah cara penyelamatan yang boleh diberikan oleh pihak kerajaan terhadap ahli-ahli atau pemegang-pemegang saham koperasi berkenaan? Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi koperasi yang lemah, saya akan sebutkan. Suruhanjaya Koperasi akan mengadakan tindakan pemulihan bagi tempoh dua tahun. Selepas tempoh dua tahun, koperasi boleh dibatalkan. Selepas koperasi dibatalkan— ini Yang Berhormat bangkitkan tadi dan terdapat lebih wang di dalam Kumpulan Wang Koperasi, ia akan diagihkan kepada pemegang-pemegang saham. Ini bergantung kepada terdapat lebih wang, kalau tidak, makna kata dia akan menerimalah duit-duit ini...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Itu kalau ada lebih, kalau tidak ada lebih macam mana?

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Kalau tidak ada lebih, tidak adalah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tidak ada keselamatan maknanya? Tidak ada usaha-usaha untuk umpama...

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Ya lah, pada awalnya Yang Berhormat, kita mengadakan tindakan pemulihan bagi tempoh dua tahun...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Itu saya faham.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Kita usaha.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta maaf, boleh tanya...

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Itu saya faham Yang Berhormat, yang saya musykil sekarang, bila didapati setelah dilakukan pemulihan, penyelidikan dan segala macam didapati bahawa

koperasi itu tidak dapat diselamatkan sebagai satu organisasi. Akan tetapi yang saya musykil ialah nasib ahli-ahli atau pemegang-pemegang saham, nasib ahli-ahli yang telah melabur dengan koperasi itu.

■1510

Apa yang akan berlaku kepada saham mereka? Adakah mereka akan terbiar begitu sahaja tanpa pembelaan atau ada usaha-usaha daripada kerajaan untuk memberi kompensasi kah melalui apa-apa sahaja sumber atau dana?

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Kalau mengikut apa yang saya jelaskan kepada Yang Berhormat sebentar tadi ialah setelah terdapat lebih wang dalam kumpulan wang koperasi, ia akan diagihkan. Sekiranya tidak mempunyai lebih mungkin kita akan lihat dari segi apa Suruhanjaya Koperasi Malaysia boleh laksana. Akan tetapi untuk sekarang ini kita hendak pastikan sekiranya ada lebih, maknanya semua pemegang saham ini akan mendapat bayaran daripada lebih wang koperasi tersebut.

Yang Berhormat juga menyentuh sejauh mana usaha untuk memasyarakatkan dan juga konsep semangat berkoperasi. Untuk makluman kita bagi semangat berkoperasi ini konsepnya ialah kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi ada melaksanakan langkah-langkah. Banyak langkah dan salah satu langkah yang kita adakan ialah program promosi, program 1Komuniti 1Koperasi, dan kita juga mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan bagi memberi kesedaran berkoperasi. Kita juga memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada koperasi-koperasi baru dan memberi pengiktirafan kepada koperasi-koperasi yang berjaya. Antara yang lainnya kita juga memberi khidmat sokongan kewangan dan juga pembiayaan. Kita juga mempromosikan produk koperasi melalui ekspo-ekspo dan juga pameran-pameran dan kita juga mengadakan program *business matching* di antara koperasi-koperasi dan juga syarikat-syarikat swasta. Ini bagi usaha-usaha yang telah kita jalankan.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah mengenai dengan kemudahan geran kepada koperasi. Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai kemudahan bantuan pembangunan kepada koperasi telah kita adakan. Pertama bantuan asas iaitu maksimum RM50,000 dan bantuan pengukuhan termasuk bantuan pemasaran, penyelidikan dan pembangunan R&D. Maksimumnya RM300,000 untuk membantu mengukur dan juga memantapkan aktiviti dan juga perniagaan koperasi. Kedua, bantuan pemodenan kedai koperasi maksimum sebanyak RM50,000 untuk koperasi di Semenanjung Malaysia dan maksimum RM60,000 untuk koperasi di Sabah dan Sarawak bagi tujuan membantu meningkatkan kecekapan pengurusan kedai runcit koperasi.

Yang Berhormat Datin Rahimah juga mengesyorkan bagaimana Lembaga Koperasi boleh meningkatkan pendapatan koperasi. Pertama Yang Berhormat mengesyorkan supaya koperasi mesti ada aktiviti utama, koperasi mempunyai anggota dan juga pelanggan, koperasi mesti ada pelan perniagaan dan koperasi perlu diurus tadbir dengan pengurusan profesional. Kita ucapkan terima kasih dan kerajaan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas syor-syor yang diberi dan kita akan memberi pertimbangan sewajarnya untuk dilaksanakan seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun mengenai dengan bilangan koperasi yang sedia ada dan jenis modal dan juga syer. Bilangan koperasi yang ada sehingga kini 30 Jun 2014 dengan modal syer sebanyak RM13.34 bilion. Kluster koperasi sehingga 30 Jun 2014 yang besar ada 131, yang sederhana ada 373, yang kecil ada 934, yang mikro ada 10,012, jumlah keseluruhannya ialah 11,450.

Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun juga mengenai dengan langkah-langkah meningkatkan sumbangan koperasi mencapai sasaran 10% kepada KDNK negara melalui Dasar Koperasi. Untuk makluman, kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia sedang merangsang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi dalam usaha untuk menjadikan sektor koperasi berdaya saing dan mampu menyumbang kepada perolehan iaitu *turnover* RM50 bilion menjelang tahun 2020. Dasar Koperasi Negara tahun 2011 hingga 2020 memberi penekanan kepada penglibatan koperasi dalam pelbagai *entry point* seperti yang saya sebut awal tadi mengikut enam bidang yang telah pun saya perelaskan.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun juga cadangan hanya pegawai berlatar belakang undang-undang sahaja boleh dilantik sebagai wakil SKM. Untuk makluman pegawai yang dilantik sebagai pegawai undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia adalah berkelulusan undang-undang dan mempunyai kemahiran dalam bidang berkenaan.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun juga membangkitkan mengenai dengan pembayaran pinjaman tabung modal pusingan. Suruhanjaya Koperasi Malaysia menyediakan kemudahan pinjaman melalui tabung modal pusingan seperti yang saya sebutkan tadi. Maksimum pinjaman dan juga pembiayaan bagi satu koperasi pada satu masa ialah RM10 juta bagi membiayai modal pusingan, pembangunan hartanah, pemilikan harta, perladangan, ternakan dan pertanian dan juga kenderaan atau pun jentera.

Syarat-syarat kelayakan koperasi hendaklah berdaftar di bawah akta Suruhanjaya Koperasi 1993 dan koperasi sudah didaftarkan tidak kurang daripada 18 bulan dan akaunnya diaudit. Penentuan dasar pinjaman pembiayaan Tabung Modal Pusingan merupakan kuasa dan tanggungjawab jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan. Jawatankuasa ini mempunyai kuasa dalam memberi pertimbangan mana-mana permohonan daripada pihak koperasi untuk membuat pinjaman seperti yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah juga, minta maaf.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua, dalam saya kemukakan tadi supaya SKMM permudahkan pinjaman kepada pihak koperasi kerana memandangkan prasyarat yang diberikan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi agak mengambil masa yang sangat lama iaitu lebih kurang 18 bulan atau setahun lebih. Jadi yang ini saya merayu melalui Dewan yang mulia ini supaya ia dapat membantu koperasi-koperasi yang baru

tumbuh untuk dipercepatkan. Itu hasrat saya mewakili suara-suara koperasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan koperasi-koperasi yang baru ditubuhkan, ada pinjaman ataupun juga geran yang disediakan iaitu sebanyak seperti yang saya sebut tadi iaitu RM30,000 hingga RM50,000. Itu agak segera. Akan tetapi yang saya sebut mengambil masa 18 bulan ini ialah mengenai dengan pinjaman yang berjumlah jutaan ringgit. Jadi perlu kita lihat supaya akaun yang diaudit dan sebagainya untuk memastikan kemampuan koperasi itu untuk membayar balik pinjaman yang jumlahnya begitu besar.

Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah juga mencadangkan mekanisme gabungan koperasi. Kemungkinan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa menggalakkan koperasi bergabung untuk mencapai ekonomi khususnya dalam bidang pemasaran, produk-produk koperasi. Sehingga 31 Disember 2013, terdapat 73 gabungan koperasi yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai langkah permulaan. Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah menyediakan garis panduan untuk mengawal dan juga penggabungan koperasi kredit.

Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah ingin mendapat bilangan koperasi aktif dan tidak aktif atau tidak maju. Sebanyak 1,359 buah koperasi tidak aktif dan 8% koperasi tidak maju.

■1520

Jumlah koperasi terkini, seperti yang disebut awal tadi, jumlah koperasi hingga 30 Jun ialah sebanyak 11,450. Memang ada Yang Berhormat koperasi yang tidak aktif dan yang aktif. Secara *detailnya* akan kita beri kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh tanya sikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan program-program dan bantuan yang sedia ada, keadaan koperasi dalam keadaan mati pun bukan hidup pun bukan tetapi koperasi memang ada masa yang cemerlang iaitu pada tahun 70-an dan 80-an.

Saya duduk di Taman KSM iaitu Koperasi Serbaguna Malaysia yang mereka ada banyak taman di seluruh Malaysia. Kalau koperasi ini boleh dikekalkan, boleh *direvive*, dia masih hidup tapi salah satunya ia tidak majulah saya fikir. Jadi kalau koperasi seperti KSM ini boleh berjalan lancar, jadi ia akan meringankan kerajaan kita untuk membantu semua rakyat untuk mempunyai rumah sendiri seperti dulu. Akhirnya berjaya membantu kerajaan untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, penjelasan apa yang hendak?

Dato' Lim Nget Yoon: Tak, yang itu kita- / dengar sudah lama sudah, ada program banyak, ada bantuan banyak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Lim Nget Yoon: Akan tetapi, kenapa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ada hal macam ini, boleh bahas tadi. Sekarang Yang Berhormat Menteri sedang menjawab, apa penjelasan Yang Berhormat hendak buat?

Dato' Lim Nget Yoon: Jadi / cuma hendak tahu kenapa dengan semua ini yang sedia ada, koperasi dalam keadaan yang buruk ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita tahu ada koperasi yang berjaya dan tidak berjaya dengan segala bentuk bantuan yang telah diberi oleh kerajaan oleh Suruhanjaya Koperasi.

Cuma, koperasi yang berjaya ini dan juga yang tidak berjaya ini bergantung kepada bagaimana peranan ahli lembaga pengarah yang memainkan peranan. Ada juga ahli lembaga pengarah yang tidak cekap dan tidak profesional. Mungkin ada ahli lembaga pengarah yang tidak begitu amanah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai ahli lembaga pengarah. Jadi oleh sebab itu, terdapat koperasi yang berjaya dan yang tidak berjaya. Jadi bergantung.

Oleh sebab itu, dalam pemilihan ahli lembaga pengarah koperasi ini harus dilihat oleh ahli-ahli koperasi supaya membuat pemilihan yang tepat dan betul pelantikan ahli-ahli lembaga pengarah. Jangan oleh kerana mereka sebagai sahabat, sebagai kawan, kita membuat pelantikan mereka sebagai ahli lembaga pengarah dan satu ketika nanti inilah yang berlaku kepada koperasi-koperasi yang banyak gulung tikar ataupun yang tidak aktif.

Yang Berhormat Senator Norliza juga bangkit mengenai dengan KPI kepada koperasi. Koperasi memang mempunyai KPI mereka sendiri yang ditentukan oleh mesyuarat agung tahunan yang diurus dan dipantau oleh Lembaga Koperasi seperti yang disebut. Setiap koperasi ada KPI, ada perancangan tetapi harus dipantau oleh ahli-ahli koperasi ataupun pihak pentadbiran sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan contoh koperasi yang berjaya. Antara contoh koperasi yang berjaya Tuan Yang di-Pertua, adalah Bank Kerjasama Rakyat dan juga Koperasi Permodalan FELDA, Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad dan lain-lain. Itu koperasi-koperasi yang telah pun berjaya dan telah pun terbukti kejayaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua juga menyentuh mengenai dengan setakat mana kejayaan program-program yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Koperasi bagi meningkatkan keupayaan koperasi. Untuk makluman, pemeriksaan audit wajar yang saya sebut awal tadi...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Ya.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri bersetuju supaya KPI diadakan. Saya hendak bertanya di kawasan saya sahaja di Parlimen Jerai yang penghuninya hanya 75,000, koperasi yang ada di situ ada 35 buah koperasi. Koperasi yang ada ikan keli, ikan puyu, ikan siakap, pekasam dan sebagainya.

Jadi saya hendak minta bagaimana agaknya Yang Berhormat Menteri ataupun kementerian hendak mewujudkan KPI ini? Adakah pegawai- satu Parlimen 35 koperasi, kalau 222 Parlimen, saya tidak tahu banyak mana Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya sebutkan tadi KPI ini memang koperasi masing-masing yang tentukan. Itu ditentukan dalam mesyuarat. Kita tidak letakkan KPI bagi keseluruhan koperasi daripada kementerian. Itu bergantung dalam mesyuarat agung masing-masing. Dia mesti letak KPI dan diurus atau dipantau oleh Lembaga Koperasi.

Jadi KPI ini, macam saya sebutkan tadi, memang koperasi ada KPI sendiri yang ditentukan oleh mesyuarat agung tahunan masing-masing. Ini bukan KPI yang disediakan oleh kementerian. Jadi kalau mesyuarat agung itu letakkan KPI tertentu, ini mesti diurus ataupun dipantau oleh Lembaga Koperasi yang telah dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada pemeriksaan usaha audit tadi. Dijalankan ke atas koperasi yang bermasalah untuk mengenal pasti kelemahan koperasi dan saranan bagi memulihkan koperasi. Sekiranya berlaku penyelewengan di dalam koperasi, SKM akan menjalankan penyiasatan bagi mendakwa pelaku-pelaku. SKM juga menjalankan penilaian risiko berasaskan konsep Dua Skor bagi mengenal pasti status koperasi dan memberi nasihat berkaitan dengan langkah-langkah yang akan diambil.

Yang Berhormat Senator Norliza juga membangkitkan mengenai mewujudkan garis panduan patuh mengenai dengan syariah. Kemungkinan melalui suruhanjaya, kita sentiasa peka terhadap perkembangan aktiviti kewangan berlandaskan syariah yang dijalankan oleh koperasi. Sehubungan itu, suruhanjaya kini menyediakan garis panduan tadbir urus syariah sebagai panduan kepada koperasi-koperasi yang menjalankan aktiviti perniagaan berlandaskan syariah. Suruhanjaya juga turut bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia untuk memastikan produk kewangan yang ditawarkan oleh koperasi mematuhi syariah bagi koperasi yang menjalankan secara syariah.

Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin membangkitkan mengenai apakah tindakan SKM ke atas koperasi berfungsi sebagai *ah long*, dan anggota yang diambil pinjaman pengguna tidak mengambil barang melalui tunai dan sebagainya.

Untuk makluman, Suruhanjaya Koperasi sentiasa memantau kes seperti ini. Mana-mana koperasi yang ingin menjalankan aktiviti pinjaman pengguna disyaratkan memiliki bilik pameran untuk memastikan koperasi mempunyai barangan yang dijual. SKM juga telah menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen 64 Akta Suruhanjaya Koperasi ke atas koperasi-koperasi yang terlibat bagi membendung aktiviti pinjaman seperti yang Yang Berhormat sebut tadi pinjaman *Ah long* dengan mengarahkan aktiviti tersebut diperbetulkan dengan serta-merta. Jadi kita buat pemantauan dan kita akan bagi...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya minta laluan sikit, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Bila Yang Berhormat mengatakan kerajaan selalu memantau, itu maksudnya menggalakkan. Boleh tidak diberitahu Dewan ini, hasil daripada pemantauan itu, berapa banyak bilangan koperasi-koperasi yang berkelakuan seperti yang dinyatakan Yang Berhormat sebentar tadi? Terima kasih.

Dato' Khairudin bin Samad: Saya pun hendak sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua.

■1530

Itu kalau koperasi itu ada bilik pameran tetapi ini koperasi melantik kedai-kedai. Yang Berhormat Menteri, tolong jawab yang melantik kedai-kedai itu apakah tindakan yang diambil terhadap kedai-kedai? Apa yang menjadi masalah sekarang, dia berpakat dengan tauke kedai itu. Jadi, bukan koperasi. Koperasi hanya membenarkan dia pergi ke kedai. Dia masuk ke kedai, dia berpakat dengan kedai itu,

sepatutnya dia ambil barang. Contohnya ambil televisyen yang harganya RM1,000 tetapi dia ambil wang RM800. Televisyen tidak ambil.

Jadi kedai itu, selain daripada untung atas televisyen, dia juga untung atas wang tunai yang diberikan. Jadi dia dapat RM200 di situ. Itu sudah jadi along. Selepas itu kawan kita bayar pula kepada koperasi setiap bulan, dipotong gajinya, ada pula faedah dari koperasi. Ini yang menjadi masalah. Terima kasih... *[Disampuk]* Banyak. Bilangan kita hendak tahu juga Yang Berhormat. Berapa banyak kedai yang dilantik?

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih.

Dato' Khairudin bin Samad:...Ini kerana ini saya tidak mahu sebut jenis-jenis koperasi itu. Kalau hendak saya bisik kemudian.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih.

Dato' Khairudin bin Samad: ...Akan tetapi saya tahu banyak koperasi buat kerja ini.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Memang kita akui apa yang disebutkan Yang Berhormat itu berlaku. Ada ahli-ahli koperasi yang hendak guna kewangan lebih daripada barang. Jadi sebab itu dia sanggup untuk tukar daripada barang kepada wang tunai. Tindakan ini mungkin kita tidak mampu untuk hendak menyekat ahli-ahli yang sebegitu kerana ini bergantung kepada ahli-ahli koperasi itu sendiri kerana dia lebih rela untuk mendapat wang walaupun dia tahu daripada kewangan yang dia dapat itu jumlahnya begitu kurang daripada harga sebenar TV ataupun barang-barang yang hendak ditukarkan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *[Bangun]*

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Jadi sebab itu bergantung pada ahli-ahli koperasi tersebut dan sekiranya berlaku, ada aduan-aduan yang dibuat, mungkin kita boleh buat mengambil tindakan. Akan tetapi bergantung kepada ahli Tuan Yang di-Pertua kerana mana-mana berlaku sebelum ini pun. Di tiap-tiap negeri, di tiap-tiap koperasi bergantung kepada ahli koperasi. Kalau koperasi itu dia nampak duit lebih daripada keperluan itu kerana dia hendak gunakan kewangan, itulah yang berlaku, dia akan mengalami kerugian daripada harga sebenar barang-barang daripada tunai yang diambil.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mencilah. Apabila Yang Berhormat Menteri mengatakan bergantung kepada ahli koperasi, dua perkara saya hendak tanyakan. Sebelum saya menimbulkan nasib yang dialami oleh syarikat Koperasi Kedai Buku Universiti Malaya itu yang diadukan kepada saya oleh salah seorang anggotanya, sudah kah pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia menyedari perkara itu sebelum dilaporkan? Saya tanyakan perkara ini sebab tadi Yang Berhormat mengatakan Suruhanjaya Koperasi Malaysia memantau.

Adakah perkara-perkara seperti ini tidak dipantau? Satu lagi, kalau sekiranya kita berharap kepada laporan daripada ahli-ahli sahaja, kemudian apakah tindakan yang diambil kepada koperasi-koperasi yang melakukan perkara-perkara yang bersifat along ini kepada ahli-ahlinya? Jadi, dua perkara. Satu, saya hendak tanya secara spesifik, sudah kah perkara yang berlaku kepada syarikat Koperasi Kedai Buku Universiti Malaya itu diketahui oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebelum saya

timbulkan di sini hari ini yang saya hanya menyampaikan apa yang saya terima daripada beberapa orang ahli yang terlibat. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat Menteri sebentar saya hendak sambung juga sedikit. Maksud saya tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat nanti sekejap. Saya rasa banyak perkara ini yang agaknya pengalaman yang telah Yang Berhormat sendiri alami yang mungkin agaknya kementerian tidak tahu. Elok rasanya kalau sekiranya...

Dato' Khairudin bin Samad: Kita bisik-bisik.

Tuan Yang di-Pertua: ...Ambil spesifik itu buat laporan tengok apa tindakan mereka. Setelah agaknya sudah buat laporan, tindakan tidak betul baru bawa ke Dewan. Kalau kita hendak berbincang masalah ini bukankah panjang ceritanya Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Okey Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, seperti yang saya sebutkan tadi, walaupun pemantauan dibuat tetapi kadang-kadang perkara ini berlaku secara sulit. Jadi, sebab itu yang penting ialah kerjasama daripada ahli-ahli koperasi untuk membantu Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi segi kita membuat pemantauan dengan lebih teliti ataupun secara spesifik kepada mana-mana koperasi. Ini perlu walaupun ya lah apabila berlaku ini mungkin secara tidak disedari oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebab itu pemantauan ini kita buat tetapi secara sulit ia berlaku secara diam-diam di tiap-tiap koperasi ini seperti apa yang berlaku seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Mengenai dengan bilangan Tuan Yang di-Pertua, kita akan beri secara bertulis jumlah bilangan yang diperlukan oleh Yang Berhormat. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, kita membahaskan daripada segi dasar. Kalau sekiranya ada *specific case* yang difikirkan untuk sudah bertindak, ada kelemahan-kelemahan di mana-mana perlu ditegur, silakan. Akan tetapi kalau ada sekiranya *specific case* yang rasanya macam Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bangkitkan tadi mengenai Universiti Malaya punya kes, sejauh manakah koperasi itu bertindak dan kalau sekiranya mengikut undang-undang tubuh dan koperasi, undang-undang itu ada. Kalau sekiranya melanggar undang-undang, kalau sudah lapor kepada kementerian, tidak mahu tidak itu baru dibangkitkan dalam Dewan ini.

Sekarang saya silakan— untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (PINDAAN) 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.39 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 serta untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614] merupakan akta tubuh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang memberikan peruntukan berhubung fungsi dan kuasa SSM dalam mengawal selia syarikat dan perniagaan di Malaysia.

■1540

Undang-undang di bawah kawal selia SSM adalah seperti berikut.

- (i) Akta Syarikat 1965 [Akta 125];
- (ii) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197];
- (iii) Akta Syarikat Amanah 1949 [Akta 100];
- (iv) Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 [Akta 28]; dan
- (v) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743].

Selaras dengan Pelan Strategik Kedua SSM dari 2010 hingga 2015 yang menggariskan arah tuju SSM ke arah menjalankan fungsi dan kuasanya secara lebih efektif dan efisien, SSM mencadangkan supaya pindaan-pindaan dibuat ke atas Akta SSM tahun 2001 berhubung perkara-perkara berikut:

- (i) penjelasan berhubung struktur pengurusan SSM termasuklah pelantikan pemangku pengerusi atau ketua pegawai eksekutif atau timbalan ketua pegawai eksekutif;
- (ii) pengenalan peruntukan baru, penyeragaman dan penyelarasan peruntukan dan aktiviti penguatkuasaan untuk kesemua akta di bawah kawal selia SSM;

- (iii) pengurangan peratusan sumbangan tahunan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan;
- (iv) kuasa untuk melesenkan mana-mana orang di bawah mana-mana akta yang dikawal selia oleh SSM; dan
- (v) kuasa untuk melaksanakan program latihan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada keseluruhan Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014 ini mencadangkan 18 perkara pindaan kepada Akta SSM 2001 [*Akta 614*] dan antara cadangan pindaan yang akan diperkenalkan adalah seperti berikut.

Pertama, fasal 3 bertujuan menggantikan seksyen 6 bagi memperkukuhkan institusi anggota suruhanjaya melalui penyusunan semula peruntukan semasa yang berkaitan dengan keahlian suruhanjaya dan memperkenalkan peruntukan baru yang memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik pemangku pengerusi sekiranya berlaku kekosongan.

Kedua, fasal 4 bertujuan meminda peruntukan subseksyen 9(b) yang bertujuan untuk menjelaskan kehilangan kelayakan jawatan seseorang anggota suruhanjaya sekiranya disabitkan dengan kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan tidak kurang daripada empat bulan.

Ketiga, fasal 5 adalah mencadangkan pengenalan seksyen 11 yang baru untuk memperkukuhkan struktur organisasi suruhanjaya dengan menggantikan peruntukan yang berhubung dengan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan timbalan-timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif untuk memangku jawatan Ketua Pegawai Eksekutif sekiranya terdapat atau berlaku kekosongan.

Keempat, fasal 6 mencadangkan pindaan kepada subseksyen 17(d) untuk memperluaskan fungsi suruhanjaya dan mendorong dan menggalakkan tanggungjawab korporat dan kemampanan perniagaan.

Kelima, fasal 7 mencadangkan pindaan ke atas subseksyen 18(2) iaitu memasukkan perenggan baru (ea) untuk menyatakan fungsi tambahan suruhanjaya bagi merangka dan melaksanakan program-program pendidikan dan latihan kepada pengarah dan pegawai syarikat yang lain. Pindaan subseksyen 18(2) juga memperluaskan kuasa suruhanjaya dengan memasukkan perenggan (eb) untuk memberi dan memperbaharui lesen-lesen di bawah akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Keenam, fasal 8 bertujuan menggantikan seksyen 20 yang membolehkan suruhanjaya mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya dengan diperluas kepada mana-mana anggota suruhanjaya, jawatankuasa suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, mana-mana pekerja suruhanjaya atau Pendaftar. Pindaan ini bertujuan untuk melicinkan pentadbiran dan membantu meningkatkan kecekapan operasi harian suruhanjaya dengan menghendaki kuasa perwakilan dijalankan menurut syarat dan terma seperti mana yang ditentukan oleh suruhanjaya.

Ketujuh, fasal 9 bertujuan untuk memasukkan Bahagian IIIA yang baru berhubung fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa Pendaftar dengan menjelaskan bahawa Ketua Pegawai Eksekutif kepada suruhanjaya adalah juga merupakan Pendaftar bagi tujuan-tujuan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual

Pertama dan suruhanjaya boleh melantik daripada kalangan orang dalam penggajian suruhanjaya apa-apa bilangan Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau pekerja lain bagi pelaksanaan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Fasal 9 juga memasukkan Bahagian IIIB yang baru di mana suruhanjaya atau Pendaftar diberi kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, notis, pekeliling atau nota amalan berkaitan mana-mana peruntukan di bawah akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Fasal 9 juga bertujuan memasukkan Bahagian IIIC yang baru ke dalam Akta 614. Di antara kuasa-kuasa baru yang terkandung dalam Bahagian IIIC tersebut adalah memberi Pendaftar kuasa untuk memberi dan memperbaharui lesen yang diperlukan di bawah akta ini atau undang-undang yang dinyatakan di bawah Jadual Pertama dan peruntukan berhubung kuasa membatalkan atau menggantung lesen.

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 25 untuk memperluaskan perlindungan liabiliti diri kepada pegawai awam dan mana-mana orang lain selain daripada anggota ataupun pekerja suruhanjaya.

Fasal 11 juga memasukkan Bahagian IVA baru ke dalam Akta 614 yang mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung penyiasatan dan penguatkuasaan termasuk kuasa untuk menjalankan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan.

Fasal 12 adalah pindaan kepada subseksyen 35(1) yang bertujuan menurunkan kadar pengurangan sumbangan SSM kepada KWDP daripada 50% jumlah hasil tahunan kepada 30% atas lebihan bersih semasa. Pindaan ini bertujuan menampung keberlangsungan operasi SSM di masa hadapan terutamanya bagi menyokong inisiatif pemodenan rangka perundangan yang baharu sejajar dengan pengenalan rang undang-undang syarikat yang bakal diperkenalkan kelak serta program transformasi organisasi dan pembangunan sistem teras SSM yang bakal melibatkan perbelanjaan yang tinggi.

Fasal 13 ialah pindaan kepada seksyen 37 yang diperluaskan kategori orang yang boleh mewakili SSM atau pekerjanya dalam prosiding sivil.

Fasal 14 bertujuan memasukkan peruntukan baru berkenaan cara-cara penyampaian apa-apa dokumen yang dikeluarkan oleh Pendaftar dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya di bawah akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama serta nilai keterangan dokumen yang dikeluarkan atas nama Ketua Pegawai Eksekutif atau Pendaftar.

Fasal 15 bertujuan untuk memberi Pendaftar kuasa untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang ditetapkan dengan keizinan bertulis pendakwa raya dan memperuntukkan liabiliti pengarah, pekongsi, ketua pegawai eksekutif, pengurus, setiausaha atau pegawai seumpamanya yang lain dalam suatu pertubuhan perbadanan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan itu.

Fasal 15 juga memperkenalkan peruntukan baru berhubung pemusnahan, penyembunyian, pencatatan dan pengubahan rekod dengan niat untuk melakukan *fraud*. Fasal ini juga memperuntukkan prosedur rayuan kepada Menteri berhubung tindakan yang boleh diambil Pendaftar.

Fasal 16 bertujuan untuk menggantikan seksyen 40 dengan memberi kuasa kepada Menteri bagi membuat peraturan-peraturan yang antara lainnya berhubung tugas dan fungsi Pendaftar bagi

pentadbiran akta ini serta akta yang ditadbir oleh SSM selaras dengan polisi untuk menyelaraskan dan menyeragamkan pelantikan pendaftar bagi akta yang dikawal selia oleh SSM di bawah akta ini dan untuk memperuntukkan penalti denda yang tidak melebihi RM500,000 atau pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta ini.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua, akta ibu dengan memasukkan Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012 sebagai salah satu undang-undang di bawah bidang kuasa SSM.

■1550

Fasal 18 bertujuan memasukkan peruntukan kecualian dan peralihan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (2001) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk bahas. Tak ada sesiapa hendak membahaskan rang undang-undang ini? Kalau tiada, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

[Tiada perbahasan]

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada apa-apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon Tuan Yang di-Pertua supaya dapat menjalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 18** diperintahkan jadi sebahagian daripada undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN PERNIAGAAN (PINDAAN) 2014**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.54 ptg.**

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*] merupakan satu akta yang mengawal pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan berbentuk pemilikan tunggal dan perkongsian.

Akta 197 ini merupakan salah satu akta yang ditadbir dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan yang dicadangkan terhadap Akta 197 ini adalah diklasifikasikan sebagai pindaan susulan yang perlu dibuat berdasarkan pindaan yang dicadangkan terhadap Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 iaitu Akta Tubuh SSM. Antara pindaan yang dicadangkan adalah pengeluaran peruntukan berhubung pelantikan pendaftar, penolong pendaftar dan pekerja SSM daripada Akta 197 ini. Sebaiknya, peruntukan ini dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

Cadangan ini adalah selari dengan polisi untuk menyeragamkan peruntukan berhubung pelantikan pendaftar serta penolong pendaftar dengan memasukkan peruntukan yang berkaitan di dalam Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 yang dijangka dapat menambah keefisienan SSM dalam menjalankan tugas dan fungsinya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta 197 ini juga dicadangkan untuk dipinda dengan mengeluarkan semua peruntukan berhubung penguatkuasaan untuk dimasukkan ke dalam Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Cadangan ini adalah selaras dengan inisiatif SSM untuk menyeragamkan dan menyelaraskan peruntukan penguatkuasaan untuk kesemua akta yang di bawah kawal selia SSM.

Pindaan ini dijangka dapat mengelakkan pertindihan, ketidakseragaman atau percanggahan peruntukan berkaitan penguatkuasaan yang sekali gus dapat menyumbang kepada kerangka kawal selia yang lebih mantap dan menyeluruh bagi SSM.

Pada keseluruhannya Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2014 ini mencadangkan empat perkara pindaan kepada Akta Pendaftar Perniagaan 1956 [*Akta 197*]. Cadangan pindaan utama terhadap rang undang-undang ini adalah pemotongan seksyen 3, seksyen 9, seksyen 10 dan seksyen 14 [*Akta 197*] memandangkan perkara yang berhubungan dengan pendaftar, timbalan pendaftar, penolong pendaftar dan pekerja lain serta kuasa-kuasa penguatkuasaan yang akan diperuntukkan di dalam seksyen baru 20A, 27C, 27B dan 38A Akta Suruhanjaya Syarikat 2001 [*Akta 164*].

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dibacakan

kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di] bahas. Tidak ada sesiapa pun hendak bahas. Kalau tiada, Yang Berhormat Menteri, seterusnya.

[Tiada perbahasan]

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tidak ada perlu soalan yang dijawab, maka saya mohon Tuan Yang di-Pertua untuk meneruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, saya percaya agaknya ramai mungkin tidak faham, mungkin tidak dapat atau lambat dapat akta ini, saya ingin menarik perhatian semua pihak khususnya pihak urus setia supaya dipercepatkan pengedaran dan banyak apabila berlaku pindaan, Yang Berhormat semua kena kaji akta tubuh itu, itu dia itu. Sesudah itu, untuk mengetahui. So tak mengapa, saya berharap pada masa-masa akan datang, Yang Berhormat semua ambil bahagian kerana banyak perkara saya fikir Yang Berhormat boleh beri sumbangan di dalam Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun, oleh sebab tidak ada sesiapa yang membuat, hendak memberi perbahasan dalam tajuk ini, maka saya sekarang kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

■1600

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan serahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

**RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN
LIABILITI TERHAD (PINDAAN) 2014**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang

undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 serta untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, teruskan.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743] merupakan satu akta yang memperkenalkan perkongsian liabiliti terhad kepada satu entiti perniagaan baru yang merupakan alternatif kepada bentuk-bentuk perniagaan sedia ada seperti pemilikan tunggal, perkongsian dan syarikat. Akta 743 ini telah dikuatkuasakan pada 26 Disember 2013 dan setakat 30 September 2014, sebanyak 2,943 buah perkongsian liabiliti terhad telah didaftarkan. Ini menunjukkan bahawa penerimaan terhadap PLT sebagai sebuah bentuk perniagaan yang baru adalah memberangsangkan. Akta 743 ini merupakan salah satu akta yang ditadbir dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia iaitu SSM

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan yang dicadangkan terhadap Akta 743 boleh diklasifikasikan sebagai pindaan susulan yang perlu dibuat berdasarkan pindaan yang dicadangkan terhadap Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 iaitu Akta Tubuh SSM. Antara pindaan yang dicadangkan adalah pengeluaran peruntukan berhubung pelantikan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau pekerja daripada Akta 743. Sebaliknya, peruntukan ini dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

Cadangan ini adalah selari dengan polisi untuk menyeragamkan peruntukan berhubung pelantikan Pendaftar atau Penolong Pendaftar. Dengan memasukkan peruntukan yang berkaitan di dalam Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 yang dijangka dapat menambah keefisienan SSM di dalam menjalankan tugas dan fungsinya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta 743 juga dicadangkan untuk dipinda dengan mengeluarkan semua peruntukan berhubung penguatkuasaan untuk dimasukkan ke dalam Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Cadangan ini adalah selaras dengan inisiatif SSM untuk menyeragamkan dan menyelaraskan peruntukan penguatkuasaan untuk kesemua akta yang di bawah kawal seliaan SSM. Pindaan ini dijangka dapat mengelakkan pertindihan, ketidakseragaman dan percanggahan peruntukan berkaitan penguatkuasaan yang sekali gus dapat menyumbang kepada kerangka kawal selia yang lebih mantap dan menyeluruh bagi SSM.

Pada keseluruhan, Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2014 ini mencadangkan lapan perkara pindaan kepada Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743]. Antara cadangan pindaan yang diperkenalkan adalah seperti berikut:

Fasal 3 bertujuan untuk memotong seksyen 5, Akta 743 memandangkan perkara yang berhubung dengan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan pekerja lain yang akan diperuntukkan dalam seksyen baru 20A Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614].

Fasal 4 bertujuan untuk menggantikan subseksyen 48, Akta 743 bagi memastikan bahawa perkara berhubung dengan pembubaran perkongsian liabiliti terhad asing dikendalikan seumpama dengan pembubaran syarikat asing di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125].

Fasal 5 bertujuan untuk memotong bahagian VIII, seksyen 77, 78,82, 83, 84, 85, 87, 88 dan 89, Akta 743 yang berhubung dengan penguatkuasaan dan peruntukan am. Semua peruntukan penguatkuasaan diperkatakan di bawah cadangan pindaan kepada Akta 614.

Fasal 6 - bertujuan untuk meminda seksyen 91 Akta 743 dengan memotong perenggan 1(a) yang berhubung dengan kewajipan dan fungsi Pendaftar dan Penolong Pendaftar yang diperuntukkan di bahagian baru IIIA [Akta 614].

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ada sesiapa yang menyokong?

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada sesiapa di antara Yang Berhormat yang hendak membahaskan rang undang-undang ini? Tiada ada yang hendak bahas. Masih belum *charge* lagi bateri ini. Yang Berhormat, nampaknya tidak ada yang hendak bahaskan, jadi teruskan Yang Berhormat

[Tiada perbahasan]

Dato Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada persoalan yang dibangkitkan, mohon untuk diteruskan. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan serahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■1610

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

4.11 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Kewangan 2014 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 2 Disember 2014.”

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

**RANG UNDANG-UNDANG PENGHASILAN BERSIH
PERJANJIAN KEWANGAN 2014****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.12 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014 untuk mengadakan peruntukan bagi kebolehkuatkuasaan peruntukan penghasilan bersih dalam perjanjian kewangan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubung dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014. Semasa ucapan Belanjawan 2014, kerajaan telah mengumumkan bahawa suatu undang-undang akan digubal dalam tahun ini bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara dengan izin, *netting friendly jurisdiction* berhubung kebolehkuatkuasaan peruntukan penghasilan bersih penamat dengan izin, *enforceability of close out netting provisions* di bawah perjanjian-perjanjian kewangan. Penggubalan undang-undang ini amatlah penting bagi memberikan jaminan mutlak kepada peserta-peserta pasaran kewangan domestik dan antarabangsa sama ada institusi kewangan, perbankan, insurans, pengurusan dana atau syarikat-syarikat awam dan swasta untuk menguatkuasakan

mekanisme penghasilan bersih penamat apabila berlaku dengan izin, *event of default* di bawah sesuatu perjanjian.

Mekanisme ini membolehkan hanya satu pihak perjanjian kewangan sahaja yang perlu membayar suatu amaun bersih tunggal dengan izin, *single net amount* bagi kesemua transaksi yang telah dibuat di bawah perjanjian tersebut. Tanpa mekanisme ini kedua-dua pihak perlu membuat pembayaran penuh, bagi setiap transaksi yang telah dibuat di bawah perjanjian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan yang terkandung di dalam rang undang-undang ini akan menyokong kerangka perundangan yang diperlukan untuk menjamin keberkesanan penghasilan bersih penamat pada masa ini dan masa hadapan. Rang undang-undang ini akan memberi manfaat kepada negara dalam empat aspek utama:

- (i) membantu pasaran kewangan Malaysia untuk berkembang setaraf dengan pasaran kewangan antarabangsa yang lain kerana adanya kepastian yang diperoleh daripada peruntukan rang undang-undang ini;
- (ii) menggalakkan penggunaan modal dan kemudahan kredit dengan lebih efisien oleh institusi kewangan kerana dengan penguatkuasaan penghasilan bersih, dedahan kredit di antara dua pihak yang membuat transaksi kewangan adalah berdasarkan nilai bersih dan bukan nilai penuh;
- (iii) mengurangkan risiko sistemik terhadap keseluruhan sistem pasaran kewangan dan seterusnya dapat memastikan keadaan pasaran kewangan yang teratur walaupun ketika kemeruapan ataupun volatiliti yang tinggi; dan
- (iv) menggalakkan jumlah transaksi kewangan dan menambah kedalaman dan kecairan pasaran kewangan di Malaysia dengan memberi keyakinan kepada institusi kewangan antarabangsa untuk berurusan dengan institusi kewangan domestik melalui pengiktirafan Malaysia sebagai dengan izin, *netting friendly jurisdiction*.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat rang undang-undang ini adalah untuk mencapai lima objektif:

- (i) memberi jaminan undang-undang kepada pihak-pihak di bawah perjanjian-perjanjian kewangan, layak untuk menguatkuasakan peruntukan penghasilan bersih penamat;
- (ii) memastikan pihak-pihak berkuasa dapat melaksanakan resolusi kewangan secara teratur dengan jaminan bahawa penguatkuasaan penghasilan bersih penamat adalah tertakluk kepada tempoh penangguhan sementara di bawah undang-undang tersebut;
- (iii) memastikan bahawa jaminan yang diberikan di bawah rang undang-undang ini bagi penguatkuasaan penghasilan bersih penamat tidak akan terjejas berikutan perkembangan undang-undang yang lain pada masa hadapan yang mempunyai dengan izin, *unintended consequences*. Penggubalan undang-undang kewangan

baharu perlu sentiasa membuat penyelarasan dengan peruntukan di dalam Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014 ini;

- (iv) memperuntukkan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk;
 - (a) memperluaskan skop Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014 supaya peruntukan penghasilan bersih berkenaan suatu transaksi kewangan di bawah Perjanjian-perjanjian Kewangan Baharu pada masa depan juga boleh diberikan jaminan undang-undang. Kuasa-kuasa Menteri ini akan dilaksanakan atas syor pihak berkuasa berkaitan iaitu Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Pengurusan Dana Harta Nasional Berhad;
 - (b) menetapkan suatu tempoh penangguhan bagi maksud pelaksanaan resolusi kewangan. Kuasa Menteri ini akan dilaksanakan atas syor pihak berkuasa yang berkenaan; dan
 - (c) meminda jadual dalam rang undang-undang ini setelah mengambil kira undang-undang bertulis yang lain yang tidak selaras dengan matlamat Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014.
- (v) memberi jaminan statutori di sisi undang-undang yang akan membolehkan Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai dengan izin, *netting friendly jurisdiction* dan seterusnya dapat menjadikan Malaysia pusat kewangan pilihan di kalangan negara-negara Asia.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai sembilan fasal. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta.

Fasal 3 menyatakan bahawa peruntukan penghasilan bersih di bawah perjanjian kewangan yang layak boleh dikuatkuasakan mengikut termannya walau apa pun peruntukan tertentu yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual.

Fasal 4 menyatakan bentuk cagaran kewangan di bawah akta ini.

Fasal 5 menyatakan jenis-jenis transaksi kewangan yang layak di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 6 memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan perjanjian kewangan yang layak tambahan, peruntukan penghasilan bersih tambahan dan transaksi kewangan yang layak tambahan atas syor Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Pengurusan Dana Harta Nasional Berhad. Suatu perintah hendaklah dibentangkan di Dewan Rakyat secepat yang dapat dilaksanakan selepas penyiarannya di warta.

Fasal 7 memperuntukkan bahawa Menteri boleh menetapkan suatu tempoh penangguhan bagi maksud peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual atas syor pihak-pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan berkenaan dan tempoh penangguhan itu akan diguna pakai walau apa pun tempoh penangguhan lain yang diperuntukkan atau ditetapkan di bawah peruntukan-peruntukan tersebut.

Fasal 8 memberi jaminan bahawa peruntukan berkaitan dalam undang-undang bertulis yang ditetapkan dalam Bahagian III Jadual akan terus diguna pakai.

Fasal 9 memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda Jadual melalui satu perintah yang disiarkan di dalam warta setelah berunding dengan pihak-pihak berkuasa berkaitan. Perintah tersebut hendaklah dibentangkan di Dewan Rakyat secepat yang dapat dilaksanakan selepas penyiarannya diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, rang undang-undang ini akan memberi jaminan undang-undang bahawa penghasilan bersih penamat di bawah perjanjian kewangan boleh dikuatkuasakan. Ini secara langsung akan menyediakan satu rangka kerja undang-undang yang mantap dan menyeluruh bagi menjamin keberkesanan penghasilan bersih penamat pada masa ini dan untuk masa hadapan bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan pilihan di kalangan negara-negara Asia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kebolehtuakkuasaan peruntukan penghasilan bersih dalam perjanjian kewangan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ada sesiapa yang hendak membahaskan rang undang-undang ini? Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf.

■1620

4.20 ptg.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kerana memberi ruang untuk saya turut membahaskan rang undang-undang baru iaitu Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014. Penghasilan bersih atau bahasa Inggeris yang mudah difahami ialah *netting off* yang saya kira amat mustahak dalam kerangka untuk kita faham transaksi kewangan dunia hari ini. Rang undang-undang ini saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan untuk mengadakan rang undang-undang ini kerana kepentingannya, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi adalah suatu yang tidak boleh dinafikan.

Akan tetapi, sebelum kita bercakap lebih panjang berkenaan dengan rang undang-undang ini, saya kira amat mustahak sekali untuk sidang Dewan memahami dengan tuntas kenapakah pentingnya beberapa perkara harus kita mendapatkan jaminan daripada pihak kerajaan sebelum rang undang-undang ini dapat kita sama-sama luluskan. Ini kerana ia melibatkan instrumen kewangan yang sebenarnya terdedah kepada risiko yang amat besar sekali.

Seperti mana kalau kita lihat dalam rang undang-undang ini, transaksi kewangan yang layak bagi maksud akta ini adalah melibatkan instrumen yang paling besar adalah *derivative* dan juga *repo* yang mana kedua-kedua instrumen ini kalau kita lihat daripada krisis kewangan antarabangsa yang bermula di Amerika Syarikat dan seterusnya terbawa kepada peringkat Eropah dan global pada sekitar tahun 2007 dan tahun 2008 yang lalu adalah berkisar ataupun berpunca daripada instrumen *derivative* ini.

Bahkan, kalau saya petik daripada majalah *Business Time* keluaran 27 Mac 2013, disebutkan bahawa transaksi yang melibatkan instrumen *derivative*- kita kena faham bahawa *derivative* ini bukannya instrumen yang melibatkan *the real economy*, dengan izin, ataupun ekonomi benar. Ia tidak sesekali memberikan indikasi bahawa nilai itu sama nilainya dengan berapa *good and services* ataupun produk dan juga perkhidmatan yang dihasilkan dalam sesebuah negara. Maknanya, ia adalah instrumen kewangan yang boleh disalah gunakan untuk memperkayakan seseorang tanpa mengira batasannya bahkan boleh membobrokan dan juga memudaratkan sesebuah negara dan sistem ekonomi itu sendiri.

Kalau kita lihat dari segi sejarah umpamanya, instrumen *derivative* ini hasrat dan objektifnya baik, instrumennya adalah berobjektifkan untuk melindungi nilai ataupun mengelakkan daripada risiko. Secara mudahnya, dalam dunia tanpa sempadan ataupun dunia perdagangan antarabangsa, kita mengguna pakai nilai mata wang yang pelbagai. Malaysia berdagang dengan Amerika, kita tidak menggunakan duit ringgit Malaysia. Kita mungkin guna duit USD atau mungkin guna duit EURO. Mata wang ini akan berubah-ubah nilainya dari semasa ke semasa. Jadi kita memerlukan satu instrumen yang mana apa yang kita hendak lindung adalah nilai itu tidak berubah-ubah yang boleh merugikan kalau nilai mata wang itu jatuh dan sebaliknya.

Jadi instrumen *derivative* inilah yang diperkenalkan pada awal tahun 1970-an seperti apa yang disebutkan sebagai instrumen *hedging* atau lindung nilai mata wang seperti *FX forward* umpamanya ataupun transaksi mata wang hadapan yang diguna pakai untuk memberikan perlindungan kepada nilai mata wang sesebuah negara supaya kalau kita berdagang, umpamanya kalau kita berdagang minyak, kita tidak akan terdedah kepada penurunan ataupun peningkatan nilai mata wang. Apa yang kita harus fikirkan adalah nilai komoditi itu yang lebih utama.

Akan tetapi, apabila instrumen ini diperkenalkan pada tahun 1970, biasalah manusia ini terdedah dengan hawa nafsu untuk menjadi kaya, sekaya-kayanya, instrumen ini berubah daripada instrumen yang digunakan untuk mengawal risiko ataupun dengan izin, *managing risk* kepada satu instrumen yang digunakan untuk *speculative activity* ataupun aktiviti spekulasi yang untuk membuat duit daripada duit ataupun *to create money out of money*. Apabila membuat duit daripada duit ini, maknanya ia tidak tergantung kepada berapa komoditi yang dijana dalam sesebuah ekonomi ataupun berapa nilai

perkhidmatan yang dijana dalam ekonomi yang selalunya disukat berasaskan KDNK ataupun keluaran dalam negara kasar.

Oleh sebab itulah, mengikut *Business Time* ini juga, dalam tempoh krisis itu, nilai transaksi *derivative* ini berjumlah RM700 trilion itu adalah nilai yang 14 kali ganda berbanding dengan nilai *real economy activity* ataupun nilai KDNK semua seluruh negara di dunia ini kalau dicampurkan, 14 kali ganda lebih tinggi daripada nilai KDNK seluruh negara.

Jadi ini menunjukkan bahawa apa yang ada dalam sistem kewangan kita hari ini hanyalah buih-buih yang tidak ada nilai ekonomi sebenar ataupun nilai *real economy*. Oleh sebab itu apabila berlaku krisis, apabila berlaku *shock*, dengan izin, mudah sahaja ekonomi itu akan hancur, sistem kewangan itu akan hancur seperti mana yang berlaku di negara-negara Eropah. Bahkan, tidak pernah kita terfikir negara boleh bankrap seperti mana empat buah negara di Eropah yang hampir bankrap kalau tidak dibantu oleh Kesatuan Eropah. Negara yang disebut sebagai, istilah yang digunakan di peringkat antarabangsa sebagai negara-negara PIGS, bukan "babi" ya, P-I-G-S iaitu Portugal, Ireland, Greece dan juga Sepanyol. Ini adalah kerana daripada instrumen *derivative*.

Jadi apabila kita hendak membentangkan rang undang-undang yang melibatkan seperti mana kata-kata Yang Berhormat Menteri tadi, kita hendak menjadikan negara kita ini sebagai hab kewangan yang *netting friendly*, apa yang dimaksudkan dengan *netting friendly*? Maksudnya kalau berlaku transaksi *derivative* yang memang akan memerlukan suatu ekosistem kewangan yang *friendly*, dengan izin, kepada pelabur-pelabur, maksudnya kalau dalam konteks...

Contoh mudah kalau saya sebagai pemain industri dalam sistem *derivative*, saya berhutang dengan katakan dengan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah RM100 juta, Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah berhutang dengan saya RM80 juta, jadi saya hanya akan perlu membayar Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah dengan nilai RM20 juta. Itu maksudnya *netting friendly*. Jadi pertukaran yang berlaku bukannya saya akan mengalirkan dana saya kepada Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah sebanyak RM100 juta dan sebaliknya Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah akan mengalirkan RM80 juta hutangnya kepada saya tetapi hanya nilai *netting* atau diistilahkan dalam bahasa Melayu ini, pertama kali saya dengar Bahasa Melayu istilahnya penghasilan bersih atau pun *netting*. Inilah yang dimaksudkan.

Jadi dengan secara mudahnya, ia adalah suatu rang undang-undang untuk membolehkan operasi *derivative* ini dapat berlaku dengan lebih baik dan lebih efisien. Dengan kata lain, kita seolah-olah hendak menggalakkan transaksi berasaskan *derivative*. Oleh sebab itulah perkara inilah yang mungkin menjadi suatu polemik besar sekurang-kurangnya dalam diri saya, apakah jaminan krisis kewangan di peringkat global yang pernah berlaku, yang pernah menyentak negara besar Amerika Syarikat yang pernah membobokkan negara-negara Eropah tidak terpalit kepada Malaysia?

Tuan Chong Sin Woon: Minta penjelasan sedikit. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf lebih macam Menteri Kewangan yang mencadangkan, memberikan penjelasan yang begitu baik untuk kita memahami tentang perkara ini.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf, sekiranya dalam ekonomi moden ini kita tidak dapat mengelakkan daripada menggunakan instrumen ekonomi atau pun kewangan seperti

derivative yang dimaksudkan itu, bagaimana ekonomi Malaysia untuk mengelakkan satu lagi krisis kewangan di masa depan terutamanya seperti mana yang dikatakan tidak boleh akan menggunakan instrumen seperti itu? Apakah cadangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chong. Sebenarnya inilah hasrat saya timbulkan isu sebegini untuk kita perbahaskan. Sebenarnya soalan itulah yang sepatutnya diajukan kepada Yang Berhormat Menteri untuk kita sama-sama dapatkan jawapan.

Memang saya mengakui bahawa dalam dunia hari ini, seperti mana saya katakan tadi, instrumen seperti *derivative* ini adalah suatu yang tidak boleh dielakkan, bahkan diperlukan kerana seperti mana saya katakan, peringkat awal instrumen ini diperkenalkan dalam sistem kewangan global pada tahun 1970-an adalah semata-mata untuk *managing risk* ataupun menguruskan risiko.

■1630

Ia bukannya instrumen untuk diperdagangkan secara spekulatif tetapi yang saya sebutkan tadi, angka-angka yang saya sebutkan tadi 700 trilion, 14 kali ganda daripada KDNK seluruh negara-negara di atas muka bumi Allah sekarang ini. Kalau kita campurkan semua sekali KDNK ini 14 kali ganda lebih tinggi daripada nilai KDNK. Kenapakah saya sebutkan sedemikian? kerana saya hendak menunjukkan betapa instrumen ini boleh dengan izin, *abuse and misuse*, boleh disalahgunakan untuk penyangak-penyagak di kalangan pedagang-pedagang yang hendak memperkayakan diri semata-mata tanpa dia melihat risikonya kepada keseluruhan masyarakat dunia hari ini iaitu yang berlaku sehingga boleh memporak-perandakan ekonomi dan sistem kewangan di Eropah juga di Amerika Syarikat.

Oleh sebab itulah hari ini yang paling penting sekali, sekiranya undang-undang ini hendak kita luluskan, kita juga memerlukan pencerahan daripada pihak Bank Negara dan pihak Kementerian Kewangan mengenai apakah sebenarnya mekanisme supaya instrumen ini tidak disalahgunakan untuk aktiviti-aktiviti spekulatif yang boleh merosakkan dan memudaratkan negara. Bukan saya tidak sekali-kali menidakkan keperluan instrumen ini. Akan tetapi seperti mana yang saya katakan, instrumen ini ada had, perimeter dan batasnya. Ia tidak boleh digunakan untuk membobrokkan sebuah institusi kewangan ataupun sistem kewangan.

Saya sebutkan ini juga kerana ia juga menjadi polemik dalam sistem Kewangan Islam. Sistem kewangan Islam juga menggunakan konsep *derivative* juga kerana seperti mana saya katakan tadi, kita tidak boleh hidup dalam dunia yang tanpa sempadan ini dengan hanya berdagang di kalangan negara-negara ataupun hanya dalam lingkungan dalam negara kita sahaja, kita perlu berdagang dengan negara lain. Apabila kita berdagang dengan negara lain, kita akan menggunakan mata wang asing. Apabila kita menggunakan mata wang asing, kita akan terdedah dengan masalah *volatility*, dengan izin. Ketidakseimbangan daripada segi kadar mata wang yang berubah-ubah bukan setiap hari tetapi setiap jam dan setiap minit.

Jadi, ini yang perlukan instrumen seperti *profit rate swap* ataupun dalam istilah konvensional *interest rate swap*. Adanya *affect swap*, adanya *affect forward* dan sebagainya ataupun *cost currency swap* dan sebagainya. Ini ialah instrumen-instrumen *derivative* yang memang akan menggunakan sistem *netting off* ataupun penghasilan bersih ini dalam konteks yang kita bicarakan hari ini. Cumanya,

bagaimanakah kita hendak memastikan bahawa tidak sesekali instrumen ini disalahgunakan untuk aktiviti-aktiviti spekulatif kerana dalam konteks ini sebenarnya ulama-ulama dalam konteks Islam sendiri pun berdebat panjang apabila mereka hendak membenarkan instrumen dipanggil *Islamic derivative* untuk diperkenalkan dua tahun dahulu ataupun tiga tahun dahulu.

Bahkan mereka tidak menggunakan perkataan *derivative* tetapi mereka menggunakan perkataan kalau dengan izin, *tahawwut* ataupun instrumen lindung nilai. Dalam bahasa Arab *derivative* ini dipanggil *mudarabah*. Akan tetapi dalam sistem kewangan Islam dunia hari ini, negara-negara Islam bersepakat, kita tidak mahu menggunakan istilah *derivative* ataupun *mudarabah*. Kita menggunakan instrumen ini untuk hanya memfokuskan kepada lindung nilai ataupun pengurusan risiko kerana daripada segi Islam memang ada hujah yang jelas. Kerana dalam al-Quran, ayat Al-Baqarah, ayat 105, sebenarnya Allah sendiri memberikan indikator bahawa pentingnya pengurusan risiko ini dalam perdagangan. Apabila Allah menyebutkan dengan izin... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Saya terjemahkan, 'waanfiq', "Dan belanjalah harta kamu di jalan Allah". Apa yang dimaksudkan dalam belanjalah harta kamu di jalan Allah? Maksudnya kita belanja mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh syariat Islam.

Akan tetapi... [Membaca sepotong ayat Al-Quran], "Jangan kamu mendedahkan harta kamu itu kepada kancah kebinasaan". Maksudnya kita kena memastikan apabila kita berbelanja, berdagang, kita melabur jangan sampai harta kita itu menyusut ataupun harta itu kita terdedah kepada risiko yang akan memudaratkan harta sehingga kita boleh jadi papa kedana. Itu dia punya spirit ataupun roh ayat ini.

Jadi roh ini jugalah yang digunakan pakai dalam konteks kewangan antarabangsa dalam konteks *Islamic derivative* yang membenarkan tetapi meletakkan perimeter tidak boleh digunakan instrumen ini untuk aktiviti perdagangan yang bersifat spekulatif. Apa yang boleh digunakan hanyalah sekadar untuk melindungi nilai atau digunakan untuk *hedging*, dengan izin, untuk menguruskan risiko agar pelaburan yang dilaksanakan menggunakan instrumen-instrumen *derivative* sama ada *forward*, *futures*, *profit rate swap*, *interest rate swap*, *Islamic cost currency swap* ataupun *interest cost currency* dan sebagainya. Ini semuanya perlu berasaskan perimeter yang saya sebutkan. Jadi perkara itu antara persoalan yang penting untuk saya ajukan kepada kerajaan untuk kita mendapatkan pencerahan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, dalam penghasilan ataupun disebut sebagai *netting* rang undang-undang yang melibatkan *netting* ini, apakah sebenarnya ia hanya dirujuk kepada instrumen-instrumen konvensional? Kita hendak tahu juga bagaimanakah rang undang-undang ini berupaya untuk *facilitate*, dengan izin untuk menjamin transaksi yang berasaskan syariah ataupun instrumen-instrumen kewangan Islam seperti mana yang saya pernah sebutkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, Malaysia terkehadapan dalam sistem kewangan Islam.

Bahkan untuk pengetahuan juga, Malaysia merupakan negara-negara terawal yang memperkenalkan instrumen-instrumen *derivative* berasaskan prinsip syariah. Apabila kita bercakap instrumen *derivative* berasaskan syariah Islam, ia berbeza dengan kaedah transaksi konvensional. Ia melibatkan transaksi yang melibatkan komoditi seperti mana komoditi yang diperkenalkan dalam Bursa Malaysia, Bursa Suq Al-Sila' dipanggil dalam konteks Malaysia ini atau bursa yang membenarkan transaksi mengguna pakai komoditi-komoditi seperti *crude palm oil* (CPO) atau minyak kelapa sawit.

Ini sudah tentu berbeza dengan konsep konvensional yang hanya melibatkan pertukaran kertas sahaja, yang tidak ada apa-apa makna. Sebab itulah apabila pertukaran kertas ini, ia terdedah kepada risiko jadi orang yang tidak pernah fikir soal apakah kertas ini ada *value*, ada nilai atau tidak, dia meletakkan nilai di situ berasaskan pandangan ataupun persepsi pasaran. Selagi mana persepsi pasaran mengatakan bahawa *repo* umpamanya *affect forward, futures, contract*, perjanjian-perjanjian ataupun kontrak-kontrak konvensional ini ada nilai, selagi itulah ia diberi nilai dalam pasaran.

Akan tetapi dalam konteks *Islamic finance* yang membezakannya dalam konvensional *finance* ataupun kewangan konvensional ialah setiap transaksi ini ada sandaran komoditinya. Cumanya mungkin saya inginkan pencerahan daripada pihak Kementerian Kewangan, pihak Bank Negara, pihak Yang Berhormat Menteri sendiri apakah instrumen-instrumen berasaskan kewangan Islam ataupun secara lebih spesifiknya *Islamic derivative* yang berasaskan kontrak-kontrak dan transaksi urus niaga yang disandarkan berdasarkan prinsip syariah dan juga akan diambil kira dalam rang undang-undang ini. Ini penting supaya tidaklah nanti kita terpaksa membuat pindaan pula apabila kita hendak memperkenalkan instrumen-instrumen baru dalam sistem kewangan Islam.

Untuk pengetahuan juga Tuan Yang di-Pertua, instrumen-instrumen kewangan Islam ini ia amat dinamik. Sifatnya amat pantas kerana transaksi kewangan dalam konteks dunia amat pantas, apatah lagi dalam dunia hari ini yang memang begitu berminat sekali dalam memperkenalkan sistem kewangan Islam di mana-mana bukan sahaja di negara-negara Islam tetapi juga di negara-negara Eropah, negara Amerika, negara-negara bekas jajahan Soviet dan lain-lain lagi. Oleh sebab itulah, kalau kita ini sebagai pelopor sistem kewangan Islam, rang undang-undang yang melibatkan perjanjian-perjanjian ataupun seperti *netting friendly* yang melibatkan kewangan ini juga mesti berupaya untuk menyantuni keperluan sistem kewangan Islam itu.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya hendak bangkitkan dalam perbahasan ini kerana saya merasakan bahawa ini adalah penting supaya bukan sahaja untuk menjadi perhatian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi kita juga inginkan pencerahan dua perkara ini yang saya sebutkan tadi. Pertama, apakah rang undang-undang ini dan juga kalau ia diperkenalkan, bagaimanakah ia dapat memberikan jaminan bahawa instrumen-instrumen *derivative* ini tidak disalahgunakan untuk aktiviti-aktiviti perdagangan yang bersifat spekulatif yang sudah terbukti menjadi sebab dan punca kepada krisis kewangan antarabangsa yang menghancurkan banyak ekonomi-ekonomi dunia hari ini termasuklah negara-negara yang saya sebutkan tadi.

■1640

Kedua, apakah rang undang-undang ini juga boleh menyantuni keperluan Sistem Kewangan Islam yang semakin membangun dalam konteks dunia hari ini. Sekian, saya mohon menyokong.

Dato' Lim Nget Yoon: Sebelum...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Hendak mencelah? Silakan.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tentang kebaikan Sistem Kewangan Islam. Kurang jelas, boleh jelaskan supaya kita semua boleh berkongsi *information* itu. Tentang kata krisis ekonomi itu, kita memang pernah berlaku krisis kewangan kita yang berlaku oleh Soros itu. Jadi, adakah kerajaan kita sudah sedia untuk mencabar jika krisis itu berlaku lagi? Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ada dua persoalan penting tadi. Pertama, berkenaan dengan Sistem Kewangan Islam. Apa kelebihan dia? Saya rasa mungkin masa ini saya tidak mempunyai kesempatan untuk menerangkan secara tuntas lah. Kita perlu ada satu bengkel khas untuk menerangkan berkenaan dengan bengkel kewangan Islam. Cuma, kalau saya boleh kaitkan dengan kelebihan Sistem Kewangan Islam dalam kerangka isu yang kita bincangkan hari ini berkenaan dengan *instrument derivative*.

Ini adalah sebenarnya salah satu sebab kenapa kalau boleh saya sebutkan Bank Dunia, *World Bank* membuka cawangannya di Malaysia. Selepas daripada krisis yang melanda kenapa IMF, kenapa *World Bank* dia melihat Malaysia sebagai model untuk mereka mengkaji di manakah kekuatan Sistem Kewangan Islam yang menyebabkan *to certain extend, it is more robust*, dengan izin. Dalam satu peringkat, dalam kita berhadapan dengan krisis yang melanda dunia hari ini, Sistem Kewangan Islam seperti tidak terjejas sangat dalam kerangka ini.

Ini juga menjawab persoalan yang dibangkitkan kerana kalau kita bercakap dalam konteks Al-Quran, apabila Allah menyebutkan dengan izin... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Apabila Allah menyebutkan dengan jelas bahawa sistem yang berasaskan riba iaitu *interest based economy* ini dia tidak akan berkekalan. Ia akan hancur dan tidak mendapatkan keberkatan. Kenapa disebutkan di dalam Al-Quran sebegitu rupa dan sehinggakan riba itu diharamkan dalam Islam secara tuntas sehinggakan kalau dalam hadis Nabi disebutkan kalau antara hukum zina dengan hukum riba, lebih buruk lagi hukum zina perlakuan seksual dengan ibu.

[*Bercakap dalam bahasa Arab*] Ada 73 jenis dosa yang berkait dengan riba yang disebutkan oleh Nabi. Dosa yang paling kecil di kalangan 73 ini diumpamakan seperti kamu berzina melakukan hubungan seksual dengan ibu kandung sendiri. Maknanya hukum Islam berkenaan dengan zina ini sudah besar sifatnya. Akan tetapi berbanding dengan riba, ia adalah yang paling rendah sekali di kalangan dosa-dosa.

Kenapa sedemikian rupa? Ini kerana kalau kita tengok dalam konteks hari ini bila kita bercakap soal *derivative* umpamanya sistem *derivative* atau pun sistem kewangan yang berasaskan riba memang dengan sendirinya memerlukan instrumen *derivative* seperti ini kerana dia perlu melindungi nilai terhadap kadar faedah yang berubah-ubah. Kadar faedah ini seperti mana pembuktian disebutkan oleh *Business Times* tadi dia boleh diperdagangkan pula melalui kontrak-kontrak masa hadapan yang tidak bersandarkan kepada *real economy* atau pun ekonomi benar.

Maknanya yang dimaksudkan dengan ekonomi benar ini adalah *the production of real good and services of the country*. Manakala Malaysia ini menghasilkan minyak atau pun minyak kelapa sawit, itu kan boleh dinilai sebagai sebahagian daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang dikeluarkan.

Akan tetapi KDNK yang digunakan sebagai kayu ukur, berapakah perkhidmatan dan barangan yang dihasilkan dalam sesebuah negara itu tidak boleh mengukur atau pun kalau kita hendak bandingkan dengan nilai *instrument derivative* yang diperdagangkan dalam dunia hari ini dia seperti tidak terkait langsung kerana nilai ini terhasil daripada transaksi yang mana pedagang-pedagang ini atau pun pelabur-pelabur, dia hanya melabur atau pun berdagang sekeping kertas yang tidak ada sandaran ekonomi benar tadi.

It's just a paper. A paper that people transact in the capital marker atau pun *in the money marker* dengan izin, yang tidak ada sandaran apa-apa dari segi ekonomi. Itu dibolehkan dalam sistem konvensional dan tidak dibolehkan dalam Islam kerana Sistem Kewangan Islam setiap benda itu perlu bersandarkan kepada *real economy*.

Sebab itu bila kita bercakap soal *derivative* pun dibenarkan oleh ulama-ulama hari ini untuk diguna pakai instrumen *derivative* dengan syarat bahawa instrumen ini hanya digunakan untuk lindung nilai. Macam mana contohnya? Katakan Yang Berhormat datang kepada saya hendak mengguna pakai instrumen *FX forward* atau pun kontrak mata wang hadapan. Saya sebagai pemain industri kewangan Islam saya kena tanya dahulu kepada Yang Berhormat, apakah instrumen ini Yang Berhormat perlukan untuk melindungi nilai perdagangan yang Yang Berhormat ada dengan contoh dengan negara China hendak import barangan daripada China terpaksa menggunakan duit USD umpamanya. Jadi, kita tidak mahu terdedah kepada *volatility*, dengan izin, USD yang ada di pasaran. Jadi, Yang Berhormat akan terpaksa datang kepada saya hendak mengguna pakai instrumen untuk melindungi nilai ini yang dalam instrumen ini diguna pakai dengan istilah *FX forward*.

Jadi, saya sebagai pemain akan bertanya dahulu apakah sandarannya. Sandarannya ialah perdagangan tadi yang melibatkan *real economy*. Melibatkan aktiviti perdagangan benar kerana apa sandarannya ialah perdagangan import tadi. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat datang kepada saya hendak membeli instrumen *FX forward* umpamanya, hanya sekeping kertas dan tidak ada sandaran apa-apa. Cumanya Yang Berhormat akan kata minggu hadapan saya menjangkakan USD akan naik.

Jadi, lebih baik saya membeli 1 juta nilai USD yang ada pada saya untuk membolehkan Yang Berhormat jual nilai USD yang samamendapatkan ringgit apabila USD itu sudah meningkat tanpa disandarkan kepada aktiviti ekonomi yang benar seperti perdagangan tadi. Yang ini kalau dari segi Islam tidak boleh diguna pakai kerana ia melibatkan *speculative activity* yang hanya memperkayakan individu tanpa ada sandaran komoditi. Itu antara perbezaan *Islamic* dengan konvensional.

Sebab itulah perkara ini mustahak sebab ini terkait dengan soal apa yang kita bincangkan hari ini Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan ini kerana *netting off* ini adalah hasil daripada transaksi mengguna pakai instrumen-instrumen *derivative* ini. Sebab itulah penting sangat saya sebutkan tadi, mustahak untuk pihak kerajaan memberikan pencerahan kepada kita bersama apakah mekanisme atau pun sudah tentu kerajaan telah memikirkan mekanisme bagaimana hendak memastikan instrumen-instrumen *derivative* ini tidak disalahgunakan untuk aktiviti spekulasi yang boleh menjahanamkan ekonomi seperti mana seperti Yang Berhormat sebutkan tahun 1997 sehingga kita terpaksa menanggungkan aktiviti *derivative* yang melibatkan pertukaran mata wang.

Waktu itu kita buat *capital control*. Itu adalah satu petunjuk jelas kenapa waktu itu lagi Yang Amat Berhormat mantan Perdana Menteri sudah melakukan satu tindakan *radical* yang tidak dibuat oleh orang lain untuk menetapkan mata wang kita pada satu kadar yang tetap sehinggakan aktiviti *derivative* itu sudah tidak bermakna pada waktu itu. Akan tetapi hari ini apabila kita menggunakan istilah yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, *we want to be netting friendly*.

Sistem kewangan kita hendak supaya aktiviti-aktiviti *derivative* ini datang ke Malaysia. Apakah jaminan aktiviti *derivative* yang akan datang ke Malaysia ini tidak memudaratkan negara kita? Yang itu yang paling kita patut geruni. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberikan soalan yang penting itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan. Ini hendak berbahas ini atau mencelah?

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Hendak mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan pengalaman saya di Maybank jadi saya ingin hendak menambah sedikit atau pun hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat tentang kebaikan Skim Perbankan Islam dengan Skim Perbankan Konvensional.

Jadi, contoh yang saya hendak bagi di sini ialah tentang pembiayaan perumahan. Sekiranya kita buat pinjaman sebanyak RM200,000 dan pembayaran ansuran bulanan sebanyak RM800 adalah tetap dan tidak akan berubah sepanjang 20 tahun pembiayaan. Ini Skim Perbankan Islam ya Yang Berhormat. Di mana SPI ini memberikan ketenangan fikiran, di samping memudahkan kita membuat bajet perbelanjaan sepanjang tempoh 20 tahun pembayaran. Walaupun harga jualan adalah tetap, kita sebagai pelanggan boleh menikmati...

■1650

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mencelah atau berhujah?

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tidak. Saya hendak *explain* sedikit antara kelebihan...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa lebih elok kalau Yang Berhormat berbahas daripada mencelah.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Okey. Jadi, bezanya Skim Perbankan Konvensional Tuan Yang di-Pertua kerana Skim Perbankan Nasional ini dia tidak terikat dengan turun naik BLR. Maksudnya, bayaran bulanan tidak akan tetap sebanyak RM800. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab itu saya katakan untuk membuat pencerahan berkenaan sistem perbankan Islam ini, kita kena ada satu bengkel khas. Cuma bukan mungkin tidak sesuai untuk saya hendak memperincikan di sini, cuma yang saya sebutkan tadi sebagai satu *background* dengan izin, satu kefahaman kita agar kita memahami dalam kita hendak meluluskan rang undang-undang ini, ada perkara-perkara yang perlu kita perhatikan dan perhalusi supaya ia tidak memberi kesan kepada rakyat secara keseluruhannya kerana kita sudah pun pernah melaluinya tahun 1997.

Tahun 1998 yang kita tidak mahu perkara yang sama berlaku hanya kerana hendak menjadi sebuah hab kewangan yang tersohor di antarabangsa. Saya sendiri bukan mengatakan bahawa saya

tidak sokong, sebab itu saya berdiri di sini untuk menyokong akta ini, rang undang-undang ini. Cuma, kita memerlukan pencerahan lebih sedikit daripada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah mekanisme dan apakah garis panduan atau parameter-parameter yang sudah pun ataupun apakah sudah diletakkan bagi menangani isu-isu yang saya bangkitkan tadi. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa lagi yang hendak berbahas? Silakan Yang Berhormat Tan Sri.

4.51 ptg.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dalam perbahasan ini kepada Yang Berhormat Menteri. Nampak *netting friendly* ataupun transaksi *derivative* ini untuk menarik pelabur luar datang ke Malaysia dengan keyakinan bahawa pelaburan mereka dijamin. Saya hendak sebut satu pengalaman di mana kita, dalam negeri kita juga ada melabur. Apakah yang ini termasuk juga kalau rugi akan dijamin oleh kerajaan? Tadi kalau tidak silap sudah sebut, hendak tahu apakah instrumen, apakah kalau kita jamin macam tadi beliau pinjam Yang Berhormat Khairiah pinjam RM8 juta, Yang Berhormat Khairiah pinjam beliau RM10 juta, jadi ada rugi RM2 juta. Jadi, siapa hendak tanggung RM2 juta ini? Itu *argument* tadi. Nampak *argument* Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf macam ada orang tukang jamin RM2 juta ini atau yang rugi RM2 juta ini, rugilah RM2 juta tetapi dapat balik RM8 juta. Ini satu kes.

Ada beberapa tahun dulu, banyak orang berniaga *gold* dinar. Semasa Mantan Perdana Menteri Dr. Mahathir *promoted gold* dinar. Kita pun dapat banyak syarikat, ada satu syarikat yang popular, namanya ada guna *gold* dinar juga. Jadi kita pun belilah. Apa jaminan, katanya ada jaminan emas. Dia pun datang kepada saya tunjuk emas, memang betul ada emas. Akan tetapi apabila sudah dibeli, dia cuma beri surat sahaja. Semasa itu semua orang sudah lupa, tidak lihat lagi emas. Sekali dia ambil duit-duit yang sudah dapat ini, dia melabur ke Australia dalam bursa saham.

Bursa saham di Australia pula jatuh dan kita pelabur hendak minta untung, mana untung. Kata dahulu kita beli emas, emas ini naik harga, ini *forward*, beli masa hadapan. Katanya nanti dahulu, tunggu sampai hari ini saham itu sudah jatuh dan kita bawa ke mahkamah. Sampai hari ini mahkamah pun tidak boleh hendak putus lagi. Jadi kes macam ini, macam mana transaksi derivatif ini boleh menjamin pelabur-pelabur yang begini tidak teraniaya.

Oleh sebab itu dalam kita hendak menjadi pusat pelaburan yang terbaik, saya setuju Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf bercakap perkara-perkara yang ini juga perlu kita ambil kira. Di samping kita menjamin pelabur dari luar negara, kita juga perlu menjamin pelabur daripada dalam negara. Apabila kita mengambil tindakan mahkamah, saya fikir satu mekanisme juga perlu dilakukan supaya keputusan boleh dapat cepat dan orang yang bertanggungjawab ini patut dihukum. Ini kira macam sudah menipu juga. Janji jual emas pakai surat, akhirnya bila kita beli dia cuma beri surat sahaja.

Jadi perkara-perkara begini banyak berlaku di seluruh negara, bahkan di seluruh dunia. Dalam konteks yang besar hingga negara-negara yang dahulunya negara maju pun menjadi bankrap. Oleh sebab itu saya berharap apa pun yang kita buat ini, kerajaan perlu berhati-hati dan mekanisme yang

digunakan dalam *netting friendly* ini perlulah jelas dan mudah difahami oleh pembahas-pembahas usul juga. Saya fikir perlu ada cara penjelasan itu yang agak mudah difahami apa yang dimaksudkan. Tadi nampak ayat-ayat ini semua terlalu akademik hingga kita pun susah hendak faham.

Saya kalau boleh tanya lagi kepada Yang Berhormat Menteri, setakat ini berapa syarikat yang telah terlibat dalam perniagaan transaksi derivatif ini di Malaysia? Berapa pula jumlah yang terlibat dan berapa banyak pula kerugian yang telah berlaku hingga kita terpaksa mengadakan undang-undang yang baru ini yang lebih baik untuk menjaga kepentingan pelabur-pelabur yang akhirnya kita menjadi pusat pelabur yang terbaik di dunia? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Jaspal.

4.56 ptg.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua memberi kesempatan kepada saya berbahas Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014 ini. Saya telah mendengar bahas daripada Yang Berhormat Tan Sri Mohd. Ali dan juga daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf tadi dan begitu tertarik dengan perbahasan. Bila idea rang undang-undang ini ialah membuat Malaysia sebuah hab *financial centre* dengan produk-produk canggih dan *attractive*, seorang atau sesebuah syarikat bila kita melaburkan produk-produk biasa, selalu risikonya tidak begitu tinggi dan sebab itu faedah yang kita dapat sama ada secara islamik ataupun konvensional, keuntungannya tidak begitu besar. Dengan cara derivatif daripada *investor point*, ia nampak lebih *attractive, it is looks very attractive*. Kadang-kadang bila kita melabur dalam produk-produk derivatif ini, keuntungan dia boleh 25% ataupun dalam lima tahun kita dapat gandakan wang kita.

Kita sudah lihat bila ada masalah, sesuatu terjadi dalam dunia seperti 1997 ataupun baru-baru ini tidak berapa lama dulu, tahun 2008, bila ada *crisis subprime*, krisis di mana mereka telah melabur, memberi pinjaman kepada rumah kedua, rumah ketiga di Amerika Syarikat, bukan sahaja telah membawa kerugian kepada penduduk-penduduk, tetapi banyak bank pun telah ditutup seperti Lehman Brothers. Jadi saya hendak tahu di sini, memang kita hendak buat Malaysia satu *financial centre* yang bagus, nombor satu saya minta keterangan daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada daripada tenaga kerja, daripada *expertise* ini, di Malaysia kita ada orang yang betul-betul faham derivatif market ini atau tidak supaya kita boleh memberi *advice* yang betul kepada pelabur-pelabur sama ada syarikatkah atau individual.

Do we have this expertise in workforce recently atau kita hanya akan mengharapkan laporan-laporan daripada agensi-agensi antarabangsa yang mungkin tidak benar. Kedua, tentang agensi kawalan ini. Bila sesuatu syarikat hendak mengeluarkan derivatif di negara kita ini, bagaimana kita akan memantau sama ada produk ini betul-betul mengikut peraturan ataupun risikonya betul-betul seperti yang diberitahu dalam *prospectors*. Tidak ada *find print* yang *investors* tidak boleh baca dan kemudian sebab Nikkei sudah turunkah ataupun Nasdaq sudah turun, wang semua sudah hilang. Derivatif ini banyak komponennya, *very complex*. Jadi pemantauannya.

Jadi *last* sekali, bolehkah kita terima seperti Lehman Brothers, mungkin satu hari nanti satu bank yang begitu besar di Malaysia terlibat dalam derivatif aktiviti?

■1700

Bolehkah kita terima bank ini suatu hari atau pun institusi kewangan yang besar menjadi satu mangsa kepada *derivative*? Saya dengar tentang *subprime crisis* ini, nasib baik di Malaysia kita tidak mempunyai *exposure* sama ada syarikat atau pun bank-bank di Malaysia, *exposure* kita kepada *subprime crisis* tidak begitu besar atau tidak langsung. Akan tetapi Singapura, banyak bank yang terlibat pun, nasib baik kita tidak terlibat. Akan tetapi, bila kita hendak cakap kita hendak jadi *investor friendly*, hendak buat *derivative*, hendak buat itu, membenarkan bank-bank kita melabur dalam *subprime* ini atau pun agensi-agensi yang memegang wang-wang melabur dan *derivative*, risikonya begitu tinggi sekali.

Jadi, siapa yang akan memantau benda-benda seperti ini? Itu adalah soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Itu sahaja perbincangan saya, dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa lagi, tiada lagi? Yang Berhormat Menteri, minta Yang Berhormat menjawab, silakan Yang Berhormat.

5.01 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh dengan pencelahan Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff, Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon atas rang undang-undang kita, Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan.

Sebagaimana yang telah diberikan contoh oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki tadi, saya ingin mengesahkan bahawa contoh itu adalah benar, contoh antara dua Yang Berhormat yang berhutang. Saya ingin memberikan contoh Syarikat 'A', katalah Syarikat 'A' berhutang dengan Syarikat 'B', RM1 juta, pada ketika yang sama Syarikat 'B' juga berhutang dengan Syarikat 'A' RM800,000. Maka, tanpa obligasi pembayaran yang ada *netting* ini, Syarikat 'A' kena membayar RM1 juta kepada Syarikat 'B' dan pada ketika yang sama, Syarikat 'B' yang sudah mufliis kena membayar RM800,000 kepada Syarikat 'A'. Bagaimana syarikat yang sudah mufliis itu membayar RM800,000? Jadi, RM800,000 itu tidak mungkin dapat dibayar oleh syarikat yang sudah mufliis.

Oleh kerana itu, kita mengadakan rang undang-undang ini supaya Syarikat 'A' membayar hanya RM200,000 kepada Syarikat 'B' tanpa perlu membayar RM1 juta kepada Syarikat 'B' dan Syarikat 'B' pula tidak perlu membayar RM800,000 kepada Syarikat 'A'. Apabila kita bersih tolakkan, RM1 juta dengan RM800,000, bayaran yang dikenakan hanya RM200,000 dibayar oleh Syarikat A kepada Syarikat 'B'. Itu sahaja sebenarnya cerita rang undang-undang kita ini.

Contoh macam Bank A dengan Bank 'B', transaksi Bank 'A' perlu bayar RM1 juta kepada Bank 'B', Bank 'B' pula perlu bayar RM800,000 kepada Bank 'A', katalah masing-masing berhutang begitu. Kalau tanpa pembayaran yang tidak *netting friendly* ini atau pun tanpa penghasilan bersih, maka Bank 'A'

kena bayar RM1 juta dan Bank 'B' kena bayar RM800,000. Namun, oleh kerana kita ada obligasi pembayaran dengan penghasilan bersih ini, Bank 'A' hanya perlu membayar RM200,000 kepada Bank 'B' jika Bank 'B' sudah muflis. Tidak perlu Bank 'B' membayar, sebab tidak mungkin Bank 'B' boleh membayar kepada Bank 'A' sejumlah yang saya sebutkan tadi.

Ini dapat mengurangkan risiko keseluruhan dalam pasaran kewangan. Sebagaimana Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam menyebut, adakah ia menjamin hak pelabur asing dan pelabur tempatan? Ya, memang benar, rang undang-undang ini menjamin hak pelabur asing dan pelabur tempatan. Begitu juga berapakah jumlah transaksi *derivative* yang terlibat di Malaysia, tanpa status *netting friendly*, jumlah keseluruhan *notional* anggaran dedahan kredit transaksi kewangan *derivative*, contoh-contoh seperti *swap* kadar faedah, *foreign exchange* hadapan, *option*, *swap* matawang bersilang dan sebagainya, jumlah di Malaysia RM1.3 trilion.

Sekiranya Malaysia mempunyai status *netting friendly*, dedahan kredit akan berkurangan hanya kepada RM5.2 bilion. Dengan dedahan kredit yang kecil, maka risiko di pasaran kewangan domestik juga dapat dikurangkan disebabkan penggunaan modal yang lebih efisien mengikut kerangka peraturan PESTEL 3 dan seterusnya dapat meningkatkan daya saing pasaran kewangan Malaysia.

Rang undang-undang ini juga tidak bermaksud untuk memberi kebenaran kepada institusi kewangan untuk bertransaksi *derivative* secara spekulasi atau *speculative*. Institusi-institusi kewangan adalah masih tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara. Contohnya, peraturan bahawa transaksi *derivative* mesti tertakluk kepada modal berbayar yang sedia ada. Sekurang-kurangnya modal berbayar, sebagai contoh RM800 bagi setiap transaksi *derivative*, modalnya perlu RM10,000. Kemudian, tertakluk juga kepada keperluan pengurusan risiko, tertakluk kepada had kredit yang ditetapkan oleh Bank Negara dan transaksi juga dikawal selia dan dipantau oleh Bank Negara secara aktif. Supaya tidak berlaku apa yang dikhuatiri oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

Apakah *derivative* ini? *Derivative* adalah instrumen kewangan yang bersandarkan kepada instrumen atau aset pelaburan asas yang memainkan peranan penting sebagai alat pengurusan risiko. Terutama syarikat-syarikat menjalani perniagaan eksport import dan pengurusan dana, dengan izin, *asset management*. *Derivative* digunakan untuk mengurangkan risiko, setakat ini, RUU ini membenarkan penghasilan bersih penamat atau *gross out netting* bagi transaksi-transaksi berikut.

Derivative seperti *swap* kadar faedah, opsiyen dan kontrak hadapan, beli semula atau *re-purchase* dan pemberian pinjaman atau peminjaman sekuriti, dengan izin, *securities lending or borrowing*. Mekanisme penghasilan bersih penamat digunakan dalam transaksi tersebut bagi mengurangkan risiko kredit dan pasaran.

Rang undang-undang ini juga memberi fleksibiliti kepada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Perbadanan Insurans dan Deposit Malaysia (PIDM) dan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad untuk memberikan perlindungan yang sama pada transaksi kewangan lain. Contoh-contoh *derivative* saya sudah sebut, saya sebut lagi sekali, FOREX, dengan izin, *interest rate swap*, *profit rate swap*, *option*.

Ya betul, rang undang-undang ini Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, memang melindungi *derivative* Islam, sama ada *profit rate swap*, *gross currency swap*, dengan izin, dan instrumen-instrumen di bawah ISDA, *tahawwud master agreement*. *Tahawwud* itu maksudnya lindung nilai atau pun *hedging*.

Kerajaan lebih bersedia untuk menghadapi krisis atau spekulasi masa kini, tadi ada ditimbulkan. Apakah langkah-langkah itu? Pemantauan pasaran kewangan yang lebih mantap termasuk kerjasama serantau. Kemudian, kita juga ada kuasa-kuasa penyeliaan dan agensi-agensi kerajaan untuk mengambil tindakan atau kawalan bagi menangani aktiviti-aktiviti spekulasi yang telah dibentuk semenjak krisis yang disebutkan tadi krisis 1997-1998. Kemudian kedudukan rizab antarabangsa dan kewangan negara yang lebih baik berbanding krisis Asia yang dulu.

Seperkara lagi, Bank Negara Malaysia juga mengambil langkah-langkah yang ketat untuk memastikan bahawa urus niaga *derivative* di Malaysia adalah bertujuan untuk melindungi nilai aset, dengan izin, *hedging purposes*. Bank Negara Malaysia juga mengawal selia bank-bank yang berurus niaga di Malaysia supaya keadaan kewangan bank-bank di Malaysia tidak terjejas disebabkan penggunaan *derivative* yang terlampau. Perlu ditekankan bahawa *derivative* adalah instrumen yang sedia ada dan memang didagangkan di Malaysia seperti di bursa, Niaga Hadapan Kelapa Sawit, getah dan sebagainya adalah *derivative* perniagaan hadapan ini dan pasaran melalui kaunter seperti *foreign exchange* niaga hadapan dan kadar *swap* faedah. Akta ini hanya memberi jaminan landasan bahawa hak-hak pelabur atau pengguna *derivative* tersebut terjamin jika berlaku sebarang kemuflihan. Apabila muflihs baru akta ini terpakai mana-mana pihak. Antara contoh-contoh *derivative* yang akan disokong oleh akta ini yang penting untuk pelaburan dan pengurusan risiko adalah kadar *swap* faedah dan *foreign exchange* hadapan. Buat masa ini, institusi-institusi kewangan domestik menghadapi risiko lebih tinggi tanpa *gross netting* atau penghasilan bersih.

Ini tambahan tadi yang disebut sebagai Lehman Brothers dan sebagainya itu. Menurut data daripada Bank of International Settlement pada Disember 2013, jumlah *derivative* melalui kaunter atau *national over the counter derivatives*, dengan izin, di dunia ialah, ini disebutkan juga oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki. Saya menyatakan nilainya, iaitu USD710.2 trilion, besar jumlahnya. Tanpa penghasilan bersih penamat, adalah dianggarkan bahawa jumlah pendedahan kadar pasaran atau *gross market value*, dengan izin, ialah USD18.7 trilion. Akan tetapi dengan penghasilan bersih penamat yang kita lakukan sekarang ini, RUU ini, anggaran pendedahan kredit atau *credit exposure* ialah hanya USD3 trilion.

■1710

Tanpa perlindungan *netting* akan menyebabkan kenaikan pendedahan kredit sebanyak RM15.7 trilion dan bank-bank akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan cagaran sebanyak itu. Tambahan pula jumlah modal yang perlu diketepikan adalah USD 1.33 trilion iaitu 8% daripada kenaikan pendedahan kredit tersebut.

Kes kebangkrutan Lehman Brothers pada September 2008 juga memberi contoh yang baik tentang kepentingan penghasilan bersih penamat. Sebelum Lehman Brothers memfailkan petisyen

kebankrapan, jumlah transaksi yang masih aktif dalam portfolio telah menjangkau RM900,000 dengan jumlah anggaran USD35 trilion iaitu 5% daripada jumlah *notional* serata dunia. Anggaran pendedahan kredit tanpa penghasilan bersih penamat adalah lebih kurang USD1 trilion.

Manakala dengan penghasilan bersih penamat anggarannya dapat dikurangkan hanya sehingga USD50 bilion bukan USD trilion. Ini adalah jumlah bersih yang perlu dibayar oleh Lehman Brothers pada institusi-institusi lain. Di peringkat antarabangsa, jumlah *notional derivative* dan pendedahan nilai pasaran adalah tinggi terutama di negara-negara yang berstatus *netting friendly*. Ini kerana pelabur-pelabur ingin melindungi nilai atau *hedge portfolio*.

Di Malaysia sebagaimana saya sebut tadi, jumlah *national derivative* ialah RM1.3 trilion dgn anggaran nilai pasaran sebanyak RM31.8 bilion. Sekiranya Malaysia mempunyai status *netting friendly*, pendedahan kredit hanyalah sebanyak RM5.2 bilion. Saya ingin menyatakan di sini contoh-contoh negara yang berstatus *netting friendly* iaitu Afrika Selatan, Anguilla, Austria, Belgium, Brazil, British Virgin Islands, Colombia, Denmark, Finland, Greece, Hungary, Iceland, Perancis, Norway, New Zealand, Mexico, Mauritius, Malta, Luxembourg, Lithuania, Canada, German, Italy, Peru, Poland, Portugal, Republic Czech, Romania, Russia, Slovakia, Slovenia, Sepanyol, Sweden, Switzerland, United Kingdom, Amerika Syarikat, Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong, Jepun, Australia, Thailand dan Singapura. Negara jiran yang tidak *netting friendly* Filipina, Indonesia dan China misalnya. Malaysia selepas kita meluluskan ini, maka kita akan jadi *netting friendly* dan negara-negara yang ingin berdagang dengan Malaysia akan lebih *confident* dengan kita. Ini kerana kita mempunyai status *netting friendly* yang boleh menyelesaikan masalah jika ada kemuffisan dan juga apa yang berlaku di ekonomi dunia.

Terima kasih kepada semua yang terlibat, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi memang pakar dalam bab ini dan beliau telah menjadi ketua editor kepada satu buku yang saya hendak sebut di Dewan ini. Buku "*Islamic Financial System*", buku teks yang dianggap oleh dunia di luar sana sebagai buku teks yang terbaik dalam dunia mengenai *Islamic Financial System*. [Tepuk] Terima kasih. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[**Fasal-fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, maka setakat ini dululah sesi kita pada hari ini. Jadi sebelum saya tangguhkan Dewan ini, ingin saya mengingatkan pada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa esok 2 Disember 2014, hari Selasa selepas sesi soal jawab lisan, kita akan membentangkan rang undang-undang *Malaysian Airline*. Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membuat persiapan supaya esok ramai yang boleh turut serta membahaskan rang undang-undang ini.

Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan kita hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 2 Disember 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.16 petang.]